



# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KELIMA**  
*Fifth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

## **KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 6673]

**MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN**  
**MESYUARAT 18:**

**Pendatang Haram Vietnam [Ruangan 6713]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 6717]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 6717]**

**Rang Undang-undang Insurans (Pindaan) [Ruangan 6755]**

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KELIMA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG PERTAMA

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, **DATO HUSSEIN ONN**, D.K. (Johor) (Sri Gading).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATO' LEE SAN CHOON**, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

.. Menteri Pengangkutan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM**, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).

.. Menteri Undang-undang, **DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH**, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI**, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

.. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE**, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF**, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).

.. Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI**, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

.. Menteri Pertahanan, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD**, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

.. Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

.. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' MICHAEL CHEN WING SUM**, D.P.M.S. (Ulu Selangor).

.. Menteri Pelajaran, **DATO' MUSA BIN HITAM**, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

.. Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH**, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).

.. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS**, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).

.. Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN**, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

.. Menteri Pertanian, **DATO' SHARIFF AHMAD**, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

.. Menteri Penerangan, **DATO' MOHAMED BIN RAHMAT**, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

- Yang Berhormat** Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- .. Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- .. Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- .. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S (Saratok).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- .. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- .. Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N. (Sungei Siput).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam,**  
 DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).

Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).

„ DR CHEN MAN HIN (Seremban).

„ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).

„ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).

„ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).

„ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).

„ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).

„ TUAN V. DAVID (Damansara).

„ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).

„ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).

„ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).

„ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).

„ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).

„ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).

„ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).

„ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).

„ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).

„ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).

„ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).

„ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).

„ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).

„ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).

„ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).

„ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).

„ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).

„ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).

„ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).

„ TUAN MARK KODING (Kinabalu).

„ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).

„ TUAN LEE KAW (Keluang).

„ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

„ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).

„ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).

„ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).

„ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).

„ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).

„ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).

„ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).

„ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).

„ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- „ TUAN Oo GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Selasa, 19hb Jun, 1979

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan  
Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**OVERHEAD BRIDGES/SUB-WAYS/  
HIGHWAY PATROL DI LEBUHRAYA**

**1. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbangkan beberapa faktor bahawa di mana-mana Federal Highways yang baru dibuat seperti Kuala Lumpur—Seremban Highway misalnya tidak dibenarkan rumah-rumah atau kedai-kedai didirikan di tepi jalan; merancang untuk mengadakan simpangan jalan dengan mengadakan sub-ways atau overhead bridges supaya perjalanan kenderaan tidak terganggu dan dapat mengelakkan kemalangan jalanraya; sama ada speed limit dapat ditetapkan, misalnya 55 b.s.j. untuk kereta dan lori/bas 40 b.s.j. disamping mengadakan Highway Patrol yang bertugas khas di jalan-jalan seperti yang dibuat di Amerika Syarikat, Germany, Switzerland, France dan negara-negara Eropah yang lain. Jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, sukacita saya maklumkan bahawa Kerajaan pada masa ini telah dan sedang mengambil langkah-langkah untuk menyekat pembinaan rumah-rumah dan kedai-kedai di tepi-tepi Lebuhraya yang baru dibina. Kementerian saya juga sedang mengambil perhatian untuk membina overhead bridges dan sub-ways di tempat-tempat yang difikirkan perlu di semua

lebuhraya-lebuhraya di negara ini dan sedang menimbangkan untuk menetapkan had laju 'speed limit' kepada jenis-jenis kenderaan yang menggunakan lebuhraya-lebuhraya tersebut. Mengenai highway patrol pula, saya suka menjelaskan bahawa kajian yang teliti mengenai penubuhan unit itu sedang dibuat oleh Kementerian saya.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengelakkan berlakunya banjir atau bah di tempat-tempat yang rendah selepas pembinaan lebuhraya (highway) dan di sini saya ingin memberi satu umpama iaitu Lebuhraya di antara Kuala Lumpur ke Seremban di mana bila sudah sampai peringkat Jalan Sungai Besi iaitu satu tempat yang rendah saya nampak bahawa selalu berlaku banjir. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah langkah yang akan diambil?

**Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan daripada jalanraya-jalanraya yang telah dibuat beberapa lama didapati ditenggelami air semasa banjir dan banyak di antara jalan-jalan ini sedang di "upgrade"kan dengan meninggikan lagi level jalan-jalan ini.

Bagi jalan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, ini berkaitan dengan ada sinking ataupun turun foundation jalan itu dan sedang dikaji untuk diperbaiki secepat mungkin.

**Dr Chen Man Hin:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu anggaran berapa kemalangan (accident) telah berlaku di Expressway Seremban—Kuala Lumpur sehingga sekarang.

**Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, itu memerlukan notis.

**Dr Chen Man Hin:** Ada banyak tempat-tempat di Expressway Kuala Lumpur—Seremban tidak ada perkhidmatan maintenance. Oleh sebab itu beberapa tempat bukan sahaja bah bila hujan lebat tetapi ada tempat-tempat tanah runtuh. Ini menyebabkan banyak berlaku kemalangan. Adakah rancangan atau langkah untuk mengatasi masalah ini.

**Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, peruntukan memang ada dan kerja-kerja sentiasa dibuat untuk maintenance highway di bawah Kementerian saya.

Saya tidak tahu di mana Ahli Yang Berhormat nampak jalan ketinggalan tidak di "maintain".

**Dr Chen Man Hin:** Mengikut pengaduan-pengaduan daripada orang ramai termasuk saya sendiri apabila banjir atau bah di jalan itu selepas ½ jam hujan, bah itu menjadi satu sebab kemalangan berlaku. Kepada saya pun ada terjadi macam itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri bertanya tadi dekat mana, banjir itu berlaku. Yang Berhormat berulang alik dari Seremban ke Kuala Lumpur, dekat batu berapa.

**Dr Chen Man Hin:** Dekat Bangi dan di dua tiga tempat lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, boleh dikatakan kita semua maklum banjir ini bukan disebabkan oleh jalanraya, ada sebab-sebab lain yang tidak berkaitan dengan Kementerian saya. Kalaulah Jabatan Parit dan Taliair (D.I.D.) dalam pembinaan parit, terpaksa menutup saluran air dan mungkin menimbulkan keadaan banjir dan melibatkan banjir atas jalan. Jadi, saya tidaklah boleh memberi dengan secara tepat apakah langkah-langkah yang dibuat sama ada tempat-tempat yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu banjir kerana jalan itu rendah ataupun banjir kerana sewaktu sahaja.

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa dalam pembinaan jalanraya baharu itu adakah Kerajaan mencadangkan supaya membina kawasan hentian bagi kenderaan-kenderaan

yang rosak atau pemandu-pemandu yang ingin berihat dalam perjalanan mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kereta rosak macam mana ini?

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kenderaan yang rosak itu terpaksa memberhentikan kenderaan mereka di jalanraya kerana kekurangan kawasan hentian.

**Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedang mengkaji secara mendalam untuk meidentifikasikan tempat-tempat dijadikan tempat rest ataupun untuk mengadakan tempat bagi service kepada pengguna-pengguna jalanraya untuk berihat dan sebagainya, dan kajian ini masih lagi berjalan dan tidak lama lagi barangkali akan dapat disediakan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Berkenaan dengan Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban yang sudah jadi satu death track di mana berlaku banyaknya kemalangan dan kehilangan nyawa, bolehkah Kementerian yang berkenaan menubuhkan satu yunit untuk mengkaji perkara ini di mana dalam masa satu dua tahun ini di mana terdapat Lebuhraya dan di mana kemalangan selalu berlaku dan apabila hujan ada banjir sungguhpun banjir itu bukan disebabkan oleh Kementerian tetapi apabila banjir berlaku ini menjadi bahaya kepada orang ramai dan perkara itupun adalah tanggungjawab Kementerian. Begitu juga jalan tidak rata, tempat sangat uneven yang menyebabkan berlaku kemalangan dan oleh kerana nyawa terlibat bolehkah satu yunit khas ditubuhkan.

**Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya soal membaiki keadaan ini tidaklah memerlukan satu yunit khas. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang diketahui oleh Yang Berhormat sendiri Lebuhraya Seremban/Kuala Lumpur ini adalah dalam peringkat pertama dan peringkat yang kedua. Kami sedang menjalankan kajian untuk peringkat kedua akhir dan peringkat yang ketiga untuk menaikkan lagi taraf jalan ini di mana akan diadakan interchanges dan sebagainya, ini akan menyelamatkan keadaan pengguna-pengguna jalan.

## BAS LAJU DI JALANRAYA

**2. Wan Zainab binti M. A. Bakar** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat bas-bas yang lari sangat laju di jalan-jalan raya yang membahayakan orang ramai dan juga penumpang-penumpang dan jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil mengenai perkara ini.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pengangkutan Jalan dan pihak Polis Di Raja Malaysia adalah sentiasa mengambil tindakan terhadap semua pemandu-pemandu kenderaan termasuk pemandu bas yang membawa kenderaan masing-masing dengan lebih laju daripada yang dihadkan kepada kenderaan-kenderaan atas jalanraya-jalanraya yang tertentu.

Dalam tahun 1977 dan 1978 Jabatan Pengangkutan Jalan telah mengambil tindakan menggantung lesen driver vokesyenal ke atas 373 dan 442 pemandu-pemandu yang melakukan kesalahan termasuk membawa kenderaan yang laju. Manakala pihak Polis pula telah mengambil tindakan saman ke atas 27,501 pemandu-pemandu kenderaan dalam tahun 1977 dan 33,396 dalam tahun 1978 bersabit dengan lari deras.

Selain daripada itu baharu-baharu ini pihak Polis telah memperkenalkan satu alat bernama VASCAR (Visual, Average Speed Computer and Recorder) untuk mengesan kederasan sesebuah kenderaan itu.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soal tambahan. Sebenarnya kita dapati banyak bas-bas yang lari lebih daripada laju yang dihadkan terutama Bas-bas Express MARA. Jadi, apakah Kementerian bercadang untuk mengadakan satu task force ataupun mengadakan satu badan yang mengawasi supaya bas-bas ini tidak lari terlampau laju dan menjamin yang kelajuannya tidak lebih daripada had yang ditentukan.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya menganggap suatu task force tidak diperlukan sebab penguatkuasaan Undang-undang yang dijalankan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis Di Raja Malaysia adalah memuaskan.

Berkenaan dengan bas-bas express yang dikatakan berjalan terlalu cepat, saya min-talah maklumat tambahan daripada Ahli Yang Berhormat supaya Jabatan Pengangkutan Jalan boleh memberi perhatian yang lebih kepada kawasan-kawasan yang disebutkan itu.

**Tuan Hashim bin Ghazali:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjawab mengatakan peraturan yang telah ditentukan telah dikawal oleh pihak Polis dan oleh pihak Jabatan di bawah Kementeriannya supaya mengawasi kenderaan-kenderaan yang laju dan telahpun mengambil tindakan yang begitu banyak. Sungguhpun begitu sampai akhir-akhir ini masih terdapat kelajuan bas/lori yang telah ditetapkan kelajuannya oleh pihak Kementerian. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau beginilah keadaannya semakin bertambah sungguhpun telah dijalankan undang-undang, apakah langkah-langkah yang patut ditambah lagi supaya pengawasan kelajuan seperti yang ada sekarang ini dapat dikawal?

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa Kementerian dan jabatan yang berkenaan cuma dapat mengurangkan kelajuan bas dan lori di jalanraya. Saya percaya kalau manusia hendak melanggar undang-undang apa-apa langkah pun yang diambil oleh Kerajaan tidak dapat menghapuskan kesalahan yang berkenaan. Walau bagaimanapun, Jabatan yang berkenaan dan pihak Polis Di Raja Malaysia telah menambahkan tindakan penguatkuasaan dan mengikut rekod yang saya bacakan tadi nampaknya tindakan ini sangat berhasil.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebut bahawa pihak Polis sedang menambah rondaan kereta ronda. Bagaimanapun tambahan ini tentulah tidak cukup untuk menampung jumlah bas yang banyak di jalanraya. Saya ingin bertanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa di bandar culprit yang besar sekali dalam soal bas ini ialah bas mini, saya ingin tahu adakah pihak Kementerian bercadang hendak menyasat sistem sewa bas-bas mini yang ada sekarang yang saya faham

didasarkan atas banyak trip dan banyak passenger yang dibawa, lagi banyak passenger yang dibawa, lagi banyak komisyen didapati oleh driver dan sebagainya yang menyebabkan pihak driver terpaksa membawa bas dengan laju dan secara reckless yang membahayakan orang ramai.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pihak polis setakat ini telahpun mendapati 22 set naskah dan alat-alat tambahan akan didapati pada masa akan datang. Kalau alat-alat tambahan difikirkan perlu pihak polis mengikut fahaman Kementerian saya akan membeli mana yang diperlukan. Berkenaan dengan bas mini Kementerian saya sedar bahawa ada terdapat penyelewengan dalam sewa bas-bas mini yang ada di bandaraya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat permit-permit bas mini dikeluarkan oleh Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan di bawah tanggungjawab Kementerian Perusahaan Awam dan Kementerian saya faham bahawa Kementerian yang berkenaan ini sedang mengkaji dengan teliti masalah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan saya percaya tidak lama lagi Kementerian akan mengumumkan hasil kajiannya.

**Tuan Lee Lam Thye:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar terdapat bas-bas yang lari dengan had laju di jalanraya di bandar Kuala Lumpur misalnya di Jalan Pudu iaitu bas daripada Syarikat Foh Hup dan jika beliau sedar saya ingin mendapat tahu sama ada Yang Berhormat Menteri akan memberi satu arahan kepada pihak polis lalulintas supaya dapat melancarkan satu kempen khas terhadap bas-bas itu.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas makluman itu dan Kementerian saya akan mengarahkan Jabatan Pengangkutan Jalan dan pihak polis memberi perhatian kepada bas-bas Foh Hup di Jalan Pudu itu.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, angka 35 b.s.j. yang ditulis di lori-lori dan bas-bas itu nampaknya tidak praktikal. Tulis 35 b.s.j. tetapi dia lari 65 b.s.j. Adakah Menteri bercadang hendak menukar 35 batu kepada 60 supaya dia ada sedikit

ekonomi sebab bas ini cari duit, lori cari duit, 35 b.s.j. hendak datang dari Alor Star ke Kuala Lumpur berapa hari? (*Ketawa*). Di mana dia dapat untung? Dia terpaksa lari, bila lari dia kena tangkap dan kena bayar compound. Bubuh 60 apa salahnya. Adakah Kerajaan bercadang hendak bubuh 60 b.s.j. meningkat sedikit had laju itu?

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya akan mengambil perhatian (*Ketawa*).

### SEKOLAH-SEKOLAH DI SABAH DAN SARAWAK

3. **Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan sekolah-sekolah di Sabah dan Sarawak tidak setimpal mutu pengajiannya dan begitu jugalah tingkatan pelajaran di kedua-dua Negeri ini, jika ya, apakah langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki mutu pelajaran di kedua-dua negeri ini; dan
- (b) sama ada beliau sedar tentang sangat kekurangan bilangan sekolah-sekolah dan guru-guru terlatih di Sabah dan Sarawak dan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah-masalah ini.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya tidak bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat bahawa kebanyakan sekolah-sekolah di Sabah dan Sarawak tidak setimpal mutu pengajian dan tingkatan pelajarannya. Lebih tepat kalau dikatakan mutu pengajian atau tingkatan pelajaran di negeri-negeri tersebut terbelakang sedikit berbanding dengan di Semenanjung Malaysia. Ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor sejarah. Walau bagaimanapun, dengan perluasan Akta Pelajaran 1961 meliputi kedua-dua negeri tersebut usaha untuk mengimbangkan mutu pengajian atau pelajaran di Sabah dan Sarawak dengan

Semenanjung Malaysia boleh dipesatkan.

- (b) Adalah tidak benar kalau dikatakan Sabah dan Sarawak sangat kekurangan bilangan sekolah dan guru-guru terlatih. Memang diakui bilangan sekolah yang ada di Sabah dan Sarawak, bahkan di Semenanjung Malaysia juga, tidak dapat menampung semua murid-murid untuk bersekolah dalam sidang pagi. Tetapi ini bukanlah bermakna bilangan sekolah tidak mencukupi sehingga ada kanak-kanak yang tidak dapat tempat di sekolah-sekolah. Sebenarnya di mana bangunan sekolah atau bilik darjah tidak mencukupi, sesebuah sekolah itu akan mengadakan dua sidang iaitu pagi dan petang, hinggalah bangunan-bangunan sekolah yang baru siap.

Kekurangan guru terlatih yang dikatakan itu ialah terhad kepada matapelajaran-matapelajaran tertentu sahaja, iaitu bagi matapelajaran Bahasa Malaysia di peringkat rendah dan Bahasa Inggeris dan Sains di peringkat menengah. Di Sabah terdapat sebilangan guru-guru yang tidak terlatih tetapi telah dilantik oleh Kerajaan Sabah. Mereka ini sedang diberi latihan ikhtisas. Di Sarawak pula bilangan pelatih bagi guru-guru Bahasa Malaysia dan Sains di Maktab-maktab Perguruan telah ditambah. Kementerian saya juga sedang menjalankan beberapa kursus untuk menambah bilangan guru-guru Bahasa Inggeris. Kementerian saya juga menempatkan guru-guru siswazah bagi berbagai-bagai matapelajaran untuk memenuhi keperluan negeri Sabah dan Sarawak tiap-tiap tahun mulai tahun 1978.

**Tuan Fung Ket Wing:** Is the Deputy Minister also aware that many of the school buildings in Sabah have been used by two different schools? Some of the private schools are also being used by Government Schools. For instance, Cheng Meng School in Sandakan is being used in the morning by Cheng Meng and in the afternoon by a Malay school which is also a Government school. Is there a shortage of schools in Sabah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Walaupun Ahli Yang Berhormat dari Sabah di bawah National Language Act boleh bercakap dalam bahasa Inggeris, tetapi sekurang-kurangnya meminta

izin dengan yang di-Pertua, sekurang-kurangnya, bahasa.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, keadaan yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu memanglah benar ada berlaku di Sabah, tetapi walau bagaimanapun jikalau tempat itu masih ada kekurangan bilik darjah atau tempat barangkali juga ada di antara sekolah-sekolah mereka ada membuat kerjasama semacam ini, ini boleh dikatakan satu gejala yang baik di antara sekolah-sekolah di negeri itu saya ucapkan terima kasih kepada sekolah-sekolah yang ada membuat kerjasama seperti itu.

**Tuan P. Patto:** Nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak faham langsung soalan tambahan yang dibuat oleh rakan saya. Apa yang dimaksudkan ialah pada sebelah pagi.....

**Tuan yang di-Pertua:** Beliau tidak faham barangkali fasal cakap Inggeris itu dia tidak berapa faham (*Ketawa*).

**Tuan P. Patto:** Mungkin. Soalan tambahan, Tuan Speaker. Sebenarnya apa yang dikatakan oleh rakan saya ialah sama ada beliau sedar bahawa ada sekolah yang menggunakan bahasa Tionghua sebagai bahasa penghantar yang menggunakan bangunan pada waktu pagi dan pada waktu petang pula digunakan oleh sekolah Bahasa Kebangsaan atau sekolah yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa penghantar. Dan saya tidak tahu bagaimana dua sekolah yang menggunakan dua aliran bahasa yang berlainan boleh menyatu padukan kerana timbul bermacam-macam masalah kalau sekolah itu beraliran dua bahasa dan menggunakan satu bangunan.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Speaker, apa masalahnya (*Ketawa*).

**Tuan P. Patto:** Adakah Yang Berhormat itu sedar hakikat ini dan kalau sedar tidakkah ini menimbulkan masalah terhadap pelajaran bagi murid-murid dan apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kementerian, dan bukan Timbalan Menteri datang ke Dewan ini membuat kelakar?

**Tuan Yang di-Pertua:** Dalam Standing Order 23 Ahli-ahli Yang Berhormat baca betul-betul, perkataan-perkataan yang tidak

perlu bagi soalan tambahan jangan disebut. Saya boleh katakan tidak ketat sangat mengikut Standing Order 23 itu. Peraturan Mesyuarat 23 (1) kalau baca betul-betul, 23 (2), 23 (3), 23 (1) (a) sampai berapa itu—boleh baca betul-betul. Perkataan yang sia-sia jangan digunakan. Ini yang akhir itu tidak mustahak.

**Tuan P. Patto:** Mungkin boleh ganti perkataan itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah, cukup.

**Tuan P. Patto:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak jawab?

**Dato' Chan Siang Sun:** Oleh kerana perkara sia-sia, saya tidak jawab (*Ketawa*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Di bawah Peraturan 23 (4) seseorang Menteri boleh enggan daripada menjawab dengan persetujuan Speaker.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, perkataan 'sia-sia' itu bukan sebab yang boleh diterima oleh Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Peraturan 23 (4) ini tidak diberi alasanpun tidak mengapa.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau tidak diberi alasan, itu boleh diterima. Dia sudah beri alasan kerana "sia-sia"; dia sudah jadi Menteri yang sia-sia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi ini bukan soalan tambahan! (*Ketawa*) Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada beliau sedar pada masa negara ini mempunyai sistem sekolah kebangsaan peringkat rendah dan sekolah rendah jenis kebangsaan Inggeris, banyak sekolah-sekolah telah digunakan bagi dua aliran dan kegunaan tersebut tidak pernah menimbulkan sebarang kerumitan.

**Dato' Chan Siang Sun:** Kementerian saya sedar.

## GAJI PEKERJA KILANG

4. **Tuan Chieng Tiong Kai** (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada beliau sedar bahawa gaji buruh kasar di kilang-kilang (kilang kayu dan lain-lain) adalah sangat tidak memuaskan pada masa ini dan kebanyakan kilang kayu tempatan memberi tidak lebih dari \$6.00 sehari bagi pekerja lelaki dan \$3.50 sehari bagi pekerja perempuan yang bekerja selama 8 jam. Jika ya, nyatakan:

(i) adakah Kementerian yang berkenaan telah merancang untuk mengadakan Gaji Minima yang berpatutan untuk buruh-buruh kasar tersebut.

(ii) bilakah sekiranya Gaji Minima yang berpatutan ini akan dilaksanakan?

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar ada terdapat kilang-kilang di mana gaji yang dibayar adalah rendah, terutama sekali bagi kerja-kerja yang tidak memerlukan apa-apa kemahiran ataupun latihan. Walau bagaimanapun, dalam kebanyakan kes-kes yang sedemikian, gaji pokok itu adalah ditambah dengan Elaun Bantuan Khas, yang lazimnya berjumlah \$30 sebulan dan lain-lain. Di setengah-setengah tempat pula, faedah-faedah yang lain seperti pengangkutan pergi kerja dan balik dengan percuma dan lain-lain ada juga diberi.

Mengenai kilang-kilang papan, gaji dan pendapatan yang dibayar didapati adalah berpatutan. Mengikut satu kajian yang dibuat oleh Kementerian saya pada akhir tahun 1977, angka-angka menunjukkan bahawa purata pendapatan pekerja laki-laki yang digaji terus ialah \$6.73 sehari sementara yang digaji secara kontrak ialah \$12.95 sehari. Bagi pekerja-pekerja perempuan pula yang digaji terus, pendapatan puratanya ialah \$5.33 sehari dan mereka yang digaji secara kontrak ialah \$6.00 sehari.

Kerajaan berpendapat bahawa buat masa sekarang, keutamaan di dalam matlamat pekerjaan kita, ialah untuk mewujudkan lebih banyak pekerjaan dan juga mengadakan lebih banyak kemudahan-kemudahan latihan untuk meningkatkan lagi

kemahiran pekerja-pekerja kita. Masanya belum sampai untuk mengadakan gaji minima di seluruh negara. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan berusaha sedaya upaya untuk menentukan bahawa gaji yang dibayar adalah berpatutan. Jika sekiranya Ahli Yang Berhormat itu mempunyai maklumat mengenai tempat-tempat kerja yang gaji pekerjanya sangat-sangat tidak memuaskan atau berpatutan, saya harap dapat dikemukakan ke Kementerian saya untuk tindakan sewajarnya.

### PENDATANG HARAM

**5. Tuan Ismail bin Said** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah yang terjadi kepada 36 orang Pendatang Haram yang dikatakan "hilang" dari Pulau Bidong baru-baru ini. Adakah segerombolan Pendatang Haram yang menyamun dan mengancam nelayan-nelayan tempatan di Dungun dan Kemaman merupakan sebahagian daripada yang "hilang" tadi.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada bahagian yang pertamanya sudah saya jawab pada 18-6-1979 dan mengenai pendatang haram yang dikatakan menyamun dan mengancam nelayan-nelayan tempatan di Dungun dan Kemaman ini adalah bukan daripada mereka yang lari seperti yang disebut dalam bahagian pertama soalan itu.

**Tuan Ismail bin Said:** Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu sama ada beliau sedar ataupun tidak bahawa nelayan-nelayan yang terlibat telah mengalami beberapa kerugian akibat daripada peristiwa rompakan ini. Jika sedar, adakah pihak Yang Berhormat Menteri bercadang hendak mengadakan ganti rugi kepada nelayan-nelayan yang berkenaan? Jika tidak mengapa?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah dalam siasatan dan saya sedar bahawa ada perampasan yang dibuat dan apakah langkah muktamad yang diambil adalah dalam pertimbangan.

### CARA MEMPERTAHANKAN NEGARA

**6. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah bentuk persediaan Kerajaan untuk mengawasi pencerobohan negara-negara lain terhadap negara kita seperti yang dialami oleh Negara Thai baru-baru ini; dan
- (b) adakah Kerajaan mengambil sebarang langkah bagi mengukuhkan lagi pertahanan di perbatasan bersempadankan Thailand dan bahagian Timur negara kita, jika tidak, mengapa.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sanggup hendak mengeluarkan bentuk cara mempertahankan negara kita, tetapi yang boleh saya beri jaminan bahawa dari semasa ke semasa dan ketikanya kita mengkaji dan menengok apakah ancaman terhadap negara kita dan persiapan yang tertentu mengikut masa dan ketika sedia diadakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Matang.

**Tuan Hashim bin Ghazali:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut keadaan di Tenggara Asia pada masa ini dua buah negara mendapat perhatian daripada kita iaitu Kampuchea seolah-olah hendak menyerang Thailand dan Vietnam pula menyebabkan pendatang-pendatang haram datang begitu ramai ke dalam negara kita. Saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri adakah rancangan pemimpin-pemimpin Kerajaan kita untuk melawat ke negara Kampuchea dan Thailand bagi mengadakan perundingan-perundingan bagi menyelesaikan masalah di Vietnam berkenaan dengan pendatang haram di Kampuchea supaya tidak ada pencerobohan berlaku.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pendatang haram memang ada usaha daripada pihak Kerajaan kita dengan Kerajaan Vietnam bukan sahaja dengan secara langsung tetapi juga melewati United Nations.

Berkenaan dengan Kemboja itu tidak dapat saya jawab kerana pada pengetahuan saya pada waktu ini bahawa kita tidak ada hubungan diplomatik dengan Kemboja.

### PERKHIDMATAN TELEFON DI LUAR BANDAR

**7. Tuan Hashim bin Endut** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah beliau sedar bahawa perkhidmatan telefon di kawasan-kawasan luar bandar adalah tidak memuaskan oleh kerana kerap kali gangguan-gangguan bunyi bising dan terputus-putus dan sebagainya dan adakah alat-alat yang digunakan itu telah ketinggalan zaman dan bermutu rendah; jika ya, apakah tindakan yang Kementerian bercadang hendak ambil?

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar ada sedikit kelemahan dalam perkhidmatan telefon di kawasan-kawasan luar bandar akibat dari gangguan sebagaimana Ahli Yang Berhormat sebutkan itu. Gangguan-gangguan bunyi bising dan terputus-putus itu mungkin disebabkan oleh kerosakan peralatan dalam ibu-sawat jenis lama dan sebab terputus talian akibat talian atas ditimpa dahan-dahan pokok atau sebagainya. Jabatan Telekom sedang berusaha mengatasi masalah-masalah tersebut dengan menggantikan peralatan ibusawat jenis lama di luar bandar dengan peralatan jenis baru.

Bagi mengatasi masalah terputus talian atas, Jabatan Telekom sedang mengambil tindakan memulihkan talian-talian atas yang selalu mengalami kerosakan dengan kebel-kebel atas yang bersalut atau menggunakan sistem hubungan radio.

Adalah diharapkan dengan terlaksanaannya kerja-kerja tersebut perkhidmatan telefon akan bertambah baik di masa hadapan. Kerja-kerja ini akan dilaksanakan di seluruh negara peringkat demi peringkat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Telok Anson.

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya selain daripada gangguan-gangguan yang dialami itu terdapat juga kekurangan bekalan telefon awam di

kawasan-kawasan luar bandar. Adakah Kerajaan mencadangkan supaya bekalan telefon awam itu ditambah pada masa akan datang? Saya beri contoh, bagi Hilir Perak misalnya pada seluruh daerah hanya dapat 2 buah telefon awam sahaja bagi satu tahun.

**Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya ada cadangan untuk menambah lebih banyak lagi telefon awam khasnya kepada kawasan-kawasan luar bandar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Ulu Muda.

**Tuan Hashim bin Endut:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan yang diberi oleh Dato' Timbalan Menteri tadi nampaknya beliau sedar bahawa ada kelemahan-kelemahan dan sebab-sebab tertentu sepertimana dimaklumkan. Tetapi adakah Kementerian sedar bahawa kadangkala telefon tidak boleh digunakan tetapi kena bayar duit yang begitu tinggi. Service tidak dapat tetapi duit kena bayar dan kalau sedar apakah tindakan Kementerian berkenaan?

**Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, segala kerosakan yang dilaporkan kepada Jabatan Telekom akan diambil tindakan untuk membetulkan keadaan itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Ulu Trengganu.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Saya hendak dapat tahu apakah sebabnya lebih senang untuk berhubung daripada Ulu Trengganu ke New York dengan menggunakan telefon misalnya daripada menggunakan telefon daripada Kuala Berang ke Kuala Lumpur sedangkan jauhnya, jarak di antara satu tempat dengan yang lain itu sangat jauh berbeza?

**Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dibangkitkan dalam segi perhubungan di antara tempat yang dimaksud oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah barangkali daripada segi saluran-saluran yang sedia ada adalah terhad. Tetapi sepertimana dalam jawapan saya,

Jabatan Talikom akan meluaskan lagi serta menambahkan saluran-saluran daripada kawasan-kawasan luar bandar kepada kawasan-kawasan bandar.

### NILAI BUKU-BUKU DIIMPORT

8. **Tuan Au How Cheong** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) nilai buku-buku yang diimport daripada United Kingdom dan Amerika Syarikat bagi 3 tahun yang lampau;
- (b) bagaimana Kerajaan menentukan kadar pertukaran wang bagi buku-buku yang diimport; dan
- (c) untuk menentukan kadar pertukaran lebih tinggi daripada kadar Bank, adakah Kerajaan menimbangkan bahawa pengimport-pengimport itu diberi potongan atas harga-harga yang disebutkan kerana mereka membeli dengan cara besar-besaran (in bulk)?

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) nilai buku-buku yang diimport daripada United Kingdom dan Amerika Syarikat bagi 3 tahun yang lepas ialah sebanyak M\$11.33 juta bagi tahun 1976; M\$12.71 juta bagi tahun 1977 dan M\$21.46 juta bagi tahun 1978. Pecahan angka-angka ini mengikut Negeri pengeksport adalah seperti berikut:

<i>United Kingdom</i>			
1976 .. .. .	..	..	M\$ 7.13 juta
1977 .. .. .	..	..	M\$ 7.60 "
1978 .. .. .	..	..	M\$10.02 "
<i>Amerika Syarikat</i>			
1976 .. .. .	..	..	M\$ 4.20 juta
1977 .. .. .	..	..	M\$ 5.11 "
1978 .. .. .	..	..	M\$11.44 "

Buku-buku ini adalah terdiri daripada buku-buku bercetak, buku-buku kecil, buku untuk kanak-kanak dan buku-buku peta, termasuk atlas.

- (b) Kadar pertukaran maksima bagi buku-buku import adalah ditetapkan pada

dua peringkat, iaitu kadar bagi peringkat pengimport dan bagi peringkat penjual runcit.

Kadar pertukaran bagi peringkat pengimport ialah kadar yang dikenakan oleh pengimport-pengimport kepada penjual-penjual runcit. Kadar ini ditetapkan berdasarkan kepada faktor-faktor seperti berikut:

- (i) Kadar pertukaran matawang purata (average exchange rate) bagi tempoh enam bulan sebelumnya menurut kadar yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia;
- (ii) Diskaun yang diberi oleh penerbit di luar Negeri kepada pengimport;
- (iii) Lain-lain kos yang ditanggung oleh pengimport, iaitu kos tetap (overheads), pengangkutan, insuran, stok tak laku (deadstocks) dan lain-lain kos pengeluaran; dan
- (iv) Diskaun yang diberikan kepada penjual-penjual runcit.

Manakala kadar pertukaran bagi peringkat penjual runcit pula ialah kadar yang dikenakan oleh penjual-penjual runcit kepada pengguna. Kadar bagi peringkat ini ditetapkan berdasarkan kepada faktor-faktor seperti berikut:

- (i) Kadar pertukaran yang dikenakan oleh pengimport;
- (ii) Diskaun yang diberi oleh pengimport; dan
- (iii) Kos tetap, stok tak laku dan lain-lain kos pengurusan.

Kadar-kadar pertukaran yang telah ditetapkan itu diulangkaji setiap enam bulan sekali. Jika kadar pertukaran matawang purata sepertimana yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia untuk tempoh enam bulan sebelum ulangkaji itu berubah melebihi 5% berbanding dengan kadar asas, maka kadar-kadar pertukaran matawang untuk buku-buku import bagi tempoh enam bulan yang akan datang akan diubah-suaikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini menetapkan kadar pertukaran bagi tujuan ini hanya untuk empat jenis matawang sahaja, iaitu Paun Sterling, Dollar Amerika Syarikat, Dollar Australia dan Rupee India oleh kerana sebahagian besar daripada buku-buku import adalah berasal daripada negara-negara yang berkenaan.

- (c) Adalah dimaklumkan bahawa faktor diskaun atau potongan harga yang diberikan kepada pengimport telah diambil kira sepertimana yang dinyatakan dalam jawapan kepada soalan (b) tadi. Sekiranya diskaun kepada pengimport tidak diambil kira, kadar pertukaran ini akan menjadi lebih tinggi lagi.

### KENAIKAN HARGA PETROLIAM

**9. Tuan Oo Gin Sun** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan memandang kepada kenaikan harga petroliam yang berterusan di dunia sekarang sama ada langkah-langkah telah diambil untuk menjalankan suatu kajian yang lengkap ke atas gas-gas yang sekutu daripada telaga-telaga minyak di negara kita supaya cara-cara boleh didapati untuk mengalih gas-gas tersebut kepada bahan-bahan tenaga bagi kegunaan negara kita di masa hadapan.

**Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa Kerajaan memang sedar masalah yang timbul dari kenaikan harga petroliam yang berterusan di dunia sekarang. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat itu, memang benar langkah-langkah sedangpun diambil oleh Kerajaan untuk menjalankan satu kajian yang lengkap ke atas pengeluaran dan penggunaan gas asli bagi kegunaan negara kita di masa hadapan.

Pada masa ini perundingan sedang dijalankan di antara pihak PETRONAS dan ESSO bagi menentukan penggunaan Gas Asli yang terdapat di telaga-telaga minyak di Pantai Timor Semenanjung Malaysia. Pihak LLN bercadang untuk membina sebuah loji yang mempunyai keupayaan sebanyak 600 M/watt dan loji ini akan menggunakan Gas Asli yang akan dibawa daripada telaga minyak

ke pantai. Spesifikasi permulaan untuk loji ini sedang disediakan oleh LLN dan adalah dijangka bahawa loji ini akan siap dibina dalam tahun lapan puluhan. Saya suka menyatakan dalam hubungan penggunaan Gas Asli ini Kerajaan akan memberi keutamaan kepada penggunaannya bagi memenuhi keperluan tenaga negara.

### PENGELUARAN SIJIL BERANAK

**10. Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau menganggap kemungkinan memberi kuasa kepada Pegawai-pegawai Daerah, atau Pegawai Imigresen Bahagian, atau Resident Bahagian dalam hal berkaitan dengan Sarawak, untuk meluluskan pengeluaran sijil-sijil beranak supaya pemohon-pemohon sijil beranak tidak payah menunggu sebegitu lama.

**Timbalan Menteri Hal ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj):** Tuan Yang di-Pertua, syor Ahli Yang Berhormat itu supaya kuasa diberi kepada pegawai-pegawai Daerah atau Pegawai-pegawai Imigresen Bahagian atau Resident Bahagian di dalam hal berkaitan dengan Sarawak untuk meluluskan pengeluaran sijil-sijil beranak itu akan dikaji oleh Kementerian ini.

### BAYARAN KEPADA KONTREKTOR

**11. Tuan Lee Kaw** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar tentang kelewatan dalam membuat pembayaran kepada kontrektor-kontrektor dan ini mendatangkan kesulitan kepada kontrektor berkenaan, misalnya seorang kontrektor yang telah membina sebuah sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Ladang Bukit Benut telah tidak dibayar baru-baru ini "bayaran progress" yang telahpuh diluluskan pada bulan November tahun lalu, jika sedar, nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menentukan supaya bayaran-bayaran kepada kontrektor-kontrektor dibuat dengan seberapa segera yang boleh.

**Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Tuan yang di-Pertua, maksud soalan Yang Berhormat ini adalah serupa

dengan soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Wan Zainab binti M. A. Bakar yang telahpun saya jawab di Dewan yang mulia ini pada 15hb Jun, 1979 dan dengan jawapan yang telah diberikan ke atas soalan Yang Berhormat Puan Wan Zainab binti M. A. Bakar, maka soalan-soalan yang dibangkitkan ini telahpun dengan sendirinya terjawab.

Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan tersebut.

**Tuan Lee Kaw:** Soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri Kewangan sedar masalah pembayaran lambat ini kepada kontraktor kerana bayaran lambat ialah ada satu cash flow yang susah daripada kontraktor-kontraktor. Apakah tindakan yang sudah diambil oleh Menteri Kewangan menexpedite payment yang sudah lulus 5 bulan.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana agaknya Ahli Yang Berhormat itu tidak hadir pada hari itu biarlah saya terangkan sedikit apa yang telah dijalankan.

Pertamanya, untuk mengensan supaya kelewatan-kelewatan tidak berbangkit daripada pegawai-pegawai Kerajaan sendiri, Dewan yang mulia ini telahpun meluluskan satu Rang Undang-undang mengenai surcharge ke atas pegawai-pegawai yang sengaja melwatkan bayaran.

Kedua, pihak Perbendaharaan telahpun mengeluarkan surat-surat arahan supaya semua bil-bil akan dibayar tanpa kelewatan kepada semua pihak yang menuntut bayaran dan bayaran itu berhak baginya dalam masa 30 hari dan jika ini lewat juga lagi maka surcharge itu akan dikenakan.

**Tuan Lee Kay:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Masalah kontraktor bukanlah mahu dapat surcharge. Sebab-sebab perkara ini dibayar lambat, cash flow sudah jadi effected dan kontraktor tidak boleh beli barang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, soalnya apa? Yang Berhormat Timbalan Menteri telah terangkan yang menyebabkan lambat ini mungkin oleh sebab pegawai bayar lambat. Tindakan-tindakan sudah dibuat supaya jangan lambat lagi dibayar.

## HARGA MINYAK PETROL

**12. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar sungguhpun Miri merupakan sebuah pusat pengeluaran minyak, harga jualan minyak petrol di Miri adalah lebih mahal daripada harga minyak petrol yang dijual di lain-lain tempat di Sarawak, sila terangkan mengapa begini dan nyatakan apakah langkah-langkah yang Kerajaan bercadang hendak ambil untuk mengurangkan harga jualan minyak di Miri supaya menentukkan penduduk-penduduk Miri beruntung kerana bandar tersebut menjadi sebuah bandar pengeluaran minyak.

**Tuan Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa harga minyak petrol premium di Miri adalah lebih mahal daripada harga yang terdapat di setengah-setengah tempat di Sarawak. Pada kebetulannya harga minyak petrol premium di Miri adalah lebih hanya lima sen sahaja daripada harga yang terdapat di Kuching. Sebab-sebab keadaan ini timbul adalah seperti berikut:

- (a) Kedudukan harga minyak yang sedia wujud sebelum Kerajaan mengenakan pengawalan harga (price supervision) ke atas barang-barang petroliaam di bawah pengawasan Jawatankuasa Kajian Semula Harga, Kementerian saya. Misalnya, apabila Kerajaan memberi kelulusan menaikkan harga minyak sebanyak sepuluh sen satu imperial gallon, maka syarikat-syarikat minyak akan menambah sepuluh sen kepada harga yang tersedia ada kepada stesyen-stesyen yang berkenaan.
- (b) Di Sarawak ada dua syarikat minyak yang sedang membekalkan minyak, iaitu Syarikat-syarikat Shell dan Esso. Syarikat Esso mengimpot semua minyak petrol daripada Singapura, manakala Syarikat Shell hanya mengimpot 30% untuk keperluan di Sarawak dari Singapura. Oleh hal yang demikian, dari segi ekonomi bekalan (supply economy) harga minyak petrol di Sarawak adalah berdasarkan harga di Bandar Kuching dan harga di lain-lain tempat yang jauh daripadanya ditetapkan dengan mengambil kira kos pengangkutan.

Sekiranya Bandar Kuching tidak digunakan sebagai pusat bekalan (supply point), maka akan terdapat berlainan harga minyak dijual oleh Syarikat-syarikat Shell dan Esso di satu-satu tempat itu. Memandangkan kepada keadaan ini di mana Syarikat Esso membawa masuk semua minyak petrol daripada Singapura, maka syarikat ini tidak dapat bersaing dengan Syarikat Shell. Andainya ini berlaku, ia akan mewujudkan keadaan pemasaran yang tidak sihat di mana satu syarikat sahaja yang memonopoli pasaran minyak petrol di Miri. Kiranya apa-apa terjadi kepada syarikat itu seperti kerosakan jentera dan lain-lainnya, ini mungkin mengakibatkan tidak adanya bekalan minyak petrol bukan sahaja bagi kawasan berkenaan, tetapi jua di tempat-tempat lain juga.

- (c) Di samping itu, Syarikat Esso tidak dapat menjual minyak petrol premium lebih murah di Miri daripada Bandar Kuching kerana perbelanjaan pengangkutannya yang lebih bagi minyak tersebut untuk sampai ke Miri. Kerajaan Negeri Sarawak tersedia maklum mengenai perkara ini dan syarikat-syarikat minyak telahpun diberitahu. Perkara ini mungkin dapat dibetulkan apabila kajian kenaikan harga bagi Sabah dan Sarawak dibuat kelak.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bersetuju bahawa adalah sangat tidak adil di mana satu tempat yang mengeluarkan minyak sepatutnya harga minyak di tempat itu mesti lebih murah daripada lain-lain tempat, tetapi di Miri harganya lebih mahal. Tidak bolehkah satu peraturan dibuat di mana minyak yang dikeluarkan daripada Miri digunakan untuk memenuhi keperluan bekalan minyak di Miri melalui Shell yang ada di Sarawak.

**Tuan Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, cuma minyak Petrol Premium sahaja yang mana harganya di Miri adalah lebih daripada di Kuching, akan tetapi harga minyak biasa (Regular) pula adalah 5 sen kurang daripada harganya di Kuching. Jadi masalah adil atau tidak adil itu tidak timbul

oleh kerana Kerajaan hendak menyesuaikan keadaan di seluruh Negeri Sarawak, dan oleh itu tidak dapat hendak menumpukan usaha hanya kepada satu tempat sahaja. Jadi apabila Kerajaan membuat sesuatu keputusan itu, iaitu lazimnya yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional, kita mengambil kira beberapa faktor.

### LORI MEMBAWA MUATAN LEBIH

13. **Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (i) sama ada beliau bersetuju jika lori-lori membawa muatan yang berlebihan, pemandu-pemandu lori tidak patutlah didakwa kerana mereka terpaksa menerima arahan dari tuan punya lori; dan
- (ii) jika ya, sama ada beliau akan mengemukakan satu sistem di mana hanya tuan punya lori didakwa dan bukan pemandu-pemandu lori.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan satu dan dua, izinkan saya menjelaskan dasar yang diamalkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan mengenai lori-lori yang membawa muatan lebih.

Jabatan Pengangkutan Jalan menganggap muatan lebih menjadi satu punca utama kemalangan jalanraya. Namun demikian, dalam mengambil tindakan penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Jalan terlebih dahulu menentukan punca kesalahan sama ada atas kelakuan drebar itu sendiri atau atas arahan pengusaha-pengusaha lori. Jika atas arahan pengusaha-pengusaha atau tuanpunya lori maka ke atas drebar diberi amaran sahaja dan tindakan penguatkuasaan ditumpukan kepada pengusaha-pengusaha atau tuanpunya lori.

### TEREN EKSPRES RAKYAT

14. **Tuan Umar bin Haji Ismail** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bagaimanakah caranya Kementerian beliau menentukan atau memilih stesyen-stesyen bagi Keretapi Ekspres Rakyat singgah di sesebuah stesyen itu; adakah Kementerian beliau sedar bahawa orang ramai yang tinggal di daerah sekitar bandar Diraja Kuala Kangsar sangat berkehendakkan supaya Keretapi Ekspres Rakyat singgah di stesyen

bandar itu, jika ya, adakah Kementerian beliau bercadang supaya Keretapi Ekspres Rakyat singgah di bandar itu.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff):** Tuan Yang di-Pertua, teren Ekspres Rakyat ialah perkhidmatan 'Express' yang bertujuan memendekkan masa perjalanannya dengan berhenti di sebilangan stesyen-stesyen besar sahaja untuk memberikan perkhidmatan yang cepat. Minat kepada teren ini ialah disebabkan waktu perjalanannya yang pendek selain daripada memberi kemudahan-kemudahan koc yang baru dan moden. Dalam perjalanan dari Butterworth ke Kuala Lumpur teren ini berhenti di stesyen-stesyen Taiping, Ipoh, Kampar, Tapah dan Tanjung Malim di mana bilangan penumpang-penumpangannya adalah ramai.

Pada masa ini sungguhpun teren Ekspres Rakyat tidak berhenti di Stesyen Kuala Kangsar tetapi terdapat 6 teren lain yang berhenti di Stesyen Kuala Kangsar tiap-tiap hari yang boleh digunakan oleh penduduk-penduduk di Kuala Kangsar.

### PROJEK BELIA NELAYAN

15. **Tuan Awang bin Jabar** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan, adakah Kementerian merancang untuk mengadakan projek belia nelayan, bagi memberi bimbingan kepada belia-belie dalam masyarakat nelayan dalam negara ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Luhut Wan):** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya projek belia nelayan sudahpun dilaksanakan di bawah Rancangan Belia Peladang. Rancangan Belia Peladang mengambil makna 'pertanian' dalam ertikata yang luas termasuk aktiviti-aktiviti perikanan dan nelayan.

Untuk makluman Yang Berhormat Kementerian saya telahpun melaksanakan 91 projek percubaan di seluruh negeri Malaysia:

<i>Negeri</i>	<i>Projek</i>
Perlis .. .. .	4
Kedah .. .. .	10
Pulau Pinang .. .. .	6

<i>Negeri</i>	<i>Projek</i>
Perak .. .. .	8
Selangor .. .. .	6
Negeri Sembilan .. .. .	8
Melaka .. .. .	5
Johor .. .. .	7
Pahang .. .. .	15
Trengganu .. .. .	8
Kelantan .. .. .	8
Sabah .. .. .	3
Sarawak .. .. .	3
Jumlah .. .. .	<u>91</u>

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen Kementerian yang berkenaan daripada 91 projek yang telah disebutkan tadi, adakah ini semuanya belia peladang dan adakah terdapat juga projek Belia Nelayan berasingan daripada Belia Peladang yang sebenarnya.

**Tuan Luhut Wan:** Sebagaimana yang telah saya terangkan tadi projek ini dimasukkan di bawah Rancangan Belia Peladang dan saya telah jelaskan tadi ertikata yang luas termasuk aktiviti perikanan dan nelayan.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ada mengadakan Projek Belia Peladang dan juga Belia Niaga dan mengikut apa yang telah diberi jawapan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa ada juga projek-projek untuk menolong belia-belie yang menjadi nelayan tetapi wangnya diambil daripada Projek Belia Peladang. Apakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkenaan bercadang untuk mengadakan satu projek khas, iaitu Belia Nelayan, menambahkan Belia Peladang, Belia Niaga dan sekarang ada pula Belia Nelayan dan wangnya itu tidak diambil daripada peruntukan yang dikhaskan kepada Belia Peladang itu. Sekarang mengikut apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan maka peruntukan yang diuntukkan kepada Projek

Belia Peladang itu terjejas kerana sebahagian daripadanya akan dibelanjakan untuk Belia Peladang? Soalan saya adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkenaan bercadang untuk mengadakan satu projek khas yang dinamakan "Belia Nelayan" yang tidak mengambil peruntukan daripada mana-mana kepala yang lain.

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kami laksanakan sekarang mengikut keperluan ataupun kita tidak begitu hanya melaksanakan sesuatu mengikut sukanya sahaja tetapi yang saya sebutkan tadi semua projek ini untuk percubaan dahulu. Jikalau ini memberi keuntungan kepada para belia yang betul-betul cenderung untuk melaksanakan Projek Nelayan ini kita harus memberi bantuan yang lebih besar lagi supaya taraf hidup para belia yang betul-betul bersemangat untuk mengambil bahagian dalam rancangan ini dapat dilaksanakan mengikut kehendak pemerintah.

**Tuan Awang bin Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, daripada 91 projek Belia Peladang tadi yang dikatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian yang berkenaan ada melibatkan para-para Belia Nelayan. Saya ingin tahu berapa projekkah yang dibuat secara langsung untuk penglibatan Belia-belia Nelayan, umpamanya bengkel-bengkel membaiki bot, bengkel-bengkel membuat bot, bukan Projek-projek Peladang umpamanya diambil belia-belia daripada tepi pantai iaitu daripada masyarakat nelayan berhijrah untuk mereka bertani, bercucuk tanam dan sebagainya.

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum maksud Kementerian saya ini bukan hanya memperbaiki nilai hidup nelayan yang pergi menangkap ikan di laut sahaja bahkan tujuan kita ialah memperancangkan mereka membuat kolam ikan juga. Bukan hanya pergi tangkap ikan di laut sahaja bahkan kita memberi rancangan supaya mereka ini dapat memelihara ikan air tawar dan ikan air masin juga.

**Tuan Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada mengatakan bahawa setakat ini ada 91 projek percubaan di bawah rancangan

Projek Belia Niaga. Saya ingin tahu di antara 91 projek yang dijalankan ini berapa projekkah yang berjaya dan berapa projekkah yang mengalami kegagalan.

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang di-Pertua, semua projek yang tersebut tadi iaitu dilaksanakan dalam tahun ini, dalam fikiran saya ini adalah sangat awal bagi pihak Kementerian saya memberi maklumat kepada Ahli Yang Berhormat mengenai kegagalan ataupun kemajuan yang telah dicapai oleh belia-belia ini.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkenaan mengatakan bahawa ada 91 pilot project yang sedang berjalan bersabit dengan Belia Nelayan. Soalan saya ialah setelah pilot project ini berjalan, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkenaan puas hati bahawa projek yang berjalan sekarang ini memerlukan satu projek belia yang bernama "Projek Belia Nelayan" sebagai tambahan kepada Projek Belia Peladang dan Projek Belia Niaga.

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut pendapat saya sebagaimana yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat itu, Kementerian memang puas hati dengan kemajuan yang dicapai oleh para belia yang mengambil bahagian dalam bidang projek ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 hingga 34 adalah diberi di bawah ini).*

## NILAI HIBURAN

16. **Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Kementerian yang berkenaan telah membazirkan banyak wang dalam menganjurkan permainan dan pertandingan yang dipercayai mempunyai nilai-nilai kebudayaan seperti pertandingan wau dan burung tetapi hanya membuang masa dan tidak menguntungkan negara kita yang sedang membangun dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi perkara ini.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris):** Kementerian Kebudayaan berusaha menggali nilai-nilai tradisi yang mempunyai nilai hiburan dan astatik serta memupuk perpaduan kaum. Kemudian diketengahkan nilai-nilai ini kepada masyarakat. Masalah pembaziran tidak timbul sama sekali kerana tujuan kita adalah ke arah penghayatan, penerimaan dan pemulihan di mana kreativiti diperolehi dengan tidak pula merosak nilai ekonomi masyarakat.

### **PEKERJA-PEKERJA LOMBONG— KESELAMATAN**

**17. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan memandangkan bilangan kemalangan yang membawa maut telah berlaku baru-baru ini, apakah langkah-langkah selanjutnya yang sedang dirancang oleh Kementerian beliau untuk dikuatkuasakan oleh pelombong-pelombong bagi menentukan keselamatan pekerja-pekerja lombong.

**Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong):** Buat menjawab soalan ini sukalah saya menerangkan kedudukan perkara ini yang sebenarnya. Kini terdapat satu anggapan umum bahawa kadar kemalangan lombong telah meningkat sejak beberapa tahun yang kebelakangan ini. Tetapi mengikut angka-angka rasmi, walaupun kadar kemalangan ini turun-naik, ianya tidak berubah sangat di antara tahun 1972 dan 1978. Apa yang sebenarnya berlaku bukanlah peningkatan kadar kemalangan tetapi kesedaran yang lebih daripada pihak awam berhubung dengan kemalangan-kemalangan lombong. Kesedaran seperti ini adalah satu perkembangan yang sihat dan ianya bolehlah dikatakan dipengaruhi oleh pihak-pihak akhbar yang melaporkan kejadian-kejadian seperti ini dengan terperinci dan gambar-gambar yang menarik.

Walau bagaimanapun, ini tidaklah bermakna bahawa Kementerian saya memandang ringan akan keadaan ini. Kementerian saya melalui Jabatan Galian mengadakan kempen-kempen keselamatan lombong bukan sahaja di semua peringkat pengurusan tetapi juga kepada semua golongan pekerja-pekerja lombong bagi menimbulkan kesedaran

terhadap kepentingan keselamatan lombong. Justru itu, saya sendiri pada 30hb April, 1979 telah melancarkan satu kempen keselamatan lombong bagi menekankan lagi aspek yang penting ini.

Sejak tahun 1977, Jabatan Galian telah mengadakan kempen khas keselamatan di tiga peringkat, iaitu di peringkat tuan punya dan pengurus lombong, peringkat "kepala" lombong; dan di peringkat pekerja-pekerja lombong. Ianya dijalankan melalui majlis-majlis dailog, jawatankuasa-jawatankuasa dan juga kesatuan-kesatuan pekerja. Kempen juga dijalankan melalui pengedaran risalah-risalah dan poster-poster.

Di samping langkah-langkah tersebut di atas, urusan harian Jabatan Galian hendaklah dianggap sebagai satu kempen keselamatan yang berterusan. Saya telah mengarahkan pegawai-pegawai saya supaya menentukan yang langkah-langkah keselamatan di lombong-lombong dikuatkuasakan sepenuhnya pada setiap masa; melawat dan memeriksa lombong dengan lebih kerap lagi dan menghukum mereka yang lalai dan tidak mahu mematuhi panduan keselamatan; dan menggalakkan kegunaan teknologi baru supaya menjadikan keadaan kerja di lombong-lombong lebih selamat lagi.

Suka saya tegaskan di sini bahawa kejayaan usaha untuk menentukan serta menjaga peringkat keselamatan yang tinggi di lombong bergantung kepada kerjasama serta per-sefahaman yang berterusan di antara semua pihak yang terlibat iaitu Pengurus, pengusaha, pekerja dan pegawai-pegawai penguatkuasa.

### **RUMAH PEKERJA-PEKERJA LADANG**

**18. Tuan Hussein bin Mahmood** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada beliau mengadakan syarat-syarat minima mengenai keluasan serta kemudahan-kemudahan lain bagi rumah-rumah yang disediakan oleh tuan-tuan punya ladang swasta untuk kegunaan pekerja-pekerja mereka jika ya, apakah syarat-syarat tersebut, dan jika tidak adakah Kerajaan bercadang hendak mengadakan syarat-syarat minima yang tertentu.

**Tuan K. Pathmanaban:** Syarat-syarat yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat

itu telahpun ada terkandung di dalam Akta (Piawaian Minima Perumahan) Pekerja, 1966 dan Peraturan-peraturannya.

Antara lain-lain, peraturan-peraturan ini memperuntukkan luas rumah yang akan didiami, serta lain-lain kemudahan seperti bilik air, dapur, dan termasuk juga peruntukan-peruntukan mengenai jenis-jenis bahan binaan yang digunakan serta bekalan air.

### SEKOLAH MENENGAH BINTULU

**19. Tuan Ting Ling Kiew** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada terdapat rancangan untuk mendirikan lebih banyak sekolah menengah di Bintulu untuk menemui penghijrahan penduduk yang tiba-tiba di sana.

**Dato' Chan Siang Sun:** Daerah Bintulu pada masa ini mempunyai dua buah sekolah menengah Kerajaan iaitu SMK Bintulu (1680 pelajar) dan SMK Sebauh (720 pelajar). SMK Sebauh telah siap dan mula digunakan dalam tahun 1978.

Di bawah Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga, Kementerian telah merancang untuk membina sebuah lagi sekolah menengah dianggarkan berharga \$5.5 juta ringgit di Tatau juga dalam Daerah Bintulu. Sekolah yang akan mempunyai kemudahan-kemudahan bagi 720 orang pelajar ini dijangka akan siap dalam tahun 1982. SMK Tatau telah mula mengambil seramai 200 orang pelajar mulai tahun ini dan sekolah ini sedang dijalankan dalam bangunan-bangunan pinjaman sementara.

Dengan siapnya SMK Tatau nanti, adalah dijangka keperluan tempat-tempat di peringkat menengah di Daerah Bintulu akan dapat dipenuhi. Selain dari itu, adalah menjadi amalan tahunan Kementerian untuk memindahkan sebahagian dari pelajar-pelajar menengah di Bintulu ke lain-lain sekolah berasrama di Bahagian Keempat untuk melegakan tekanan bagi mendapatkan tempat-tempat di sekolah-sekolah menengah yang ada di Bintulu.

### KENAIKAN DARJAH SECARA OTOMATIK

**20. Dr Tan Tiong Hong** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau akan menimbang membatalkan sistem kenaikan

darjah secara automatik bagi murid-murid sekolah dan memperkenalkan peperiksaan tahunan.

**Dato' Chan Siang Sun:** Kementerian saya tidaklah bercadang hendak menghapuskan sistem kenaikan darjah secara automatik yang berjalan sekarang kerana beberapa langkah bagi memastikan taraf pengajaran dan pembelajaran yang sewajarnya telahpun dijalankan. Umpamanya terdapat di peringkat sekolah pada hari ini ujian-ujian bulanan dan penggal juga peperiksaan-peperiksaan tahunan yang dikendalikan oleh pihak sekolah sendiri. Sebagai tambahan, Kementerian saya telah juga memulakan pengajaran pemulihan bagi murid-murid yang sangat lemah dalam pelajaran mereka, yakni jika kelemahan mereka itu didapati betul-betul disebabkan oleh sistem kenaikan darjah secara automatik.

### DEWAN BANDARAYA—PENTADBIRAN

**21. Tuan V. David** bertanya kepada Menteri Wilayah Persekutuan adakah beliau sedar bahawa Dewan Bandaraya mengalami penderitaan di bawah jagaan pegawai-pegawai yang tidak berpengalaman dan tidak berpengetahuan tentang soal Kerajaan Tempatan dan fungsi-fungsinya. Oleh kerana itu ternyata berlaku ketidak cekapan dan orientasi yang aktif juga jelas kekurangan. Memandangkan perkara ini, adakah terdapat rancangan-rancangan untuk memperbetulkannya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad):** Yang Berhormat kerap kali mengemukakan pertanyaan-pertanyaan atau kenyataan-kenyataan yang terlalu umum. 'Dewan Bandaraya mengalami penderitaan di bawah jagaan pegawai-pegawai yang tidak berpengalaman dan tidak berpengetahuan tentang soal Kerajaan Tempatan dan fungsi-fungsinya' adalah satu kenyataan yang tidak berasas. Dewan Bandaraya mempunyai 9,000 orang kakitangan semuanya dan golongan mana atau pegawai-pegawai mana yang dimaksudkan sebagai 'tidak berpengalaman dan tidak berpengetahuan tentang soal Kerajaan Tempatan dan fungsi-fungsinya'?

Dewan Bandaraya mempunyai kakitangan berpengalaman dan berkelayakan dan faham tentang soal Kerajaan Tempatan dan fungsi-fungsinya. Dewan Bandaraya adalah sebuah

Penguasa Tempatan yang terbesar di Malaysia dan pernah dianggap sebagai model Kerajaan Tempatan yang baik di negara ini.

Dewan Bandaraya bukan sahaja menjalankan tugas-tugas sebagai sebuah Penguasa Tempatan tetapi juga menjalankan projek-projek pembangunan dan tugas-tugas nasional.

Kuala Lumpur sebagai Ibu Negara dengan penduduk kira-kira 950,000 orang yang tinggal dalam satu kawasan hanya seluas 94 batu persegi sudah tentu menghadapi banyak masalah. Masalah besar seperti perumahan, Lalulintas, banjir dan lain-lain mengambil masa untuk diatasi dengan teratur dan sempurna. Kerajaan sentiasa mengambil tindakan dari masa ke semasa bagi mengawal dan mengurangkan masalah-masalah yang timbul itu, dan Kerajaan mempunyai keyakinan penuh terhadap kebolehan dan kecekapan Dewan Bandaraya dalam menadbirkan Bandaraya Kuala Lumpur.

#### **BOT NELAYAN DI RAMPAS OLEH MAHKAMAH**

**22. Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada perampasan dan pengambilan menurut kuasa undang-undang ke atas sebuah kapal nelayan oleh Mahkamah di bawah Seksyen 13 Akta Perikanan 1963 apabila tuannya kapal tersebut didapati bersalah kerana melanggar mana-mana syarat dalam pengeluaran lesen pukat tunda telah menyebabkan kesusahan yang amat sangat ke atas kehidupan nelayan-nelayan. Jika ya, sama ada beliau bercadang untuk meminda Seksyen tersebut supaya mengambil kapal nelayan seperti ini oleh Mahkamah bukanlah mesti dilaksanakan ke atas kesalahan pada kali yang pertama.

**Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad):** Pengambilan dan perampasan bot-bot nelayan oleh Mahkamah di bawah Akta Perikanan, 1963 hanya dilakukan apabila tuannya bot tidak mempunyai sebarang lesen bot khususnya lesen menangkap ikan yang tertentu. Tindakan ini tidak menyusahkan nelayan-nelayan yang mematuhi Undang-undang. Nelayan-nelayan yang ditangkap adalah yang tidak mematuhi undang-undang atau syarat-syarat dan mementingkan diri sendiri. Tindakan seperti

ini perlu diambil untuk menjaga sumber, keamanan laut dan kepentingan nelayan-nelayan kecil.

#### **AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967— SEMAKAN SEMULA**

**23. Tuan Wong Hoong Keat** minta Menteri Undang-undang menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Akta Cukai Pendapatan 1967 (disemak semula pada tahun 1971) yang dijual kepada pembayar cukai adalah semata-matanya lapuk memandangkan kepada pembedaan satu demi satu dilakukan terhadap Akta ini. Jika ada, bilakah satu salinan Akta yang telah disemak boleh diperolehi oleh orang ramai.

**Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman):** Saya sedar bahawa beberapa pindaan telah dilakukan terhadap Akta Cukai Pendapatan 1967 yang telah disemak pada tahun 1971. Walau bagaimanapun, sukacita saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa pihak Perbendaharaan telahpun meminta, pada 8hb Mei 1979, supaya Akta ini dicetak semula. Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang telahpun mengambil tindakan bagi mengemaskini Akta itu dan draf pertama yang mengandungi semua pindaan sehingga bulan Mei 1979 telah dihantar kepada Ketua Pengarah Percetakan pada 24hb Mei 1979 untuk menyediakan salinan-salinan draf cetakan semula. Adalah diharap bahawa cetakan semula Akta tersebut dapat dikeluarkan tidak berapa lama lagi selepas sahaja segala tindakan perlu selesai diambil.

#### **PENDAPATAN KELUARGA SEMUA KAUM**

**24. Tuan Abdul Rahman bin Daud** minta Perdana Menteri menyatakan perangkaan yang lengkap mengenai pendapatan per kapita bagi kaum-kaum Melayu, China, India dan lain-lain bagi tahun 1978, bagi tiap-tiap buah negeri dalam Malaysia.

**Perdana Menteri (Dato' Hussein Onn):** Kerajaan tidak membuat kajian mengenai pendapatan perseorangan (termasuk pendapatan per kapita dan pendapatan keluarga bagi semua kaum) bagi tahun 1978.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian pendapatan dijalankan lebih kurang

tiga tahun sekali oleh kerana corak pendapatan tidak mengalami banyak perubahan dalam tempoh masa yang kurang dari ini.

Walau bagaimanapun, maklumat mengenai pendapatan telah dibentangkan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga iaitu bagi tahun 1970, 1973 dan 1976. Memandangkan maklumat tersebut berasaskan sampel yang kecil, anggaran bagi negeri-negeri tidak dapat ditunjukkan dengan tepat.

#### CUKAI JALAN

**25. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah amaun cukai jalan yang dikutip dari kenderaan-kenderaan yang didaftarkan di Negeri Pulau Pinang untuk 1976, 1977 dan 1978.

**Dr Goh Cheng Teik:** Jumlah cukai jalan yang dikutip dari kenderaan-kenderaan yang didaftarkan di negeri Pulau Pinang untuk tahun 1976, 1977 dan 1978 adalah seperti berikut:

1976 .. .. .	.. \$26,993,600
1977 .. .. .	.. \$26,601,407
1978 .. .. .	.. \$30,467,135

#### EKSEKUTIF BUMIPUTRA DI BADAN-BADAN BERKANUN

**26. Tuan Mohd Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada beliau sedar bahawa banyak pegawai eksekutif Bumiputra badan-badan berkanun dan swasta yang diberi jawatan eksekutif pada nama sahaja tetapi tidak diberi kuasa-kuasa eksekutif dan inilah salah satu sebab mengapa Bumiputra tertinggal dalam bidang-bidang tersebut dan jika ya, sama ada beliau akan menjalankan satu kajian mengenai perkara ini dan mengambil langkah yang sewajarnya untuk mengatasi perkara ini.

**Tuan K. Pathmanaban:** Soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah soalan umum bagi mana-mana agensi untuk mengambil tindakan. Walau bagaimanapun, jika Ahli Yang Berhormat itu mempunyai apa-apa maklumat yang tertentu beliau bolehlah melaporkan perkara tersebut ke Kementerian saya ataupun Kementerian bertanggungjawab ke atas Badan-badan Berkanun.

#### PERTIKAIAN MAS—AEU

**27. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah beliau sedar bahawa pertikaian MAS—AEU telah menjadi peluang keemasan kepada pihak pembangkang; terutama DAP, bagi menuduh Kerajaan dengan tindakan yang salah dan cuba mengeluarkan kenyataan atau fikiran mereka yang kononnya dapat menyelesaikan pertikaian tersebut. Tetapi sebaliknya, dengan pengakuan yang dibuat sendiri oleh Donald Uren baru-baru ini dengan memuji tindakan Kerajaan kita, telah terbukti yang tindakan Kerajaan itu adalah bijak dan adil, demi untuk kepentingan negara dan rakyat Malaysia. Jadi adakah pihak Jabatan Perdana Menteri menerima permohonan maaf dari pihak pembangkang, terutama DAP, kerana tuduhan-tuduhan yang tidak berasas dan sebaliknya memuji Kerajaan dengan tindakan yang bijak, adil dan berkesan itu.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Soalan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh ini lebih mirip merupakan satu kenyataan daripada soalan. Bagaimanapun bolehlah saya nyatakan bahawa Jabatan Perdana Menteri tidak ada menerima apa-apa surat menyurat seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

#### PEMBERIAN BANTUAN SEKOLAH

**28. Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj** minta Menteri Pelajaran menyatakan, adakah Kementerian ini bercadang hendak menambah lagi bantuan wang PCG/OCAR kepada sekolah-sekolah, bantuan PCG/OCAR yang ada hari ini tidak mencukupi sebab harga barang-barang telah naik.

**Dato' Chan Siang Sun:** Pemberian bantuan sekolah adalah tertakluk kepada perbekalan di dalam Education (Grants) Regulations 1962. Kadar-kadar bantuan sekolah pernah dikaji semula dan dipinda beberapa kali pada masa yang lampau iaitu di dalam tahun-tahun 1968, 1970, 1971 dan 1974.

Baru-baru ini Kementerian saya telah menubuhkan sebuah jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Peruntukan Perkapita untuk meninjau semula semua kadar bantuan ke sekolah-sekolah yang sedang berkuatkuasa iaitu termasuk bantuan mata-matapelajaran

dan bantuan wang Per Capital Grants/Lain-lain Perbelanjaan Berulang Tahunan (Per Capital Grants/Other Charges Annually Recurrent)—PCG/LPBT (PCG/OCAR). Cadangan permulaan jawatankuasa ini sedang dikaji dengan teliti oleh Kementerian saya dan perakuan-perakuan Jawatankuasa ini akan dikemukakan kelak untuk pertimbangan Jawatankuasa Perancang Pelajaran. Kadar bantuan PCG/LPBT akan ditambah sekiranya didapati perlu.

### KERUGIAN MAS AKIBAT MOGOK

**29. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah kerugian yang dialami oleh MAS dalam ertikata hasil ketika penerbangan-penerbangan udaranya tergendala dan sama ada operasi-operasi dan penerbangan-penerbangan MAS telah pulih ke peringkat yang sama sebelum pekerja-pekerja MAS mogok.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Perkara berkurangan pendapatan hasil yang dialami oleh MAS akibat pertikaian MAS/AEU telah-pun saya jawab semasa menjawab pertanyaan mulut Yang Berhormat dari Petaling pada 12hb Jun, 1979. Berhubung dengan bahagian kedua pertanyaan Yang Berhormat itu, sukalah dinyatakan perkhidmatan MAS telah-pun pulih ke peringkat yang sama sebelum pekerja-pekerja MAS mengambil tindakan haram dan semua penerbangan telah-pun dijalankan dengan licin tanpa apa-apa gangguan.

### PENDAPATAN PER KAPITA

**30. Tuan Peter Paul Dason** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) pendapatan per kapita bagi tahun 1976 bersamaan dengan "garis pendapatan kemiskinan" yang dirujuk di dalam perenggan 236 dan 489, Rancangan Malaysia Ketiga, di mana 49.3% dari keluarga-keluarga hidup di bawah garis pendapatan kemiskinan;
- (b) pendapatan per kapita bagi tahun 1979 bersamaan dengan "garis pendapatan kemiskinan" yang dirujuk di bawah

Pengajian Pertengahan Rancangan Malaysia Ketiga.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad):**

- (a) Pendapatan per kapita tidaklah boleh dibandingkan terus dengan garis pendapatan kemiskinan oleh kerana garis pendapatan ini mengambil kira keperluan makanan berzat yang minima dan lain-lain barang bukan makanan bagi tiap-tiap keluarga, untuk menampung taraf hidup yang sesuai seperti yang dinyatakan di dalam perenggan 489 Rancangan Malaysia Ketiga.
- (b) Pendapatan per kapita bagi tahun 1979 belum diketahui. Akan tetapi satu kajian mengenainya akan diadakan pada tahun hadapan dan keputusannya akan di-siarkan di dalam Rancangan Malaysia Keempat.

### PROJEK LEBUHRAYA TIMUR-BARAT

**31. Tuan Karpal Singh** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan berkaitan dengan Projek Lebuhraya Timur—Barat

- (a) sama ada anggaran perbelanjaan bagi projek ini telah dibelanjakan lebih, dan jika ya, berapa banyak; berapakah kos perbelanjaan yang asal;
- (b) sama ada tarikh siapnya lebuhraya ini telah ditetapkan; dan jika ya, bila;
- (c) berapa banyak pinjaman yang dibuat dari Bank Pembangunan Asia dan bagaimanakah Kerajaan bercadang untuk membayar balik pinjaman ini; dan
- (d) sama ada Kerajaan bercadang untuk mengenakan tol, dan jika ya, berapa dan untuk berapa lama?

**Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman:** Sebagai menjawab pertanyaan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong adalah dimaklumkan bahawa anggaran permulaan bagi projek Lebuhraya Timur—Barat ialah sebanyak \$85 juta. Anggaran asal ini tidak begitu tepat

kerana tidak ada kajian kemungkinan (feasibility study) dibuat sebelum projek itu dimulakan dan memandangkan kerja-kerja pembinaan akan dilaksanakan oleh JKR sendiri. Pihak JKR telah menyemak semula anggaran permulaan itu dan berdasarkan kepada beberapa faktor seperti kerja-kerja pembinaan yang sangat sukar keadaan cuaca yang di luarjangka dan kenaikan harga bahan-bahan binaan maka didapati bahawa anggaran harga yang lebih tepat ialah sebanyak \$296 juta.

Bagi menjawab soalan (b), Lebuhraya ini dijangka akan siap untuk digunakan pada penghujung tahun 1981.

Mengenai soalan (c) pula, jumlah pinjaman yang dibuat dari Bank Pembangunan Asia ialah sejumlah US \$9.3 juta. Pinjaman ini adalah digunakan untuk membina 5 buah jambatan besar di dalam projek tersebut. 4 daripada jambatan-jambatan itu telahpun siap kecuali sebuah jambatan di Sungai Pergau, Kelantan. Pembayaran balik pinjaman tersebut adalah mengikut syarat-syarat dari jadual perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan Bank Pembangunan Asia.

Bagi menjawab soalan (d), keputusan untuk mengenakan bayaran tol ke atas pengguna-pengguna Lebuhraya itu masih dikaji dengan teliti oleh Kerajaan.

#### **SYARIKAT ARIEF TRADING SDN. BHD., IPOH—SIASATAN OLEH BIRO SIASATAN NEGARA**

**32. Tuan Lim Cho Hock** minta Menteri Undang-undang menyatakan sama ada beliau sedar bahawa BSN telah menyerbu pejabat M/s. Arief Trading Sdn. Bhd. dan merampas dokumen yang berkaitan dengan dua projek perumahan yang bernama "Taman Shatin Baru; dan "Taman Kampar Jaya" dan bahawa SEDC Perak mempunyai 50% bahagian dalam projek "Taman Shatin Baru" dan bahawa wang sebanyak \$1.2 juta telah dikutipkan daripada 298 pembeli-pembeli rumah pada permulaan 1978 oleh M/s. Arief Trading Sdn. Bhd. dan tidak ada apa-apa pembinaan telah dibuat hingga masa sekarang dan Haji Hisan bin Ibrahim, bekas Ahli Ex-co Perak masih dan sedang menerima wang dari M/s. Arief Trading Sdn. Bhd., jika ya, apakah

keputusan yang didapati dari penyiasatan BSN.

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Saya sedar adanya suatu siasatan yang dijalankan oleh Biro Siasatan Negara ke atas Syarikat Arief Trading Sendirian Berhad, Ipoh bersangkut paut dengan dua projek perumahan yang bernama Taman Kampar Jaya dan Taman Shatin Baru, di mana dikatakan \$1.2 juta wang tempahan telah dipungut daripada pembeli-pembeli rumah. Juga dikatakan Taman Shatin Baru itu adalah satu projek "joint-venture" antara Syarikat ini dengan SEDC Negeri Perak. Salah satu tindakan yang telah dijalankan dalam siasatan ini ialah membuat penggeledahan di pejabat M/s. Arief Trading di Ipoh dan juga satu pejabat akauntan yang berkenaan di Kuala Lumpur.

Siasatan ini masih lagi dikendalikan oleh Biro Siasatan Negara, dan oleh kerana itu tidaklah dapat saya memberi penerangan lanjut. Apabila siasatan telah ditamatkan maka keputusan akan diambil dengan sewajarnya.

#### **MINYAK DIESEL**

**33. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi kekurangan minyak disel dalam Negara sekarang dan masa akan datang dengan menyatakan:

- (a) apakah benar terdapat lebih daripada 75% stesyen-stesyen minyak disel kehabisan bekalan minyak disel yang menyebabkan pengguna-pengguna mengalami kesukaran dan kecemasan;
- (b) cara pegawai-pegawai dan kakitangan penguatkuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bertindak untuk mengesan stesyen-stesyen minyak tersebut bagi mendapat maklumat sama ada helah ataupun penyelewengan telah berlaku dalam masalah ini; Apakah hasil tindakan ini?

**Tuan Abu Hassan bin Haji Omar:** Soalan yang serupa telahpun dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar pada

11-6-1979; dan saya tiada apa-apa tambahan ke atas jawapan itu.

#### AHLI-AHLI JAWATANKUASA ITWF— TINDAKAN

**34. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan memandangkan berat tindak-tanduk Ahli-ahli Jawatankuasa ITWF yang berhasrat hendak melumpuhkan ekonomi Malaysia dalam bentuk new economic imperialism, dan jika ianya mengancam ekonomi negara, adakah Kerajaan akan mengharamkan kedatangan mereka ke Malaysia sebagai orang-orang yang tidak diinginkan. Jika tidak, mengapa?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Kerajaan adalah memandangkan berat akan campurtangan asing dalam halehwal negeri ini. Lebih-lebih lagi apabila campurtangan tersebut sengaja dilakukan dengan tujuan untuk memburukkan lagi sesuatu keadaan yang wujud. Ini termasuklah campurtangan ITWF dalam krisis MAS/AEU tempoh hari. Mengenai sama ada Kerajaan akan mengharamkan kemasukan ahli-ahli jawatankuasa ITWF ke negeri ini bergantunglah kepada keadaan semasa. Sekiranya kedatangan mereka ke negeri ini untuk tujuan keharmonian atau perpaduan semata-mata dan tanpa niat buruk terhadap negeri ini, maka tidaklah perlu bagi Kerajaan untuk mengharamkan kemasukan mereka. Walau bagaimanapun, setiap kes akan diberikan pertimbangan sewajarnya sebelum sesuatu keputusan dibuat.

#### MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

##### PENDATANG HARAM VIETNAM

3.35 *ptg.*

**Tuan Lim Kit Siang (Petaling):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 18 (2) untuk mencadangkan:

“Bahawa Majlis Mesyuarat ini mengizinkan Ketua Pembangkang Parlimen, Y.B. Lim Kit Siang, mencadangkan ditangguhkan Majlis Mesyuarat ini bagi tujuan

merunding satu perkara tertentu kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan iaitu tidak hentinya exodus pelarian-pelarian dari Vietnam ke Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain;”

“Bahawa perkara ini adalah satu perkara tertentu kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan kerana:”

- (i) ianya telah menyebabkan dan terus menyebabkan masalah-masalah sosial, ekonomi dan keselamatan kepada Malaysia, terutama sekali ia mungkin menjadi sebahagian rancangan jangka panjang Vietnam untuk “destabilize” Malaysia dan negara-negara ASEAN;
- (ii) ianya telah mencemarkan imej dan “standing” antarabangsa Malaysia yang boleh juga menjejaskan usaha-usaha antarabangsa Malaysia untuk menggalakkan pelaburan;
- (iii) Malaysia bersama negara-negara ASEAN yang lain hendaklah memberi keutamaan segera untuk menghadapi masalah pelarian-pelarian Vietnam ini dari dua segi:
  - (i) dengan mengenakan tekanan antarabangsa ke atas Vietnam yang telah dengan kelakuannya yang tidak berperikemanusiaan, tidak beradaban dan kejam mengugut “blood-money” dan mengeksportkan pelarian-pelarian dan telah menjadi sumber terbaharu “mass in humanity” ini dengan:
    - (a) memutuskan perhubungan diplomat dengan Hanoi,
    - (b) memanggil diadakan satu perbincangan kecemasan Bangsa-bangsa Bersatu untuk menuduh Vietnam dengan jenayah-jenayah rasisma dan genocide antarabangsa yang lebih buruk dengan dasar Apartheid Afrika Selatan;
    - (c) membuatkan Soviet Russia bertanggungjawab di peringkat antarabangsa kerana bersubahat dengan Vietnam melakukan jenayah-jenayah

rasisma dan genocide antara-bangsa seumpama itu;

- (ii) pembukaan lebih luas pintu negara-negara Barat seperti Amerika Syarikat, Kanada, Australia, New Zealand, Jepun supaya mereka menerima lebih ramai lagi pelarian-pelarian untuk ditempatkan di negara-negara mereka dan bukan seperti dilakukan sekarang;
- (iv) keperluan yang mendesak bagi Kerajaan untuk menubuhkan dengan serta-merta satu tabung khas dengan peruntukan permulaan sebanyak \$10 juta untuk menentukan bahawa rakyat di Kelantan, Trengganu dan di lain-lain tempat yang terlibat tidak akan menderita dari segi ekonomi ataupun dari lain-lain segi akibat kemasukan (influx) pelarian-pelarian/pendatang-pendatang haram ke tempat mereka.
- (v) keperluan yang mendesak untuk mendapatkan bantuan yang lebih dari agensi-agensinya antarabangsa supaya memastikan bahawa 75,000 orang pelarian-pelarian/pendatang-pendatang haram yang tersebut di Malaysia akan dapat perolehi kemudahan-kemudahan "subsistence" yang asas supaya menentukan yang mereka tidak akan dilanda dengan malapetaka-malapetaka yang lain seperti kebuluran, bencana wabak (plague) atau lain-lain malapetaka."

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekali lagi hari ini saya terpaksa menimbang usul yang baru dikemukakan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang iaitu menghendaki 3 perkara juga seperti biasa di bawah Peraturan Mesyuarat 18, iaitu:

- (i) perkara tertentu (definite matter);
- (ii) perkara ini bagi kepentingan orang ramai (public interest); dan
- (iii) memerlukan disegerakan (urgent matter).

Daripada ucapan tadi dan bahan-bahannya sudah diserahkan kepada saya pagi tadi tidak ada apa banyak bezanya daripada apa yang telah diucapkan oleh Ahli Yang Berhormat pada hari semalam mengikut kalimat-kalimat

dan rangkaikata-rangkaikata yang telah digunakan, hanya perbezaan kepada penyusunan semula sahaja.

Walau bagaimanapun pendekatan tentang disegerakan itu agak berlainan daripada cara dikemukakan pada hari semalam. Dengan sebab itu saya berpuas hati bahawa Dewan ini boleh ditangguhkan kerana saya puas hati bahawa ada ketiga-tiga syarat yang diperlukan di bawah Peraturan Mesyuarat 18 itu sebagaimana yang saya jelaskan tadi, walaupun lebih kurang sama sahaja bentuk dan rupa kalimat-kalimat dengan rangkai-katanya, tetapi pendekatan dengan urgent ataupun mustahak disegerakan itu adalah berlainan daripada hari semalam dan saya berpuas hati. Dengan sebab itu di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (3) (a) saya perlu bertanya jika dapat sokongan daripada Dewan ini.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada Peraturan Mesyuarat 18 (3) yang berbunyi:

"18 (3) Jika Tuan Yang di-Pertua puashati yang demikian dan sama ada (a) Majlis Mesyuarat memberi izin dengan tidak ada siapa-siapa ahli yang membangkang."

Saya, Tuan Yang di-Pertua, di bawah kuatkuasa Standing Order ini memohon membangkang perkara ini daripada dibahas di dalam Dewan ini pada hari ini.

Saya ingin bertanya, Tuan Yang di-Pertua, sama ada perlu saya beri sebab-sebab kenapa saya membangkang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak perlu.

Oleh sebab ada bangkangan di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (3) (a), sekarang saya pergi kepada 18 (3) (b) iaitu sokongan 15 orang Ahli supaya perkara ini boleh diizinkan. Sila bangun yang menyokong.

(Ahli-ahli dikira: 8 orang Ahli bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Oleh sebab tidak ada cukup 15 orang Ahli menyokong usul ini sebagaimana yang dikehendaki oleh Peraturan Mesyuarat 18 (3) (b) maka tidak dapat dijalankan usul ini.

**RANG UNDANG-UNDANG DI  
BAWA KE DALAM MESYUARAT  
RANG UNDANG-UNDANG SURUHAN-  
JAYA-SURUHANJAYA PERKHIDMATAN  
(PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta untuk meminda Ordinan Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan, 1957"; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tak Berportfolio; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG SURUHAN-  
JAYA-SURUHANJAYA PILIHANRAYA  
(PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Pilihanraya, 1957;" dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tak Berportfolio; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG SARAAN  
HAKIM (PINDAAN) (NO. 2)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*3.43 ptg.*

**Menteri Tak Berportfolio (Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini bertujuan membuat peruntukan-peruntukan seperti berikut:

- (i) mengadakan seksyen 8A yang baru bagi mewujudkan peruntukan bagi seseorang hakim Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Persekutuan yang belum mencapai umur 60 tahun memohon supaya dibenarkan bersara oleh kerana uzur;
- (ii) mengadakan seksyen 8B yang baru bagi memasukkan peruntukan bagi seseorang hakim Mahkamah Persekutuan yang

belum mencapai umur 60 tahun memohon supaya dibenarkan bersara untuk berkhidmat dalam suatu jawatan lain yang penting;

- (iii) meminda seksyen 8 bagi membolehkan seseorang hakim yang dibenarkan bersara mengikut peruntukan-peruntukan seksyen 8A dan 8B yang baru itu mendapat pencen dan ganjaran.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat harus maklum, seseorang hakim itu adalah berhak mendapat pencen dan ganjaran sekiranya ia bersara dari jawatannya apabila mencapai umur 65 tahun, meletakkan jawatannya setelah berumur 60 tahun atau ia dikehendaki meletakkan jawatannya tidak lagi Perkara 125 (3) Perlembagaan Persekutuan apabila ia didapati tidak lagi berkeupayaan untuk menjalankan tugasnya oleh kerana keuzuran atau atas sebab-sebab lain.

Ini bermakna bahawa jika seseorang hakim yang belum mencapai umur 60 tahun didapati uzur sehingga tidak dapat menjalankan tugas-tugasnya, tidak ada jalan lain baginya untuk meletakkan jawatan dengan sendiri dan mendapat hak pencen dan ganjaran. Pendekata, beliau hanya berhak mendapat pencen dan ganjaran sekiranya D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong "remove" hakim itu atas perakuan sebuah tribunal. Tetapi cara ini membawa kesan seolah-olah hakim itu telah dipecat dari jawatannya.

Oleh yang demikian, Kerajaan telah membuat keputusan bahawa adalah wajar bagi seseorang hakim yang belum mencapai umur 60 tahun dan didapati uzur sehingga tidak dapat menjalankan tugas-tugasnya dibolehkan membuat permohonan untuk bersara. Dengan jalan ini beliau berhak mendapat pencen dan ganjaran yang layak baginya.

Seksyen 8A yang dicadangkan ini menetapkan juga tatacara bagi menimbangkan permohonan bersara yang dimaksudkan itu. Sesuatu permohonan itu hendaklah dibuat melalui Ketua Hakim Negara, yang perlu memberi pertimbangan yang teliti. Ketua Hakim Negara adalah dikehendaki berunding dengan Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan untuk

menubuhkan sebuah Lembaga Pegawai Perubatan bagi menimbang kes yang dirojokkan kepadanya.

Apabila menerima laporan Lembaga Pegawai Perubatan, Ketua Hakim Negara dikehendaki memberi pertimbangan terhadap Laporan dan pendapat Lembaga itu. Sekiranya beliau berpuashati dengan pendapat tersebut, maka permohonan itu hendaklah dikemukakan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang akan menyembahkan kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seri Paduka Baginda akan merujukannya kepada sebuah "tribunal" yang dilantik mengikut Perkara 125 (4) Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan perakuan "tribunal" tersebut, maka Seri Paduka Baginda boleh memperkenankan permohonan dan meluluskan persaraan hakim tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 8B yang dicadangkan membuat peruntukan bagi membenarkan seseorang hakim Mahkamah Persekutuan yang belum mencapai umur 60 tahun memohon untuk bersara sekiranya ia dikehendaki menyumbangkan perkhidmatannya dalam satu jawatan demi kepentingan dan keperluan khas sesebuah Negeri atau demi kepentingan Malaysia pada keseluruhannya. Dalam hal ini, jawatan yang bakal disandang oleh seseorang hakim itu hendaklah jawatan yang begitu penting.

Dalam hal ini, kuasa meluluskan permohonan ini terletak pada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berdasarkan perakuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Oleh kerana tujuan asas mengemukakan pindaan-pindaan ini ialah untuk membolehkan seseorang hakim yang dibenarkan bersara mengikut peruntukan-peruntukan seksyen 8A dan 8B yang dicadangkan itu mendapat hak pencen dan ganjaran, maka perlulah seksyen 8 Akta Saraan Hakim 1971 dipinda sebagaimana dalam seksyen 2 dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk perbahasan.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak.

3.50 ptg.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Akta Saraan Hakim (Pindaan) (No. 2) tahun 1979.

Saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Jabatan Perdana Menteri yang membuat pindaan ini kerana kita tahu kita tidak boleh menyekat seseorang itu untuk bersara kerana kezuran ataupun kerana tidak mempunyai minat dan sebagainya lagi. Tuan Yang di-Pertua, kita tahu dan rakyat jelata semua memahami bahawa hakim adalah menjadi tunjang atau tulang belakang pelaksanaan undang-undang negara kita. Sewajarnya kedudukan hakim ini diberikan satu tempat yang mulia dan selamat.

Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, kita lihat negara kita daripada satu masa ke satu masa bertambahnya berlaku jenayah dan kita juga melihat negara kita daripada satu masa ke satu masa dicabar dan dimasuki oleh berbagai anasir yang tidak bertanggungjawab. Dan di sinilah pelaksanaan undang-undang memainkan peranan yang sangat penting bagi menjamin ketenteraman, keadaan keamanan negara kita. Dan orang yang bertanggungjawab bagi melaksanakan undang-undang ini menerusi undang-undang ialah tuan-tuan hakim. Sekarang ini kita masih lagi terdengar banyak sungutan daripada orang ramai betapa banyak kes yang belum lagi diselesaikan oleh mahkamah oleh kerana kekurangan kakitangan, boleh jadi kekurangan hakim-hakim. Jadi dalam perkara ini saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan kita selain daripada mengadakan akta pindaan kerana hendak memberi peluang kepada hakim-hakim yang boleh bersara selepas 65 tahun, juga dibenarkan selepas 60 tahun atau meningkat 60 tahun, hendaklah juga pihak Kerajaan berusaha bagi menambahkan jumlah hakim itu daripada awal-awal lagi. Sebab setelah Akta ini diluluskan saya takut lebih ramai hakim-hakim yang ada pada hari

ini akan bersara. Dan ini akan menambahkan lagi jumlah kes-kes yang ada pada hari ini masih banyak belum diselesaikan oleh pihak mahkamah. Ini adalah sebagai satu perediaan yang patut dibuat oleh pihak Kerajaan sewaktu kita membincang dan hendak meluluskan Akta ini.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah hendak menegor tetapi saya tengok undang-undang seluruh dunia ataupun kita ambil di Tenggara Asia antara Malaysia dengan negara jiran kita Singapura, lebih kurang sama tetapi ada satu perkara iaitu kadang-kadang kenapa di negara kita orang ramai memikirkan tidak dilaksanakan dengan setegas-tegasnya seperti di negara jiran kita itu terutama sekali masalah hukuman terhadap pengedar-pengedar dadah. Di Singapura sebagai contoh negara jiran kita berani menjatuhkan hukuman-hukuman bunuh kepada pengedar dadah tetapi di Malaysia ini pengedar-pengedar dadah yang dapat ditangkap dan dibawa ke mahkamah, hukumannya apabila dibandingkan kesalahannya itu sama berat seperti kesalahan yang berlaku di negara jiran itu ataupun lebih berat lagi, tetapi pihak hakim di sini setinggi-tinggi mahu menggunakan hukuman yang paling ringan sahaja iaitu hukuman penjara seumur hidup, tetapi tidak berani meletakkan atau menjatuhkan hukuman gantung sampai mati dan sebagainya, terutama mengenai kesalahan pengedaran dadah.

Tuan Yang di-Pertua, saya menitik-beratkan perkara ini sebab di negara kita baru semalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam merasmikan Conference of Asia/Pacific Region mengenai masalah pengedar dan penyalahgunaan dadah yang mana beliau telah mengakui negara kita ini menjadi tempat persinggahan dan saluran pengedaran dadah kerana "golden triangle" itu berdekatan dan ada bukti-buktinya. Jadi kalau Kerajaan kita tidak bersikap tegas terutama sekali para-para hakim takut hendak melaksanakan undang-undang yang telah kita luluskan dalam Parlimen ini seumpama hukuman gantung dan sebagainya. Oleh itu saya takut penyakit pengedaran dadah ini akan berterusan dan lambat pula hukumannya dilaksanakan oleh pihak Kerajaan kita, iaitu melalui undang-undang dan mahkamah. Kita tahu, kita tidak boleh menyentuh kuasa-kuasa

hakim itu mereka mempunyai kuasa muktamad tetapi ini sebagai pandangan secara jujur dan ikhlas.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Dewan yang mulia ini kita meminta jasa baik pihak mahkamah iaitu tuan-tuan hakim supaya menitik-beratkan sedikit masalah pengedaran dadah yang kita sering membaca dalam berita akhbar di dalam negara kita. Adakah oleh kerana tuan-tuan hakim kita ini juga kadang-kadang menengok TV iaitu apabila mereka telah bersara, melalui cerita-cerita TV ada di antara hakim-hakim ini dibalas dendam oleh penjenayah? Adakah mereka ini mempunyai perasaan takut bahawa mereka itu juga apabila bersara nanti ada orang menuntut dendam, menuntut balas dan sebagainya?

Jadi kalau perkara ini berlaku, pihak Kerajaan hendaklah mengkaji juga. Dalam perkara ini, saya suka mencadangkan kepada Kerajaan, kalau pihak menteri ada body-guard, apakah salahnya tuan-tuan hakim ini diberi seorang pengawal peribadi tetap siang dan malam. Saya tengok pada hari ini keretakereta tuan-tuan hakim kita bertulis di hadapannya, labelnya, "HAKIM BESAR", "HAKIM" dan sebagainya, tetapi dia hanya seorang sahaja duduk di dalamnya kadang-kadang ia dibawa oleh pemandu dengan tidak mempunyai pengawal peribadi daripada segi menjaga keselamatannya dan di rumahnya pula mereka pun tidak mempunyai pengawal ataupun pihak pengawal keselamatan menjaga keselamatan rumah mereka.

Jadi dalam perkara ini oleh sebab tuan-tuan hakim itu memainkan peranan yang penting bagi melaksanakan undang-undang negara, sewajarnya saya mencadangkan supaya tuan-tuan hakim di dalam negara kita ini diberi pengawal peribadi yang mengikuti tempat dia bekerja, dalam kereta dan juga di rumah hendaklah diberi juga kawalan seperti yang kita berikan kawalan keselamatan kepada pihak-pihak tertentu yang telah diluluskan. Kalau perkara ini perlu untuk diluluskan dalam Parlimen, maka saya pada hari ini mencadangkan dan menyokong diluluskan dalam Parlimen ini supaya tuan-tuan hakim itu diberi kawalan peribadi kawalan keselamatan dan juga untuk rumah tangga mereka supaya tuan-tuan hakim ini mempunyai ketenteraman untuk menjalankan dan melaksanakan undang-undang dan tidak

takut-takut. Saya juga percaya rakyat jelata dan pihak undang-undang adalah sentiasa memberikan sokongan penuh kepada mereka.

Perkara yang ketiga, masalah pakaian tuan-tuan hakim. Saya perhatikan apabila saya pergi ke mahkamah, saya tengok tugas tuan-tuan hakim itu teruk, tiap-tiap orang yang berucap itu semuanya dia kena tuliskan tetapi kadang-kadang pula bila saya tengok tinggi sedikit, lihat kepada bahagian atas kepalanya, berat dia memikul wig dan sebagainya.

Jadi, kalaulah mahkamah itu air-conditionnya elok tidak apalah, tetapi saya takut ada ketikanya air-condition itu rosak, jadi macam manalah Hakim kita hendak mengikut seluruh perjalanan perbicaraan itu. Begitu juga saya rasa pakaian Hakim-hakim yang berbentuk colonial atau penjajahan ini tidak sesuai lagi, Tuan Yang di-Pertua. Di Dewan yang mulia ini pakaian Tuan Yang di-Pertua telah berubah, saya tengok tiap kali kita adakan persidangan sesuai mengikut pakaian ala bentuk Malaysia. Jadi, apalah salahnya pakaian Tuan-tuan Hakim kita ini juga diubah. Saya mencadangkan pakaian mereka itu sesuai dengan bentuk iklim negara kita, pakai songkokkah atau berbentuk apalah yang sesuai. Setakat itulah sahaja. Lagi sekali saya ucapkan berbanyak terima kasih dan saya menyokong Akta ini.

4.02 ptg.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang):** Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Saraan Hakim bagi mengadakan dua hal keadaan tambahan yang membolehkan seseorang Hakim bersara dari jawatannya dan apabila dibenarkan bersara mengikut hal keadaan ini Hakim itu adalah berhak menerima pencen dan ganjaran di bawah Akta itu.

Saya adalah menyokong pindaan Rang Undang-undang yang bertujuan sedemikian. Oleh kerana, Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang mengamalkan doctrine separation of powers iaitu perbezaan di antara kuasa Executive, kuasa Legislative dan kuasa Judiciary, maka amatlah perlu para Hakim kita independent iaitu tidak ada kaitan apa-apa sekalipun dengan pihak Legislative ataupun dengan pihak Executive, maka dengan itu kita harap para-para Hakim kita

akan bebas dan mengamalkan amalan independence of the Judiciary di dalam menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab mereka.

Bagi memenuhi hasrat itu, maka amatlah perlu bahawa para-para Hakim kita apabila mereka bersara mereka diberi ganjaran-ganjaran dan juga pencen-pencen yang menasabah yang boleh menentukan masa depan mereka supaya mereka jangan terganggu fikiran mereka apabila mereka bersara kelak. Dengan wujudnya ketenteraman fikiran mereka dan dengan adanya certainty bahawa apabila mereka bersara kelak bahawa ganjaran ataupun pencen mereka cukup bagi keperluan masa pencen mereka, maka itu saya percaya akan memberi sumbangan yang paling bererti dan berkesan sekali kepada para Hakim menjalankan tugas dengan penuh adil, saksama dan tidak terikat kepada apa-apa pengaruh baik dari segi Executive, Legislative ataupun mana-mana sumber.

Cuma di dalam pindaan Akta ini, saya suka menarik perhatian di dalam Fasal 2.8B(1) yang mana amat dukacita sedikit kerana semasa Yang Berhormat Menteri membentangkan pindaan ini tidak menyentuh Fasal 2.8B.(1) yang pada fikiran saya amat penting di dalam soal independence of the Judiciary dalam doctrine yang saya nyatakan tadi bahawa para Hakim kita hendaklah saya percaya memang terus-menerus mengamalkan falsafah dan doctrine the independence of the Judiciary. Fasal 2.8B. Tuan Yang di-Pertua, dengan izin menyatakan di sini:

“8B.(1) Seseorang Hakim Mahkamah Persekutuan yang belum mencapai umur enam puluh tahun tetapi telah memegang jawatan Hakim Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi selama tempoh yang ke semuanya berjumlah tidak kurang daripada sepuluh tahun boleh, dengan kelulusan Ketua Hakim Negara, membuat permohonan kepada Yang di-Pertuan Agong supaya dibenarkan bersara untuk berkhidmat dalam suatu jawatan yang lain; . . . . .”

Dan “jawatan yang lain” itu, Tuan Yang di-Pertua, tidak diistilahkan di dalam Akta

untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971. Maka saya suka bertanya apakah yang dimaksudkan dengan 'untuk berkhidmat dalam suatu jawatan yang lain', adakah 'jawatan yang lain' itu khusus kepada jawatan-jawatan yang bercorak Judicial, yang bercorak Perhakiman ataupun istilah 'jawatan yang lain' itu meliputi apa juga jawatan, bermakna seorang Hakim itu boleh jika ia mendapat kelulusan daripada Yang di-Pertuan Agong yang dipanjangkan melalui Ketua Hakim Negara boleh bersara dan memegang apa jawatan sekalipun sama ada jawatan itu tidak ada kait-mengait dengan judicial capacitynya ataupun jawatan-jawatan yang lain. Ini yang saya suka hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Dan apabila saya memandang kepada Huraian, kerana saya tidak dapat mendengar apa-apa daripada Yang Berhormat Menteri apabila beliau membentangkan pindaan ini bersabit dengan itu, maka saya telah membaca di dalam Huraian iaitu bersabit dengan Fasal ini, No. 4 dalam Huraian pindaan ini iaitu di sini menyatakan:

"4. Seseorang Hakim Mahkamah Persekutuan boleh dibenarkan bersara dari jawatannya di bawah seksyen 8B yang dicadangkan itu jika Hakim itu dikehendaki berkhidmat dalam suatu jawatan yang lain dan jika Yang di-Pertuan Agong, yang bertindak atas perakuan Perdana Menteri, berpuashati bahawa Hakim itu patut berkhidmat dalam jawatan yang lain itu demi kepentingan dan keperluan khas untuk sesuatu Negeri atau kepentingan Malaysia pada keseluruhannya."

Maka dengan itu Huraian inipun tidak memberi apa-apa penjelasan di atas makna 'jawatan yang lain' itu. Inilah yang saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah istilah dan apakah maksud 'jawatan yang lain' itu. Sekiranya 'jawatan yang lain' itu bermaksud jawatan yang akan dipegang oleh seorang Hakim itu ada kena-mengena dengan judicial capacitynya atau dengan kerja-kerja perhakimannya itu sudah patutlah dan kena pada tempatnya. Tetapi jika jawatan yang lain itu termasuk jawatan-jawatan yang lain yang extra-judicial, katakanlah, dia boleh menjadi pengerusi sesuatu syarikatkah ataupun menjadi pengerusi sesuatu lembaga perbadanankah,

saya fikir ini satu perkara yang harus diberi pertimbangan yang lebih lanjut sebelum kita boleh memberi kuasa sebegitu luas, kerana seperti saya telah nyatakan tadi, prinsip the independence of the Judiciary amatlah penting, prinsip bahawa para-para Hakim kita mengamalkan kebebasan di dalam melaksanakan dan menjalankan tugas-tugas mereka amatlah penting. Tetapi dengan adanya Fasal 2.8B, ini bukan saya mengatakan 8B, ini boleh menjejaskan doctrine itu, tetapi jawatan yang lain itu tidak diistilahkan, maka timbullah berbagai-bagai spekulasi dan bermacam-macam boleh dikemukakan untuk menimbulkan keraguan di atas prinsip the independence of the Judiciary. Dan oleh kerana prinsip the independence of the Judiciary amatlah penting dan merupakan pokok falsafah negara kita, maka kalau ada sesuatu undang-undang yang boleh menjejaskan doctrine itu maka haruslah kita amat berhati-hati sekali.

Saya percaya dan saya yakin, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Rang Undang-undang ini diluluskan dengan tidak diistilahkan 'jawatan yang lain' itu saya percaya Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan juga Ketua Hakim Negara kita tidak akan menggunakan kuasa ini yang boleh bercanggah dengan doctrine itu, tetapi itu bukan soalnya. Soalnya dengan adanya 8B itu maka membolehkan seorang Hakim itu memegang apa juga jawatan setelah ia bersara, dengan syarat ia dibenarkan bersara untuk memegang jawatan yang lain tadi. Ini yang saya kata 'jawatan yang lain' ini luas—apa jawatan—bukanlah saya hendak memperkecil-kecilkan cara drafting ini—tidak. Boleh jadi ia hendak bertanding menjadi Wakil Rakyat, itu jawatan yang lain juga.

Saya percaya itu bukan matlamatnya, itu bukan tujuannya, bukan sekali-kali terlintas difikirkan mereka yang membuat undang-undang ini bahawa seorang Hakim itu hendak bertanding dan sebagainya—saya percaya itu tidak. Tetapi soalnya dengan kaedah undang-undang yang ada sekarang ini boleh, tidak menahan dan ada enabling power diberi untuk seorang Hakim itu memegang apa juga jawatan kalau mengikut tafsiran saya, kerana 8B ini tidak menyatakan dan mengistilahkan jawatan yang lain itu. Maka kerana itu saya fikir amatlah perlu istilah jawatan yang lain tadi dalam Fasal 2.8B supaya membenarkan

bersara untuk berkhidmat dalam satu jawatan yang lain, jawatan yang lain itu diberi makna, didefinisikan supaya terang perkara itu supaya jangan kita memberi satu blank cheque, jangan di Dewan Rakyat ini meluluskan satu cheque yang kosong untuk mengisi apa sahaja. Tetapi sekali lagi saya mengatakan saya tidak pula hendak menimbulkan satu syak wasangka, ini bukan tujuan saya. Saya semata-mata untuk memberi sedikit pandangan kepada 8B, kerana saya fikir 8B ini penting dan sekiranya kita tidak berhati-hati boleh digunakan, boleh diarguekan sebagai satu Rang Undang-undang yang menjejaskan independence of the Judiciary negara kita yang kita sanjung tinggi pada hari ini. Oleh yang demikian, saya amatlah bersukacita sekiranya saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri di dalam jawapannya kelak.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang ada kaitan sedikit dalam perkara ini iaitu saya sukalah mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para hakim kita yang telah menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dengan cemerlang dan negara kita boleh dikatakan satu negara yang memang terkenal di dalam keadilannya melalui proses undang-undang kita dan pada pendapat saya satu daripada sebabnya proses perundangan kita berjalan dengan begitu baik ialah di dalam hal-hal yang tertentu kita mempunyai trial by jury iaitu perbicaraan menggunakan juri.

Saya sungguh-sungguh berharap supaya perbicaraan menggunakan juri ini diteruskan dan jangan dihapuskan kerana dalam negara kita ini trial by jury bukanlah kepada semua kes tetapi kepada kes-kes yang tertentu sahaja, beberapa kes sahaja. Seumpamanya kes bunuh dan sebagainya dan amatlah perlu kes-kes yang mana sekarang ini dijalankan melalui proses juri diteruskan kerana saya berpendapat sebelum kita membuat sesuatu perubahan kepada sesuatu sistem hendaklah sistem yang sedang berjalan itu menunjukkan bahawa ia tidak boleh lagi berjalan, lemah ataupun tempang maka perlulah kita mengkaji sistem itu dan mencari apakah cara-cara untuk mengatasi dan memperbaiki sistem yang kurang baik itu. Tetapi sekiranya sistem itu sudah berjalan dengan baik dan tidak menimbulkan masalah-masalah yang sangat

merunsingkan, maka saya fikir patutlah kita biarkan sahaja sistem itu berjalan mengikut peredaran masa dan jangan kita pinda, maksud saya jangan kita pinda semata-mata untuk hendak pinda, biarlah kita meminda dan mengubah sesuatu sistem itu oleh sebab-sebab yang menasabah, tertentu dan yang diperlukan.

Pada pendapat saya sistem trial by jury ini sudahpun berjalan dengan baik sungguhpun ada masa-masanya di mana boleh difikirkan seseorang itu mungkin terlepas daripada hukuman kerana mungkin ahli-ahli jury itu berasa sebab-sebab yang tertentu tidak mahu menyatakan orang itu bersalah maka orang itu terlepas. Tetapi tidak mengapa, kerana kita mempunyai satu lagi prinsip yang penting juga iaitu, izinkan saya kerana ini satu doctrine dalam bahasa Inggeris. Saya minta izin, Tuan Yang di-Pertua, iaitu, "let 10 guilty persons be free rather than one innocent person be found guilty". Ini satu doctrine yang kukuh juga di dalam perundangan. Biarlah 10 orang yang bersalah lepas asalkan jangan seorang yang tidak bersalah dihukum. Jadi kalau para-para juri kita yang bijaksana ada masanya mungkin melakukan, tidak tahulah oleh sebab tertentu, mungkin katakanlah sebagai hypothetical case, satu orang yang bersalah terlepas, katalah, sebagai satu kes yang hypothetical. Tidak mengapa asal jangan ada orang yang tidak bersalah dihukum. Itu yang mesti kita elakkan. Biar 10 orang yang bersalah terlepas jangan satu orang yang tidak bersalah didapati salah dan dihukum. Itu satu doctrine yang paling fundamental dan paling kukuh di dalam kehakiman dan keadilan. Oleh itu, saya menyeru sekiranya ada di pemikiran-pemikiran Timbalan Menteri Undang-undang kita bercita-cita ataupun menimbang-nibangkan perkara untuk hendak meminda atau hendak menghapuskan sama sekali trial by jury, saya merayu dan memohon kepada beliau menimbang semula perkara ini dan biar trial by jury itu berjalan kerana itulah dia asas demokrasi kita.

Sepertimana, Tuan Yang di-Pertua sedia maklum asas demokrasi kita ialah Kerajaan daripada rakyat untuk rakyat dan kebahagiaan rakyat. Maka berasaskan kepada itu, kepada kedaulatan rakyat, maka sebaik-baiknya rakyat mengadili ahli rakyat itu sendiri. Itulah

dia intisari kepada doctrine trial by jury ini iaitu rakyat sendiri mengadilkan seorang anggotanya sendiri. Itulah dia demokrasi tulin, kalau boleh saya mengistilahkan trial by jury itu.

Dengan hal yang demikian kerana kita sudahpun ada trial by jury di negara kita maka eloklah kita teruskan. Kalau negara kita tidak ada trial by jury ini maka kita hendak membawa trial by jury itu ke negara kita, itu mungkin boleh kita bincangkan dengan panjang lebar elok baiknya, tetapi sekarang trial by jury sudahpun ada di dalam sistem perhakiman kita bukan untuk setahun bukan untuk dua tahun, beratus tahun sistem percabaran yang begitu rupa berjalan dan ianya berjalan dengan begitu baik dan berkesan sekali.

Di Pulau Pinang, Tuan Yang di-Pertua, percabaran trial by jury ini berjalan semasa dahulu di dalam semua kes di dalam Mahkamah Tinggi. Apa juga kes yang dibawa ke Mahkamah Tinggi, trial by jury, itu di Pulau Pinang, dan semasa sistem itu berjalan di Pulau Pinang saya percaya di Melaka juga, tidak ada masalah. Rakyat berpuas hati dengan perjalanan sistem itu. Kalaulah trial by jury ini tidak baik dan tidak mendatangkan keadilan sudah lama rakyat di Pulau Pinang memprotes atau membantah sistem itu. Mengapa rakyat di Pulau Pinang dan Melaka dan mereka yang terlibat dengan sistem itu tidak menimbulkan apa-apa bantahan terhadap trial by jury itu, padahal sistem itu sudah berjalan beratus-ratus tahun di Pulau Pinang dan juga di Melaka. Kalau sistem itu telahpun berjalan dengan begitu baik di Pulau Pinang dan di Melaka di mana semua kes Mahkamah Tinggi trial by jury, tetapi di negeri-negeri selain daripada Pulau Pinang dan Melaka, trial by jury ini cuma terlibat dengan beberapa kes sahaja, bukan semua kes Mahkamah Tinggi, itu bezanya di antara Pulau Pinang, Melaka dan negeri-negeri di Semenanjung yang lain.

Saya membawa contoh Pulau Pinang dan Melaka kerana di situlah nampaknya trial by jury ini berjalan dan berkembang dengan begitu baik dan molek sekali. Saya suka memberi pandangan sekiranya trial by jury ini telahpun berjalan dengan saksama, baik dan adil, terutama di Pulau Pinang dan Melaka, maka saya merayu kepada Yang Berhormat

Timbalan Menteri berkenaan untuk menimbang dengan sehalus-halusnya dan mengkaji dengan sedalam-dalamnya sekiranya beliau berhajat ataupun ada ura-ura hendak menghapuskan atau hendak membatalkan sistem trial by jury di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja, terima kasih.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat dari Kangar.

*4.20 ptg.*

**Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar):** Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Saraan Hakim yang telah dikemukakan oleh Menteri Tak Berpotfolio di Jabatan Perdana Menteri dan saya berpendapat kerana adat alam manusia ini Tuhan jadikan berpasangan—lelaki perempuan, malam siang, baik dan buruk, salah dan benar. Jikalau sesebuah negara, sesebuah negeri, sesebuah rumahtangga salahnya terlampau banyak maka alamat rumahtangga itu akan kocak-kacir. Begitulah juga kalau dalam negeri sekalipun.

Orang yang akan menghukum salah atau benar sesuatu perkara adalah orang yang arif di segi itu. Kalau dalam segi kesalahan jenayah dan sebagainya tidak lain dan tidak bukan dalam negara kita ini ialah hakim. Hakimlah yang akan menentukan selepas dibawa dalam percabaran orang itu salah atau benar mengikut peraturan undang-undang yang ada dalam negara kita, Tuan Yang di-Pertua. Dengan sebab itulah kalau tidak silap saya dalam ayat Quran ada mengatakan yang maksudnya: "Jikalau kamu hendak menghukum sesuatu benda hendaklah kamu hukum dengan seadil-adilnya."

Maka di segi hakim ini amatlah penting dan hebat. Kalau seseorang hakim itu menghukum sesuatu perkara itu tidak adil dan tidak betul, maka akibatnya kena kepada hakim itu sendiri. Kalau di segi ugama khasnya Islam, dia akan menemui siksa dan azab di tangan Tuhan sesudah dia mati, kadang-kadang belum mati pun Tuhan akan tunjukkan baik buruk apa yang dihukumnya itu. Kepada yang kena hukum, kalau dia tidak bersalah tiba-tiba dihukum, dia telah kena aniaya yang amat

sedih. Dengan sebab itu soal hakim ini walaupun saya bukan seorang peguam sebagaimana kawan saya tadi, tetapi saya tahu hukuman amatlah mustahak. Kalau orang bersalah tidak dihukum alamat negara akan kucar-kacir. Kalau orang tidak bersalah dihukum sebagaimana kata Wakil dari Sepang tadi; ini saya sangat bersetuju. Dengan sebab itu atas apa yang dicadangkan oleh Menteri tadi kepada orang-orang yang patut bersara dan hendak bersara, diminta bersara; itu lebih daripada patut.

Pada pendapat saya bukan setakat umur 60 tahun, 55 tahun pun kalau sudah difikirkan dia tidak sihat dan kalau kita tengok kadang-kadang dia selalu tidak waras; kerana seseorang yang hendak menghukum dengan baik hendaklah dia waras. Saya berpendapat di segi lain kalau dia salah, boleh jadi salah dia tidak membawa akibat yang amat teruk tetapi kalau di segi hakim dan kalau dia hukum mengakibatkan kepada yang hendak kena penjara itu sudahlah teruk, keluarganya juga akan teruk. Dengan sebab itu hakim walaupun cakupnya macam kita juga tetapi keputusan hakim akan dipakai dan akan diikuti oleh mahkamah dan akan dijalankan oleh Kerajaan. Dengan sebab itu saya sangat-sangat bersetuju, jangan nanti dia minta; kalau sudah Kerajaan tengok hakim ini sudah agak tidak siaman sedikit, tidak usah nanti dia minta berhenti, apatah lagi kalau dia minta, lebih-lebihlah kena beri kerana hakimlah tempat mustahak, dia akan menghukum selepas didengar perbicaraan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, hakim juga seorang yang tidak berbelah bagi. Kita tidak harap sangat-sangat orang ini seperti kata saudara kita tadi yang akan ikut apa sahaja yang diarah dan apatah lagi menentang kehendak Kerajaan. Hari ini untuk makluman Menteri yang berkenaan saya amat dukacita ada orang yang bekerja dengan Kerajaan atas sifatnya sebagai hakim. Dia mensabotajkan Kerajaan sendiri; siang dia menjalankan perbicaraan. Lebih tepat saya sebut kalau tidak silap di Kedah. Walaupun hari ini telah ditukar hakim itu tetapi tidakkah kita tahu perasaannya yang meluap-luap kepada Kerajaan yang ada hari ini. Siang dia menjalankan kerja makan gaji atas nama hakim, tetapi malam dia jalankan kempen, ahli politik, yang sedihnya lagi pula dia menentang dasar Kerajaan. Kalaulah dia

sudah menentang dasar Kerajaan sedangkan undang-undang yang diputuskan, aturan yang diputuskan, segala yang diputuskan oleh Kerajaan, saya takut kadang-kadang kita tidak boleh nafikan, perasaan membawakan seseorang itu terikut-ikut atas apa yang dia hendak kata.

Dengan sebab itu saya berharap juga di segi hakim ini carilah orang yang betul-betul. Saya bukanlah hendak kita cari ahli daripada Barisan Nasional, yang betul-betul tulin UMNO 100%; saya tidak hendak; biarlah hakim ini tidak usah masuk politik terus tidak usah masuk parti Kerajaan. Ini pendapat saya, biar dia hukum dengan adil. Tetapi yang ada hari ini saya dapat tahu telah ditukarkan, kalau tidak silap saya, ke Sarawak. Apa pula dia akan jalankan di Sarawak, di Malaysia Timur. Ini saya amat dukacita dan saya biasa dengar sendiri dengan telinga saya dituduh Kerajaan hari ini, Kabinet hari ini Kabinet Iblis. Itu saya dengar. Ini adalah hakim. Tidak bolehkah dalam perbicaraan dia akan terbawa-bawa perasaan benci dan meluat kepada Kerajaan, boleh jadi dengan benci itu perasaannya tidak terkawal lagi. Yang agak benda itu berlawanan dengan kehendak Kerajaan maka itu dia akan buat sebagai kehendak hatinya kepada Kerajaan. Ini saya harap kepada Menteri yang berkenaan ambil perhatian betul-betul supaya jangan berulang lagi. Kalau sudah dia hendak berpolitik, suruh dia berhenti sahaja. Bukan saya kata hakim itu sahaja, hakim manapun; saya ulang sekali lagi, biarlah hakim itu orang yang waras, orang yang adil kerana dia akan menghukum dalam perbicaraan. Dia akan buat keputusan, keputusannya akan mengakibatkan seorang itu merengkok dalam penjara dan tanggungan keluarga orang itulah yang akan menderita. Saya bersetuju dengan pendapat Wakil dari Sepang tadi. Walaupun saya bukan peguam; saya bersetuju kita hukum orang yang bersalah—tidak apa, kalau terkena orang yang tidak bersalah kita hukum amatlah sedih. Yang bersalah sudahlah ditahan, apahal keluarganya, anak-anaknya, ini kita patut kaji.

Memang kalau kita tidak hukum orang yang bersalah pun, negara akan jadi kucar-kacir kerana dalam Islam pun yang jahat, yang mencuri kalau ada kenyataan yang cukup, dengan saksi yang cukup, 4 orang tengok dan

sebagainya, hukumannya memang tepat. Tetapi kalau tidak bersalah tidak boleh dihukum, yang bersalah tidak dihukum kocarcir negara, Tuan Yang di-Pertua. Dengan sebab itu saya berharap sangat-sangat sebagaimana saya kata tadi saya berdoa yang akhir-akhir ini saya dapati hakim bertambah baik, bagus, akan lebih waras lagi tidak lagi kita ambil, kalau macam kita tidak hendak buat hukuman, cuma kita hendak buat keputusan, keputusan hakim adalah keputusan yang membawa macam saya kata tadi seseorang itu sengsara. Ini saya harap sangat-sangat. Dengan sebab itu saya bersetuju sungguh-sungguh dengan pindaan tadi dan kalau boleh jangan nanti 60 tahun, kalau sudah nampak tidak siuman beri dia berhenti. Itu saya minta sangat-sangat, berilah kerja lain kepada dia. Beri orang lain jadi hakim, dia akan puas hati.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju macam pendapat daripada kawan saya tadi, kita mengikut keadaan di Malaysia. Apa yang tidak molek dengan pakaian cara kita, yang hendak pakai cara barat dan sebagainya. Kita sudah merdeka 20 tahun lebih. Saya fikir negara kita tidak kurang macam Yang di-Pertuan Agong kita pakai pakaian timur. Jadi kita pakailah dalam percibaraan cara yang dipakai dalam Malaysia sebagaimana yang dicadangkan oleh hakim di Perak, saya amat tertarik. Janganlah kita bawa kebaratan lagi. Kita berasa bangga dengan cara keaslian kita, cara pakaian kebangsaan kita ataupun cara kemalaysiaan kita lebih daripada negara lain. Ini saya bersetuju dengan pendapat yang dibawa oleh Wakil dari Sepang tadi janganlah kita pandang leceh. Orang kita hari ini kadang-kadang dia pandang leceh kepada negaranya sendiri.

Lagi satu saya suka bercakap tentang segi bahasa. Tidak tahulah saya kalau Tuhan sudah tetapkan bahasa dalam undang-undang ini mesti bahasa Inggeris. Tetapi saya tidak fikir begitu. Negara yang maju yang tidak pakai bahasa Inggeris pun kalau tidak silap, saya kalau dibandingkan negara Islam di masa yang lepas, di masa kurun Syaidina Omar dan Syaidina Abu Bakar dan lain-lain agak saya dia pakai bahasa Arab, itu adil dan sebagainya. Bahasa ini saya ingat kalau kata  $2 \times 5 = 10$  juga, bahasa apapun serupa, cuma hendak tafsir. Itu kita cari, kalau tidak ada

kalimah yang patut, kita cuba cari menyesuaikan.

Jadi saya dapati dalam mahkamah Bahasa Malaysia ini terlampau rendah kerana tidak mahu digunakan langsung—tidak semacam pejabat-pejabat lain. Saya dapat tahu daripada setengah-setengah kawasan-kawasan yang biasa pergi ke negeri Thai sendiri, kalau ada salah dan sebagainya, mereka menggunakan bahasa kebangsaannya sendiri. Begitu juga saya tahu di negara-negara yang lain. Kita di Malaysia, biasa disebut sebelum merdeka dahulu bagaimana hendak merdeka, jarum patah pun tidak tahu hendak buat, tetapi selepas kita merdeka, saya yakin, saya masih ingat lagi, walaupun saya kanak-kanak di masa itu, saya masih hidup walaupun tidak semacam Tuan Yang di-Pertua, kerana masa penjajahan, saya ingat, Tuan Yang di-Pertua masih berumur sedikit daripada saya, walaupun kata orang lagaknya handsome masih tua daripada saya lagi, hidup lama dalam masa penjajahan. Tahu bagaimana sengsaranya kita kemajuan di masa penjajahan. Selepas kita merdeka 20 tahun, orang tidak mengaku, kita akui pembangunan amat pesat. Jikalau di segi lain kita boleh buat pejabat, universiti dan sebagainya, mengapa di segi mahkamah tidak boleh. Tidak tahulah saya kalau undang-undang ini tidak boleh kita tulis, adat undang-undang ini mesti dalam bahasa Inggeris. Saya berharaplah kalau boleh, kita ubahlah corak Malaysia kita dari segi bahasa, dari segi pakaian dan sebagainya sepertimana yang dikatakan oleh saudara saya tadi, saya sokong.

Tuan Yang di-Pertua, tidak tahulah saya barangkali kawan saya dari Sepang ini seorang peguam. Saya pula tidak setuju sistem juri ini ditubuhkan. Pendapat saya barangkali berlainan, kerana saya dengar satu hadis menyatakan, kalau saya sebut hadis janganlah pula, Tuan Yang di-Pertua kata saya ini terlampau alim, saya belajar sedikit-sedikit. Kalaulah diserahkan kepada satu orang itu bukan ahlinya, tunggulah kemusnahannya. Saya mengaku, Tuan Yang di-Pertua, kalaulah takdir saya satu hari hendak disuruh jadi juri, saya tidak mahu. Saya tidak mengaku saya boleh jadi. Kerana saya tidak pandai dari segi undang-undang. Maka dengan sebab itu pada pendapat saya sependai-pandai manusia ada yang dia tidak tahu.

Saya sendiri dari segi orang kampung, kalau setengah-setengah orang, saya lebih tahu masuk cerok kampung, bergaul dengan petani-petani dan sebagainya oleh kerana saya datang dari situ. Tetapi kalau di segi undang-undang orang hendak suruh saya jadi, walaupun saya ada pengalaman lama misalnya, saya biasa tengok, dia ambil juri bukan dia ambil sebagai satu syarat yang dia lulus undang-undang dan sebagainya, tetapi dia pandang siapa yang pandai dan patut. Kadang-kadang orang itu dia kerja dari segi lain, tiba-tiba satu hari dia ambil jadi juri. Saya takut, kerana orang yang tidak pakar dari segi undang-undang diambil di atas sifat timbang rasa, ini membawa kadang-kadang yang bersalah dia tidak tergamak hendak hukum, dia kasihan. Kadang-kadang orang ini tidak bersalah, ada perasaan dia tidak baik, dihukum. Macam saya kata, hakim kalau mengikut cara kita Islam, kalau tidak silap hadis nabi kepada anaknya Siti Fatimah, kalau anaknya curi, sekalipun dengan ada kenyataan yang benar, mesti dipotong tangan. Tetapi mesti ada keterangan. Keterangan mustahak. Sebab itu kalau kita ada peguam dan sebagainya dengan membawa kes dan kadang-kadang orang miskin tidak boleh ambil peguam sendiri, Kerajaan tolong dia, kerana kita hendak keterangan selanjutnya. Selepas itu kita dengar keterangannya, betul-betul. Tetapi walau macam mana keterangan pun pakar yang tahu itulah yang akan menghukum. Kalau macam wakil dari Kangar menjadi hakim misalnya, orang beri saya \$10,000 sekali bicara, saya tidak mahu. Saya tidak sanggup dan saya tidak mahu. Saya tidak sanggup jadi juri. Kerana yang kita tidak tahu memberi hukum ini amatlah tidak baik.

Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, dari segi juri ini patut kita hentikan. Kita buatlah seperti setengah negara menggunakan bicara dengan tiga orang hakim. Kita ambil pakar. Dan kalau difikirkan hakim kita tidak cukup, kita tambah hakim lagi. Kerana saya berpendapat, hakim kita hari ini tidak cukup. Buktinya seorang itu sudah mati, dipanggil bicara; hendak bicara apa? Hamba Allah yang sakit itu sudah mati. Ini biasa berlaku di dalam negara kita. Tidak tahulah saya barangkali hakim yang tidak cukup. Kalau tidak cukup, tambah lagi. Sekarang kita sudah tambah fakulti undang-undang maka kita ambillah hakim lebih banyak lagi.

Dan kita cari macam mana yang saya katakan tadi yang waras, yang bertimbang rasa betul-betul, tidak memihak ke sana sini, dia akan menghukum apa yang tidak benar. Yang saya takut, Tuan Yang di-Pertua, peguam-peguam ini kadang-kadang oleh kerana dia terlampau popular sampai kes beratus-ratus tiap-tiap seorang. Bila datang satu tempat hendak bicara dia minta tangguh. Inipun satu penyakit. Jadi saya haraplah supaya perkara ini jangan terjadi. Kadang-kadang kita tahu ada kes yang boleh dijamin, misalnya seorang yang salah boleh dijamin. Dijaminlah. Sekarang tidak macam dulu. Kalau tidak silap saya, dulu kita bukanlah hendak jamin orang salah. Wakil Rakyat pun tidak mahu kerja jamin ini. Tetapi kadang-kadang kalau kita terpaksa kena jamin kena jamin juga. Tidak boleh beri jamin, melainkan sudah jamin, tidak bagus juga, mestilah dijamin dengan wang atau cagaran yang bergeran. Kalau tidak, tidak boleh jamin. Yang boleh jamin itu baguslah yang ada geran. Kadang-kadang biasa seorang yang salah itu dia kena tangkap, memanglah yang saya katakan tadi yang salah itu memang kena tangkap tetapi hendak tahu orang itu salah atau tidak belum ditentukan, melainkan selepas dibicara dalam mahkamah dan diputuskan oleh hakim bahawa seseorang itu bersalah. Sebelum itu kita tidak tahu sama ada orang itu salah atau tidak sebelum dia dibawa ke mahkamah dan dihukum oleh hakim. Jadi dengan sebab itu, sepertimana yang saya katakan tadi yang boleh jamin itu dijamin, itupun memakan masa, kerana gerannya terpaksa tinggal di dalam mahkamah, sampai bertahun-tahun. Begitu juga wang yang dijamin tadi. Takut orang yang bersalah tidak lari.

Yang paling sedih, ada setengah kes yang tidak boleh dijamin, mesti dengan keputusan mahkamah. Selepas dia dihukum bersalah atau tidak, barulah hamba Allah itu boleh ditentukan dia ke dalam jel ataupun di luar. Ada setengah kes yang tidak boleh dijamin misalnya, saya biasa dengar sebagai wakil rakyat, ramai orang berjumpa saya supaya saya jamin. Saya pergi jumpa Tuan OCPD dan OCPD kata benda ini tidak boleh dijamin, sebab kes senjatapi misalnya. Dia kena tuduh memiliki senjatapi. Hamba Allah itu terpaksa duduk di dalam lock-up berbulan-bulan pula, kadang-kadang tidak begitu lama sementara

hendak dengar di depan hakim ataupun hendak dibicarakan di mahkamah.

Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab kekurangan hakim kita membawa kes-kes yang lama tidak boleh selesai, terutama kes yang saya sebutkan tadi yang tidak boleh dijamin, kena duduk di dalam lock-up melainkan mahkamahlah yang akan menentukan salah atau tidak. Kalau dia salah, biarlah. Tetapi saya berpendapat lock-up dengan jel ini ada berbeza sedikit. Lock-up ini agak saya teruk lagi. Jel dan lock-up ini, saya minta dijauhkan Tuhan. Saya tidak pernah masuk dan tidak mahu masuk, kalau boleh. Tetapi saya dengar kata orang lock-up lagi teruk daripada jel. Jadi kalau dia duduk di dalam lock-up sampai berbulan-bulan—amat sedih, Tuan Yang di-Pertua. Dengan sebab itu, banyakkannlah hakim. Inilah yang saya harap sangat-sangat kepada pihak yang berkenaan macam saya katakan tadi tolonglah tambah hakim mengikut kadar supaya kes-kes itu dapat diselesaikan dengan seberapa segera yang boleh.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk sekejap. Perkara yang kita bahaskan petang ini ialah Akta Saraan Hakim iaitu berkaitan dengan umur bersara kerana uzur, bersara dengan sebab-sebab khas ataupun pencen dan ganjaran dalam hal-hal persaraan tertentu. Kalau boleh Yang Berhormat tumpukan dalam perbahasan itu dan tidak kepada kehakiman umum.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi oleh sebab saya sudah bercakap banyak berkenaan dengan hakim ini sepertimana saya katakan tadi, tumpuan saya barangkali bersara inipun baik. Kesimpulannya hakim diadakan untuk menyelesaikan segala kes-kes dan saya berpendapat bahawa di dalam Rang Undang-undang ini boleh bersarakan juga kalau didapati hakim itu tidak sihat dan sebagainya.

Kesimpulannya untuk mencari hukuman yang adil dan betul dalam menyelesaikan kes-kes di mahkamah, maka hakim-hakim hendaklah ditambah. Dengan sebab hukum itu banyak yang tidak dihukum lagi, saya kaitkan juga bahawa patut ditambah hakim-hakim ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap sangat sepertimana saya katakan tadi, saya bersetuju

cadangan yang dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan bahawa kalau sudah difikirkan dia itu tidak waras, minta maaf, saya tidak tuduh hakim tidak waras, kerana kita manusia ini sifat baru, ada sihat, ada yang tidak sihat, kalau dia selalu tidak sihat, kalau dia tidak mahu berhenti pun, kita siasat, tengok, suruh dia berhenti dengan baik, beri kerja lain sepertimana kata kawan saya tadi kerana hakimlah yang akan membuat keputusan baik atau buruknya satu-satu kesalahan walaupun selepas didengar dalam perbicaraan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

4.40 ptg.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh):** Tuan Yang di-Pertua, di dalam membincangkan Rang Undang-undang meminda Akta Saraan Hakim 1971 ini saya menyokong Rang Undang-undang ini yang akan memberi pencen dan ganjaran yang lebih baik dan juga dalam hal persaraan serta kemudahan-kemudahan yang akan menyenangkan para-para hakim kita di dalam perkhidmatan mereka. Dengan pindaan yang memberi kebaikan ini dan juga kemudahan-kemudahan kepada para hakim telah terbukti kepada kita yang Kerajaan telah memberi keutamaan dan keistimewaan dalam menjaga keadilan di dalam negara ini. Oleh kerana para-para hakim baik Hakim Mahkamah Persekutuan ataupun Hakim Mahkamah Tinggi ataupun Ketua Hakim Negara, mereka adalah manusia biasa yang mempunyai perasaan dan juga mempunyai kesihatan tubuh badannya dan juga kehendak-kehendak yang tidak berbeza dengan rakyat biasa atau rakyat lain maka bagi menentukan dan menjamin keadilan itu wujud dalam negara ini keselesaan kepada mereka itu patut dipandang berat ataupun diberi pandangan istimewa oleh pihak Kerajaan.

Sebagaimana yang kita maklum, Tuan Yang di-Pertua, negara kita masih lagi berkehendakkan kepada hakim-hakim yang jujur, ikhlas dan dedicated ataupun mempunyai kecekapan yang tulin dalam menentukan keadilan. Oleh itu pindaan tambahan kepada Seksyen 8A telah membolehkan para hakim yang uzur atau kesihatan yang tidak memuaskan untuk memberi perkhidmatan.

dan menjamin keadilan dalam negara ini dilaksanakan sebagai satu tugasnya dan juga dengan perakuan yang diberi oleh Lembaga Perubatan ataupun Tribunal mengikut Fasal (4) Perkara 125 dalam Perlembagaan kita, maka sepatutnya diizinkan kepada para hakim itu bersara kerana walaupun umurnya belum lagi menjangkau ke angka 60an tetapi oleh kerana kesihatan dan keuzuran itu patut benarlah untuk menjaga keadilan negara kita supaya beliau itu diberi kemudahan bersara bukan diberhentikan tanpa mempunyai apa-apa faedah dari perkhidmatan yang dilakukan oleh beliau ataupun pihak yang berkenaan. Ini adalah juga merupai satu pindaan yang menjamin keadilan yang tulin kepada para hakim dalam menentukan keputusan tanpa diganggu oleh sebarang kekurangan yang ada di dalam dirinya atau dalam tubuh badannya sebagai hakim tersebut. Misalnya gangguan masalah diri akan menghasilkan keputusan yang tidak bijak ataupun yang tidak adil dalam menjalankan tugasnya sebab itulah kebenaran untuk memberhentikan sebagai satu persaraan kepada para hakim ini saya menyokong.

Walaupun bagaimanapun saya suka menarik perhatian Dewan ini tentang had umur 65 tahun bagi persaraan hakim. Kadang-kadang kita tahu kalau makin tua itu kadang-kadang ada juga makin segar dan makin baik pun pengalamannya dalam kehakiman ini. Oleh itu saya cuba mengesyorkan supaya pihak Kerajaan memikir supaya tidak mempunyai had umur kepada para-para hakim ini untuk persaraan tidak mempunyai had-had umur untuk mereka bersara, kepada para hakim ini yang masih kuat tenaganya untuk berkhidmat. Jadi apa yang penting asalkan keputusan yang diberi atau keadilan yang masih terjamin kerana hak persaraan yang berdasarkan umur itu tidak akan menguntungkan sekiranya pihak perakuan atau perubatan yang menentukan kesihatan para hakim ini boleh memberikan perkhidmatan. Kalau sekiranya kesihatannya masih baik dan tenaganya masih diperlukan maka hakim ini setidak-tidaknya boleh diteruskan selepas umur 65 tahun demi untuk tidak mengurangkan keperluan kehakiman dalam negara kita kerana yang pentingnya ialah kesihatan hakim itu ataupun kebolehan untuk menjalankan tugas itu dapat ditentukan oleh para Pegawai Perubatan yang beliau boleh

menjalankan tugas sebagai seorang hakim dengan baik dan terjamin.

Begitu jugalah dalam menentukan keadilan ini para hakim yang tidak berupaya atau tidak boleh memberi keadilan atau keputusan yang bijak demi untuk menegakkan keadilan sebagaimana yang disebut oleh saudara saya tadi tidak mempunyai kewarasan yang cukup. Maka persaraan sewajarnya diberi kepada mereka kerana hakim-hakim yang mempunyai beberapa kelemahan yang ada pada diri mereka akan mempengaruhi keputusan yang akan dilakukan oleh mereka setelah mendapat perakuan maka persaraan patutlah diberi walaupun tanpa mendapat permohonan daripada hakim tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun tenaga seorang hakim yang bijak adalah diperlukan bagi sebuah negara terutama bagi sebuah negara yang membangun seperti negara kita ini. Oleh itu demi untuk kepentingan dan keperluan negara sebagaimana yang terdapat di dalam Seksyen 8B bagi memberikan tugas-tugas lain yang lebih penting kepada hakim itu dan juga lebih berfaedah kepada negara dan tenaganya sangat diperlukan. Maka sewajarnya juga hakim tersebut diberhentikan dengan mempunyai persaraan untuk beliau dapat memberi khidmat di dalam lapangan atau pekerjaan lain yang mungkin lebih baik lagi atau lebih berfaedah lagi kepada negara kita kerana sebagaimana yang kita tahu pegawai dalam perkhidmatan lainpun perkara ini diberi demi untuk kepentingan negara dan keperluan negara untuk berkhidmat di dalam lapangan lain. Walaupun umurnya tidak sampai ke 60an ataupun setidak-tidaknya belumpun mencapai keangka 60an tetapi tenaganya boleh diperlukan, harus diberi perhatian kerana kita masih memerlukan tenaga dan fikiran para bijak pandai dalam memberi sumbangan kepada pembangunan dan juga pertumbuhan ekonomi dalam negara kita khasnya sebagai seorang tokoh yang akan mewarisi kepimpinan di dalam negara kita ini. Tenaga dan fikiran para hakim yang saya junjung tinggi ini adalah sangat-sangat diperlukan sekiranya tenaga itu masih dihendaki dalam lapangan lain.

Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang pindaan ini dan berharap di dalam melaksanakan keadilan ini para hakim

hendaklah berhati-hati dalam satu perkara yang saya dapati iaitu bagaimana yang berlaku di dalam perbicaraan para-para hakim ini selalu membuat kekasaran sedikit, misalnya menengking ataupun mengeluarkan kata-kata yang kesat kepada yang dituduh. Kadang-kadang sebelum perbicaraan ataupun sebelum bercakap lagi sidituduh itu terketar-ketar takut sehingga kita tidak dapat menerima laporan yang baik oleh sebab takut kepada tengking ataupun percakapan para hakim itu yang kasar yang mungkin tidak akan memberi keadilan kalau sekiranya si yang dituduh itu takut. Ini berlaku di mana-mana sahaja, walaupun kita tahu para hakim itu mempunyai satu kedudukan yang baik di dalam perbicaraan, boleh mengeluarkan sebarang hukuman ataupun sebarang tindakan, tetapi demi untuk keadilan juga maka di dalam satu-satu perbicaraan itu berbudi bahasa dan mengeluarkan kata-kata yang baik kepada yang dituduh kerana yang dituduh itu belum tentu lagi bersalah atau tidak. Kalau mereka itu betul bersalah boleh ditengking tetapi yang dituduh itu belum tentu bersalah, maka keadaan yang baik perhubungan di antara yang dituduh dengan para hakim juga patut diambil perhatian supaya keadilan yang sebenar didapati daripada yang dituduh.

Oleh itu, sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Dungun.

4.50 ptg.

**Tuan Awang bin Jabar (Dungun):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut sama menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong cadangan ini kerana memandangkan bahawa Akta ini adalah merupakan satu usaha untuk mewujudkan keadilan yang sebaik-baiknya di dalam negara kita ini, juga untuk mempertingkatkan kedaulatan undang-undang di dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dan menyokong dengan beberapa saranan yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap dahulu daripada saya ini yang mana telah menyarankan selain

daripada pindaan-pindaan yang tertulis di dalam Akta ini saranan juga dibuat untuk menjaga kebajikan para Hakim di seluruh negara ini kerana kebajikan para Hakim adalah sesuatu yang amat mustahak, sesuatu yang paling perlu dan paling penting di dalam melicinkan perjalanan kehakiman dan mewujudkan keadilan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masalah jawatan Kadi di seluruh negara ini boleh kita sifatkan sebagai Hakim di dalam takrif ataupun scope yang lebih luas maka Akta ini hendaklah juga melibatkan para Kadi-kadi yang bertaburan di seluruh negara kita ini. Masalah-masalah umur persaraan dan lain-lain itu hendaklah juga kita beri kepada Kadi-kadi di negeri kita ini selain daripada kebajikan-kebajikan yang lain seperti kebajikan-kebajikan Pengawal Keselamatan (Security) sebagaimana yang telah disarankan oleh wakil dari Setapak tadi kerana pernah kita dengar ada Kadi-kadi yang sedang menjalankan perbicaraan di negara kita ini telah diganggu-gugat oleh yang dituduh sehingga ada yang dikatakan tertikam, dipukul dan berbagai-bagai lagi. Jadi Kadi-kadi ini diadakan adalah juga dengan tujuan untuk hendak mewujudkan keadilan di dalam negara kita ini. Oleh sebab itu saya menyarankan supaya pihak-pihak yang berkenaan di dalam melaksanakan Akta ini, Kadi-kadi ataupun Hakim-hakim Islam ini di Mahkamah Syariah hendaklah dimasukkan sama.

Ada masalahnya barangkali jawatan-jawatan Kadi ini adalah jawatan negeri dan ia tertakluk kepada undang-undang agama di negeri-negeri dalam negara kita ini tetapi sekurang-kurangnya negeri-negeri seperti Melaka, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan hendaklah mendahului negeri-negeri lain kerana Jabatan-jabatan Agama Kadi-kadi yang ada di dalam Wilayah Persekutuan dan Melaka serta Pulau Pinang itu tertakluk terus di bawah kuasa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi bahawa saya menyokong usul ini adalah ditinjau dari sudut usaha untuk hendak mewujudkan keadilan di negara kita ini. Satu perkara yang amat tidak adil saya rasa kita nampak di dalam masalah undang-undang yang ada di negara kita ini sekarang ialah

masalah Undang-undang Khalwat yang sebagaimana sehari dua ini barangkali sebek diperkatakan manakala satu cadangan telah diangkat kepada pihak yang tertentu untuk mengkaji masalah persamaan hukum khalwat di antara orang-orang Islam dengan yang bukan Islam. Masalah inipun ada kaitan walaupun perbicaraan ini agak jauh sedikit daripada apa yang termaktub di dalam Akta ini tetapi dari awal lagi saya sudah katakan membicarakan Akta ini dari sudut kita hendak mendaulatkan keadilan, hendak mewujudkan keadilan di negara ini. Jadi kalau tidak dengan niat hendak mewujudkan keadilan yang sungguh-sungguh maka pindaan Akta ini tidak ada. Pindaan ini dibuat kerana hendak memberi keselisaan kepada para-para hakim, hendak memberi kesenangan dan kebajikan kepada mereka dengan tujuan bagi menjaga kebajikan dan untuk mewujudkan keadilan. Sebab itu saya hendak katakan masalah khalwat inipun ada hubungan dan sabit ataupun kait-mengait dengan undang-undang juga.

Tuan Yang di-Pertua, masalah khalwat sekarang ini orang-orang yang boleh dihukum ialah orang-orang Islam sahaja manakala orang-orang yang tidak Islam tidak boleh dihukum. Ini satu perkara yang kita nampak sangat tidak adil dari sudut keadilan. Dari sudut keseronokan, dari sudut kemahuan, dari sudut nafsu, itu cerita lain tetapi dari sudut keadilan ini adalah semacam perkara yang sangat tidak adil. Saya tidak hendak katakan dari segi keadilan Islam dan sebagainya, saya cakapkan dari segi keadilan yang mutlak.

Oleh sebab itu saya menyarankan di sini supaya pihak-pihak yang berkenaan bila cadangan ini sampai kepada masanya hendaklah dilaksanakan dengan secepat mungkin kerana ada orang menuduh ataupun ada orang mengatakan bahawa tidak boleh dijalankan dan berbagai-bagai lagi. Saya rasa dakwaan yang seperti ini adalah suatu dakwaan yang tidak kena pada tempatnya kerana masalah keadilan selalu bukan masalah orang Islam, bukan masalah orang tidak Islam kerana perbuatan khalwat perbuatan zina, perbuatan persetubuhan secara haram ini bukanlah direstui oleh semua orang, oleh semua agama melainkan di dalam masyarakat yang mengamalkan konsep haiwanismenya sahaja, perkara ini boleh diharuskan.

Adapun di dalam masyarakat-masyarakat yang beragama sama ada Islam atau sebagainya maka perkara yang seperti ini, perbuatan yang semacam ini adalah dikutuk dan sangat tidak diingini. Jadi terlanjur saya menyokong Akta Saraan Hakim (Pindaan) ini, saya berharap kepada pihak yang berkenaan supaya hukuman khalwat hendaklah disamakan sama ada orang-orang Islam ataupun tidak Islam kerana dari segi saikologinya orang-orang yang menjadi mangsa perbuatan ini sama ada dia Islam atau tidak Islam bahang kesengsaraan, kezabannya amatlah dirasa, kadang-kadang mulut sahaja tidak merasai tetapi hati kecil begitu pilu Tuan Yang di-Pertua. Kerana itu saya sekali lagi pada akhirnya menyarankan atau menggesa dalam Dewan yang mulia ini supaya undang-undang ini apabila sampai masanya dilaksanakan dengan sebaik-baiknya demi untuk mewujudkan keadilan di dalam negara kita ini.

Pada akhirnya, saya menyokong Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) (No. 2) ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Renggam.

*5.02 ptg.*

**Tuan Chin Hong Ngian (Renggam):** Tuan Speaker, saya bangun juga menyokong sepenuhnya atas Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) (No. 2) yang dibentangkan baru-baru ini. Dalam menyertai perbahasan atas perkara ini saya berhajat memberi sedikit sebanyak pandangan-pandangan tentang perkara ini.

Tuan Speaker, memang kita semua setuju bahawa sistem kehakiman atau sistem keadilan (Judicial system) di negara kita ini amatlah tertinggi bukan sahaja di daerah South East Asia tetapi juga di seluruh dunia. Kita rakyat Malaysia memang merasa bangga bahawa sistem keadilan kita yang amat baik ini dapat kita memperkukuhkan lagi.

Tuan Speaker, Hakim-hakim Besar atau Hakim-hakim Persekutuan di Malaysia ini adalah orang yang mempunyai kebolehan, kemampuan, pengalaman dan juga kelayakan yang tinggi.

Tuan Speaker, sistem keadilan kita ini adalah berasas atas sistem keadilan United

Kingdom atau Great Britain di mana hakim-hakim di peringkat tinggi sekali iaitu hakim yang menduduki House of Lords atau Privy Council adalah orang yang juga berpengalaman dan berkelayakan tinggi. Di sini saya berhajat mencadangkan iaitu hakim kita Hakim Mahkamah Tinggi yang telah bersara dan juga Hakim-hakim Persekutuan patut dengan secara automatiknya menjadi Senator iaitu ahli atau anggota Senate kita oleh kerana sistem keadilan England hakim yang besar yang dinamakan House of Lords mereka juga duduk di Dewan Perundangan House of Lords. Jadi saya harap negara kita akan dapat faedah yang besar jika hakim kita yang sudah bersara yang masih mempunyai kebolehan bekerja dan juga Hakim Mahkamah Persekutuan patut dijadikan dengan automatiknya Senator-senator di dalam Dewan Negara kita.

Tuan Speaker, di sini saya juga mencadangkan bahawa masih ada rayuan sivil daripada negara kita ini kepada Privy Council di United Kingdom dan oleh kerana apabila kes-kes rayuan kita dihantar ke Privy Council hakim-hakim yang duduk di Privy Council adalah orang asing jauh daripada Malaysia dan barangkali mereka yang akan memberi keputusan atas kes-kes rayuan itu tidak begitu faham tentang kedudukan tempatan iaitu kedudukan sebenarnya di Malaysia ini. Saya bercadang apabila ada kes-kes rayuan daripada Malaysia ke Privy Council di United Kingdom sekurang-kurangnya satu atau dua Hakim Mahkamah Persekutuan kita juga dapat duduk bersama-sama dengan hakim-hakim di Privy Council di United Kingdom. Oleh kerana dengan adanya Hakim Mahkamah Persekutuan kita duduk dengan Law Lord di Privy Council, maka saya percaya keputusan yang akan diambil atas kes rayuan itu memang satu keputusan yang lebih sesuai memandangkan keadaan-keadaan di negara kita ini.

Tuan Speaker, saya juga hendak memberi sedikit pandangan tentang kedudukan bangunan-bangunan Mahkamah kita di negara kita ini. Saya pernah pergi ke Mahkamah di Wilayah Persekutuan nampaknya bilik-bilik yang digunakan oleh Hakim Besar atau Hakim Mahkamah Persekutuan kita tidaklah sesuai dengan taraf mereka. Jadi saya bercadang jika boleh kita mesti mengadakan tempat-tempat atau bilik-bilik

atau bangunan yang sesuai dengan taraf Hakim Besar atau Hakim Mahkamah Persekutuan kita.

Dengan itu saya juga memberi sokongan yang penuh atas Rang Undang-undang yang dibentangkan pada hari ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Matang.

*5.10 ptg.*

**Tuan Hashim bin Ghazali (Matang):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi menyokong Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) (No. 2), 1979 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Saya hanya hendak menyebutkan beberapa perkara sahaja di dalamnya, mengenai kehakiman di dalam negara kita ini. Terlebih dahulu saya mengambil peluang mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada mereka yang menjadi hakim dan bertugas di Jabatan Kehakiman di negara kita ini yang telah berkhidmat dengan baik dan Malaysia dianggap mempunyai cara-cara kehakiman yang sebaik-baiknya. Di dalam hal ini umur hakim ditetapkan pada waktu bersara 65 tahun. Sebenarnya pada anggapan saya seseorang yang mempunyai ilmu yang tinggi, yang mempunyai kepandaian, ia dapat menggunakan kepandaian ilmunya apabila umurnya semakin tua. Jadi apabila ia semakin tua, maka cara penggunaan ilmu, cara berfikirnya dapat menimbang dengan lebih baik lagi daripada mereka yang berumur lebih muda. Pada anggapan saya, jika seseorang hakim yang mempunyai kemampuan, walaupun ia telah lebih daripada umur 65 tahun seperti setengah-setengah hakim yang ada di dalam dunia ini di negara-negara lain. Maka patut diberi peluang hakim-hakim seperti ini meneruskan jawatan mereka. Dengan cara yang sebegini pada pendapat saya ia dapat menolong lagi kematangan kehakiman yang sedia wujud sepertimana yang ada sekarang.

Yang kedua, biasa disebut di dalam Dewan ini, banyak sangat kes-kes yang tidak diselesaikan, yang tidak dapat diselesaikan dalam masa yang pendek dan ini menyebabkan kegelisahan daripada mereka

yang tertuduh ataupun mereka yang memerlukan, apabila sampai ke peringkat pengadilan barulah masalah itu selesai, sehingga memakan masa kadang-kadang 2-3 tahun atau 4-5 tahun. Misalnya ada satu kejadian kemalangan di Kuantan berlaku pada beberapa tahun dahulu, saya diberitahu sehingga setakat ini belum dapat diselesaikan lagi. Jadi daripada apa yang diketahui banyak kes-kes yang ada di dalam negara kita ini tidak dapat diselesaikan dan boleh jadi kerana kekurangan pegawai-pegawai, kekurangan hakim dan majistret dan sebagainya di Jabatan Kehakiman. Ini patut Kerajaan menambahkan lagi bilangan mereka supaya dapat kes-kes itu diselesaikan mengikut peringkat yang sebaik-baiknya. Contohnya lagi, Tuan Yang di-Pertua, kes dadah.

Pada masa ini juga biasa disebut oleh pihak Kerajaan dadah makin ramai yang menjadi penagih, pengedar dan sebagainya. Dan nampak gayanya orang-orang yang menjadi pengedar dadah, penagih yang begitu ramai seolah-olah mereka tidak takut dengan hukuman yang telah ditetapkan oleh Kerajaan kerana didapati apabila seseorang itu telah ditangkap, dituduh sebagai pengedar, penagih dadah, mengambil masa pula untuk diberi hukuman ataupun dijatuhkan hukuman, sungguhpun hukuman itu hukuman berat. Dan ini tidak ada kesan langsung kepada mereka yang menjadi penagih ataupun pengedar yang dibawa ke mahkamah dan mengambil masa pula untuk dihukum, kesan bagi menolong rakyat di dalam negara kita ini kurang dalam mengawal penagih ataupun daripada menjadi pengedar dadah. Oleh sebab itu saya suka mencadangkan supaya kes dadah hendaklah diutamakan dan dihukum ataupun dijatuhkan hukuman kepada mereka itu, diutamakan supaya menjadi kesedaran kepada sesiapa yang ingin menjadi pengedar ataupun menjadi penagih.

Yang ketiga di dalam mahkamah khasnya dalam Mahkamah Tinggi masih terdapat diutamakan lebih banyak kepada bahasa Inggeris dan bagi saya sebaik-baiknya terus keseluruhan bagi Jabatan Kehakiman ini mencari jalan supaya cara ataupun sebanyak-banyaknya dapat digunakan Bahasa Malaysia dapat dipergunakan di dalam mahkamah, baik mahkamah peringkat mana sekalipun

supaya bukan sahaja jabatan lain dapat menjadikan Bahasa Malaysia bahasa utama di negara kita ini. Jabatan Kehakiman juga menjadikan Bahasa Malaysia sebanyak-banyak digunakan di dalam Jabatan Kehakiman.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sekarang ini saya jemput Yang Berhormat Menteri memberi jawapan.

5.17 ptg.

**Pengiran Othman bin Haji Pengiran**

**Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada ketujuh-tujuh Ahli Yang Berhormat yang telah menyokong Rang Undang-undang ini dan telah mengeluarkan pendapat masing-masing mengenai dengannya.

Saya tidaklah bermaksud untuk menjawab satu persatu daripada apa yang telah dikemukakan. Saya cuba untuk menerangkan beberapa perkara yang saya agak penting yang telah diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi.

Pertama-tamanya, saya ingin menyentuh tentang bertambahnya jenayah di negara kita ini yang telah disuarakan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat tadi dan kaitannya dengan kes-kes yang masih banyak outstanding ataupun belum dibicarakan lagi. Saya berpendapat kes-kes yang masih outstanding itu tidaklah terlalu begitu mendesak, mungkin ada jejeu benarnya bahawa ada kelambatan sedikit sebanyak, tetapi perkara ini akan dapat kita atasi dari masa ke semasa.

Saya rasa mungkin satu daripada sebabnya ialah kerana masyarakat kita hari ini sudah bertambah sophisticated, maka dengan sebab itu penjenayah-penjenayah bertambah banyak. Maka dengan itu nampaklah kes-kes jenayah yang begitu bertambah dari sehari ke sehari.

Kes-kes yang outstanding ini dikaitkan dengan kekurangan Hakim-hakim di negara ini, ingin saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa seseorang itu hendak dilantik menjadi Hakim adalah dikehendaki mempunyai kelulusan-kelulusan yang tertentu yang mana ini juga merupakan satu daripada masalah yang harus kita hadapi dalam perkara ini. Walau bagaimanapun, segala usaha akan

dibuat untuk membanyakkan lagi Hakim-hakim kita untuk mempercepatkan perbicaraan di mahkamah-mahkamah di semua peringkat.

Ada juga disebutkan tadi mengenai dengan Hakim yang dikatakan seharusnya bebas, saya rasa ini sudah menjadi pengetahuan umum dan menjadi kebanggaan kita bahawa sebenarnya Hakim kita adalah terdiri daripada Hakim-hakim yang berkebolehan, berkemampuan dan pendirian yang bebas sebagaimana dikehendaki. Maka dengan itu hukuman-hukuman yang dijatuhkan oleh para Hakim kita adalah merupakan keputusan yang bebas yang mana ini tertakluk juga kepada peraturan-peraturan di dalam satu-satu kes yang dibicarakan.

Berhubung dengan para Hakim perlu diberi pengawal peribadi dan pengawal keselamatan rumah, saya rasa tidaklah pada ketika ini saya bermaksud untuk menerangkan dengan lanjutnya tetapi ini adalah satu perkara yang boleh kita kaji dan ambil perhatian.

Mengenai dengan perkara dibawa oleh Yang Berhormat dari Sepang tadi iaitu berkenaan dengan 8B, yang menyentuh tentang tujuan perkataan 'jawatan-jawatan lain' itu tidak begitu jelas, seperti yang saya katakan tadi bahawa sebelum keputusan membenarkan seorang Hakim bersara untuk memegang jawatan yang lain, kita telah mengambil beberapa langkah iaitu pertama, perkara itu hendaklah dikaji sedalam-dalamnya, sejauh manakah perkhidmatan Hakim yang bersara itu dikehendaki. Seperti yang saya katakan tadi iaitu Hakim yang hendak berkhidmat pada perkhidmatan lain diberi bersara dan berkhidmat adalah berasaskan kepada kepentingan dan keperluan khas sebuah negeri itu atau demi kepentingan Malaysia keseluruhannya. Dalam hal ini sebelum diluluskan bahawa perkara ini mestilah diteliti dengan sebaik-baiknya mengenai perkhidmatan yang kita maksudkan yang sangat penting di dalam hal ini. Sangat penting itu adalah bertujuan penting untuk negara kita. Dan sebelum ini diluluskan adalah tertakluk atas kuasa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berdasarkan pada perakuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kalau kita hadkan perkataan 'lain-lain jawatan' itu mungkin ini akan menimbulkan kesulitan juga kerana

perkhidmatan yang ada dalam negara kita ini berbagai-bagai perkhidmatan dan hanya jika difikirkan Hakim itu sesuai dan benar-benar diperlukan untuk mengisikan perkhidmatan itu demi untuk kepentingan negara kita seperti yang telah dipersetujui oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan diperakui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri maka baharu ianya diluluskan. Jadi, saya rasa tidaklah perlu kita bimbangkan kerana Kerajaan tentu sahaja akan berhati-hati untuk bertindak mengenai dengan perkara ini.

Mengenai dengan perbicaraan menggunakan jury, tadi nampaknya dua . . . . .

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** *Bangun!*

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sabar dahulu Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Saya suka minta penjelasan kerana saya masih samar-samar setelah mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Saya suka hendak mendapat penjelasan sama ada dalam Fasal 2 8B, istilah 'berkhidmat dalam suatu jawatan yang lain', adakah jawatan yang lain itu khusus kepada jawatan yang bersifat judicial ataupun jawatan itu terbuka kepada apa juga segala jawatan yang ada dalam negara kita ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sila, Yang Berhormat, Menteri.

**Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Terima kasih. Jawatan itu tidaklah mesti kita khaskan dalam segi judicial tetapi mestilah keutamaan diberikan dari segi judicial, tetapi saya rasa banyak lagi jawatan-jawatan yang lain yang diperlukan dalam negara ini yang memerlukan pengalaman para Hakim orang-orang yang berpengalaman di mahkamah. Jadi, maksudnya tidaklah dihadkan kepada perkara legal tetapi diperluaskan mengikut keadaan dan masa dan mengikut keutamaan ataupun kepentingan negara kita.

Mengenai dengan perbicaraan menggunakan jury tadi nampaknya kedua-dua Ahli Yang Berhormat pun sudah mempunyai pandangan yang berasingan sedikit saya rasa. Walau bagaimanapun, saya tidaklah berniat

untuk mengulasnya, hanya saya ingin memberi penjelasan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa perkara ini belum lagi diambil keputusan sama ada penggunaan jury itu diteruskan atau tidak. Walau bagaimanapun, pandangan Ahli Yang Berhormat itu akan juga kita ambil perhatian.

Mengenai dengan perkara sekiranya terdapat seorang Hakim yang tidak sihat dan mungkin perlu disarakan, saya rasa perkara ini sudah terkandung dalam Perkara 125(3) Perlembagaan Persekutuan. Satu lagi perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kangar tadi yang mengatakan para Hakim berkempen, saya rasa ini saya tidak perlu memberi komen ataupun huraian di sini, tetapi walau bagaimanapun apa juga yang telah disuarakan itu kita akan ambil perhatian.

Seperkara lagi yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain ialah mengenai penggunaan Bahasa Malaysia dalam mahkamah kita. Ahli-ahli Yang Berhormat, memanglah menjadi hasrat Kerajaan untuk memperluaskan penggunaan Bahasa Malaysia kita di mana-mana sekalipun termasuklah di dalam perbicaraan di mahkamah-mahkamah. Apa yang terdapat mungkin pada hari ini setengah-setengah kes kadang-kadang menggunakan bahasa Inggeris mungkin ini yang ada kaitan dengan reference kepada satu-satu kes sahaja. Tetapi inginlah saya memberi jaminan di dalam Dewan ini bahawa kita akan sedaya upaya menggalakkan penggunaan Bahasa Malaysia terutama sekali di peringkat-peringkat daerah misalnya di mana mungkin kes-kes di peringkat itu mungkin lebih senang dan mungkin dalam Bahasa Malaysia tentulah lebih senang difahami oleh masyarakat kita.

Mengenai dengan perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh yang mengatakan dalam perbicaraan hakim mengeluarkan percakapan-percakapan kasar, saya rasa tidak perlu saya membuat komen kerana di dalam Standing Order 36(8) ada mengatakan bahawa perkara ini memerlukan substantive motion.

Beberapa perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun antaranya ialah melibatkan kadi-kadi semasa kita menimbangkan Rang Undang-undang ini perkara-perkara yang berkaitan dengan

khalwat dan lain-lain lagi. Saya rasa ini terpaksa kita mengkaji dari segi yang berlainan kerana ini ada kaitannya dengan keugamaan yang mana kita memerlukan beberapa perkara ataupun beberapa pandangan-pandangan ataupun fatwa-fatwa kerana seperti dalam Perlembagaan kita juga perkara-perkara yang berkait dengan ugama merupakan satu perkara yang harus kita pertimbangkan mengikut peraturan-peraturan yang telah ditentukan.

Juga ditimbulkan tadi oleh seorang daripada Ahli-ahli Yang Berhormat ialah mengenai dengan meminta agar Hakim-hakim Mahkamah Tinggi, Mahkamah Persekutuan dengan automatik menjadi Senator. Saya tidaklah bermaksud untuk memberi komen yang panjang tetapi sememangnya sudah menjadi hasrat atau dasar Kerajaan kita untuk mendapatkan orang-orang yang terpelajar, mendapat orang-orang yang berpengalaman untuk berkhidmat di dalam jawatan-jawatan yang penting di dalam negara kita seperti Senator dan lain-lain jawatan dan saya rasa ini memang pun sudah diambil perhatian oleh Kerajaan pada hari ini. Mengenai dengan bangunan-bangunan mahkamah yang nampaknya tidak memuaskan, ini kita akan mengambil perhatian. Sebenarnya Kerajaan memang sedang meninjau atau mengkaji keadaan mahkamah-mahkamah kita di seluruh negara ini dan mencari jalan untuk memperbaikinya agar lebih selesai kerana dengan adanya keselesaan itu mungkin fikiran para hakim kita lebih baik lagi untuk menjalankan penghakiman.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja yang dapat saya beri penerangan pada ketika ini dan sekali lagi saya memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat tadi yang telah mengeluarkan pendapat, walaupun barangkali saya tidak sebutkan, ketinggalan, segala pendapat itu akan kita kaji dan akan ditimbangkan seberapa yang boleh demi untuk kepentingan negara kita khasnya untuk kepentingan para hakim yang berkaitan dengan undang-undang yang kita bincangkan pada ketika ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

### Fasal 1 dan 2—

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Tuan Pengerusi, saya suka hendak bercakap sedikit dalam Fasal 8(b) iaitu Fasal 2.

**Tuan Pengerusi:** Yang sebenarnya masa bercakap tadi sudahpun diberi. Jadi tujuan Ahli Yang Berhormat macam mana? Masa bercakap tadi dalam Undang-undang ini telahpun dijalankan sebelum saya kemukakan untuk diluluskan oleh Dewan. Sekarang ini Ahli Yang Berhormat hendak berucap dalam Jawatankuasa?

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Tuan Pengerusi, saya minta izin bercakap sedikit di dalam Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi, saya suka hendak merujuk kepada seksyen 8B(1) dalam Fasal 2 bersabit dengan perkataan "... membuat permohonan kepada Yang di-Pertuan Agong supaya dibenarkan bersara untuk berkhidmat dalam suatu jawatan yang lain; ..." Di dalam perbahasan sebentar tadi sebelum kita pergi ke Jawatankuasa, saya ada membangkitkan perkara ini dan Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa jawatan yang lain ini termasuk semua. Bermakna tidaklah terhad kepada jawatan yang bersifat judicial, bermakna ia meliputi apa juga jawatan yang ada di dalam negeri dan negara dan juga Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah menyatakan beliaupun tidak bercadang hendak meminda atau hendak mengistilahkan perkataan itu. Oleh itu, saya hendak mendapatkan sedikit jaminan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya kalau boleh implimentasi seksyen 8B ini hendaklah dijaga dengan baik.

Saya suka memberi satu contoh iaitu di bawah Seksyen 8B(1) ini bermakna dengan tidak dipinda apa-apa, dengan keadaan sekarang ini bermakna seseorang hakim itu, jika ia bersara, ia boleh seumpamanya jika mendapat kebenaran menjadi seorang Peguam (*practise*) ia boleh mendapat jawatan di dalam sesuatu syarikat untuk menjadi peguam biasa di dalam sesuatu syarikat peguam dan sekiranya perkara ini dibenarkan maka ini pada pendapat saya kurangnya molek, kurangnya baik dan saya harap di dalam melaksanakan kuasa di bawah seksyen 8B(1) ini janganlah dibenarkan, kalau dapat diberi jaminan di sini, janganlah dibenarkan mana-mana hakim untuk selepas ia bersara memasuki mana-mana juga syarikat peguam dan aktif sebagai seorang *solicitor* dan *practitioner*.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Saya menyatakan demikian, Tuan Pengerusi, kerana di dalam Fasal 2.8B ini sepertimana yang telah diterangkan membolehkan perkara itu berlaku. Juga saya suka kalau boleh dapat jaminan supaya janganlah berlaku seseorang hakim setelah ia bersara, ia menjawat jawatan yang bertentangan dengan jawatan yang ia pegang sebelum ia bersara, seumpamanya, jawatan Peguam Negara, jawatan Public Prosecutor, jawatan yang difikirkan ada pertentangan dengan jawatan yang pernah ia pegang sebelum daripada itu. Jadi, jawatan-jawatan seperti ini hendaklah difikirkan. Saya tidak dapat hendak memberi senarai yang penuh, yang *exhaustive* tetapi banyak jawatan-jawatan yang saya fikir perlu difikirkan kalau boleh jangan diberikan kepada bekas-bekas hakim.

Ini bukan pula saya hendak menimbulkan apa-apa prasangka ataupun menimbulkan apa-apa syak wasangka. Saya semata-mata membuat pandangan itu secara ikhlas dan jujur kerana sepertimana yang telah saya nyatakan tadi, kita haruslah menjaga dan memelihara *doctrine the independence of the Judiciary* dan supaya jangan ada apa-apa tuduhan-tuduhan; jangan ada apa-apa kata-kata yang dilemparkan kepada kita bahawa dengan cara ini kita boleh menjejaskan kedaulatan undang-undang kita, boleh pula kita mempengaruhi hakim-hakim yang sedang sekarang menjalankan tugasnya sebagai

hakim. Jadi supaya hendak mengelakkan daripada prasangka seperti ini dan hendak mengelakkan tuduhan-tuduhan seperti ini, maka elok juga kalau boleh Yang Berhormat Menteri di dalam Jawatankuasa ini memberi pengakuan bahawa kuasa ini tidak akan digunakan untuk memberi apa-apa jawatan kepada para hakim kita di bawah seksyen ini untuk bersara untuk memegang jawatan yang boleh difikirkan bertentangan dengan jawatan hakim yang pernah ia memegang sebelum daripada ia hendak memegang jawatan yang baru itu. Sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf:** Tuan Pengerusi, saya berilah jaminan perkara ini akan kita ambil perhatian dengan sebaik-baiknya. Saya rasa mengenai dengan para hakim yang sudah bersara dan mahu menjadi peguam ada peraturan-peraturan tertentu mengenai dengan perkara ini. Tetapi yang berkaitan dengan undang-undang ini saya sekali lagi beri jaminan Kerajaan akan berhati-hati dia akan memberi perhatian apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu.

**Fasal 1 dan 2** diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG INSURANS (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*5.45 ptg.*

**Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi meminda Akta Insurans, 1963" dibacakan bagi kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa pindaan kecil kepada Akta adalah dicadangkan berbangkit dari pengalaman yang diperolehi dan kesulitan-kesulitan praktikal yang dihadapi semasa mentadbirkan Akta. Pindaan-pindaan yang dicadangkan telah juga dibincangkan dengan wakil-wakil insurans am dan komen-komen mereka seterusnya telah diberi pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memberikan pandangan yang menyeluruh mengenai

cadangan pindaan kepada Akta kepada semua Ahli Yang Berhormat, saya akan menerangkan fasal-fasal utama Rang Undang-undang ini.

Fasal 2 Rang Undang-undang mengandungi satu pindaan terhadap seksyen 3 kepada Akta, memperuntukkan supaya syarikat-syarikat yang ditubuhkan di luar Malaysia mempunyai pada setiap masa lebihan aset ke atas tanggungan yang tidak kurang daripada \$1.0 juta untuk perniagaan insurans nyawa atau am dan \$1.5 juta untuk kedua-dua klas perniagaan. Ini akan meletakkan syarikat-syarikat tersebut sama tarafnya dengan syarikat-syarikat yang ditubuhkan di Malaysia.

Tujuan membuat seksyen 14A pula, pertamanya adalah untuk menentukan pembayaran premium dibuat dengan segera oleh bakal pemegang polisi, broker dan agen supaya dapat menambahkan lagi "aliran wang tunai" penginsurans-penginsurans. Peruntukan ini, dikenali sebagai "bayaran tunai sebelum perlindungan (cash before cover) di kalangan industri, adalah disebabkan oleh sejumlah besar premium yang belum dibayar masih terhutang kepada penginsurans-penginsurans oleh pihak yang dinyatakan dan ini bermakna penginsurans-penginsurans tidak berupaya untuk melaburkan wang tersebut dan juga menggunakan untuk bayaran tuntutan. Juga ianya telah mengakibatkan setengah penginsurans mengalami kesulitan aliran wangtunai.

Walau bagaimanapun, Seksyen 14A tidak memperuntukkan beberapa perlindungan yang dianggap perlu untuk pemegang polisi, dan dengan itu seksyen ini telah tidak dikuatkuasakan. Maka, Fasal 3 kepada Rang Undang-undang mengadakan seksyen baru 14A, untuk menggantikan seksyen 14A yang lama kepada Akta yang ada sekarang. Seksyen baru ini menjelaskan kedudukan kedua-dua penginsurans dan pemegang polisi dengan mengiktirafkan masa mulanya penginsurans menanggung risiko dan pemegang polisi diberi perlindungan di bawah polisi yang diambil. Selanjutnya, ia juga akan memberi perlindungan yang lebih untuk pemegang-pemegang polisi di mana penerimaan wang premium oleh seseorang agen dan broker yang sah (authorized) mewakili penginsurans akan disifatkan sebagai penerimaan wang premium

oleh pihak penginsurans dan tanggungjawab untuk membuktikan bahawa seseorang pemungut premium itu tidak diberi kuasa untuk membuat pungutan, adalah terletak di pihak penginsurans.

Skim "bayaran tunai sebelum perlindungan" (cash before cover) akan pada permulaannya dikenakan pada klas perniagaan insurans motor sahaja. Ini akan membolehkan Kerajaan mengawasi pelaksanaan peruntukan-peruntukan baru ini sebelum ianya diperkembangkan lagi, sekiranya perlu, kepada klas perniagaan insurans yang lain. Lagipun, oleh kerana ianya adalah satu skim yang baru, adalah wajar bagi Kerajaan mengawasi dengan teliti dan beransur-ansur untuk mengelakkan berlakunya perkara yang tidak praktikal yang tidak dapat dielakkan.

Seksyen 34A kepada Akta Insurans memperuntukkan bahawa pemilik-pemilik kapal laut, kapalterbang yang didaftarkan di Malaysia dan lain-lain harta-benda yang ditempatkan di Malaysia, adalah dikehendaki menginsuranskan kapal laut, kapalterbang dan harta-benda itu dengan penginsurans-penginsurans Malaysia ataupun dengan Penanggung-penanggung Llyod yang dilesen.

Sungguhpun seksyen 34A menyediakan peruntukan denda bagi seseorang yang melanggar peraturan-peraturan di dalam seksyen ini, Ketua Pengarah Insurans tidak mempunyai kuasa di bawah Akta untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan tersebut. Beliau tidak boleh, misalnya, mengarahkan seseorang itu memberi maklumat mengenai perjanjian insurans.

Fasal 4 kepada Rang Undang-undang menggantikan seksyen baru 34A untuk seksyen 34A yang ada sekarang untuk membolehkan Ketua Pengarah Insurans memperolehi maklumat-maklumat dikemukakan berkaitan dengan insurans kapal laut atau kapalterbang yang didaftarkan di Malaysia atau harta-benda yang bertempat di Malaysia. Di mana tuannya kapal laut, kapalterbang atau harta-benda gagal mengemukakan maklumat-maklumat yang dikehendaki dalam jangka-masa yang ditetapkan, ianya disifatkan telah menginsuranskan kapal laut, kapalterbang ataupun harta-benda secara melanggar kehendak seksyen 34A(1).

Adalah dianggap bahawa Seksyen 44A dalam bentuknya yang wujud sekarang didapati terlalu umum oleh kerana pihak penginsurans dipertanggungjawabkan dalam keadaan-keadaan yang di luar kemampuannya. Sebagaimana yang wujud sekarang, seseorang itu boleh mengakui dirinya sebagai agen kepada seseorang penginsurans dan yang demikian mempertanggungjawabkan penginsurans berkenaan terhadap sesuatu tanggungan risiko pada hal penginsurans itu tidak menyedarinya.

Fasal 5 menggantikan satu seksyen baru 44A untuk seksyen 44A yang ada sekarang di dalam Akta untuk menetapkan had ke atas tanggungan penginsurans di atas tindakan agen mereka yang telah diberi kuasa sahaja dan juga untuk melindungi pemegang polisi.

Fasal 6 kepada Rang Undang-undang telah menambahkan 4 kali ganda dari jumlah denda maksima yang ditetapkan di dalam Akta. Buat masa sekarang denda yang dikenakan adalah dalam lingkungan 500 hingga 25,000 ringgit. Ini adalah perlu kerana denda yang dikenakan pada masa Akta itu diluluskan dalam tahun 1963 telah dianggap tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan saya ingin memaklumkan Dewan bahawa pindaan-pindaan ini adalah perlu untuk mengatasi kekurangan-kekurangan Akta seperti yang dinyatakan di atas tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Insurans 1963 dibacakan bagi kali yang kedua dan sekarang terbuka untuk perbahasan.

Yang Berhormat dari Sungai Petani.

5.52 ptg.

**Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi alu-aluan dan menyokong Rang Undang-undang Insurans (Pindaan) 1979 yang baharu dikemukakan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, perniagaan insurans merupakan satu bidang yang amat mustahak, perlu dan penting bagi rakyat di negara ini. Oleh yang demikian, terdapat di masa-masa yang lampau banyak syarikat-syarikat insurans tumbuh seperti cendawan. Kebanyakan syarikat-syarikat insurans tersebut ditubuhkan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab dengan tujuan semata-mata untuk mengambil kesempatan memperdayakan orang ramai tanpa memberi sebarang perlindungan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, beratus-ratus ribu ringgit dan mungkin lebih dari itu telah dipungut oleh syarikat-syarikat insurans berkaitan daripada orang ramai, tetapi jujur dengan kesedaran pihak yang berkenaan Kerajaan telah mengadakan Akta Insurans dan dengan adanya kuatkuasa undang-undang perkara-perkara yang tidak diingini telah dapat dibasmi.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Fasal 3 Rang Undang-undang Insurans (Pindaan) ini saya rasa amat perlu Seksyen 14A. Akta itu diganti dengan seksyen 14A. yang baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, di masa-masa yang lampau pernah berlaku kejadian di mana pihak penginsurans telah memberi refund kepada orang yang berinsurans melalui agennya, tetapi wang itu tidak disampaikan oleh agen-agen tersebut kecuali dituntut oleh pihak yang berkenaan. Sekiranya mereka tidak menuntut kerana terlupa atau tidak sedar tentang adanya refund itu perkara ini adalah menyusahkan malah merugikan orang-orang yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya pindaan ini maka pihak penginsurans terpaksa membayar terus sebarang refund kepada orang-orang yang berkenaan tanpa melalui agen-agen atau orang-orang tengah mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja pandangan saya dan saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Insurans (Pindaan) 1979 ini untuk diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Pagoh.

5.55 ptg.

**Tuan Muhiyuddin bin Haji Mohamed Yassin (Pagoh):** Tuan Yang di-Pertua, saya

berdiri untuk menyokong di atas Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan baru sebentar tadi. Di samping itu saya ingin memberikan serba sedikit pandangan di atas hal-hal yang berkenaan dengan insurans dan khususnya berhubung dengan Rang Undang-undang (Pindaan) yang dibentangkan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan lulusnya kelak pindaan Rang Undang-undang ini, saya percaya satu lagi usaha telah dapat dijalankan oleh Kerajaan untuk memberikan perlindungan yang lebih kepada penginsurans dan juga pemegang-pemegang polisi dan oleh yang demikian pindaan Undang-undang ini adalah satu yang amat dialu-alukan.

Kita mengetahui setakat ini bidang perniagaan insurans adalah satu bidang bukan dikatakan baru tetapi yang sudah established dan sebagaimana Ahli Yang Berhormat yang lebih awal dari saya telah menerangkan tadi, merupakan satu bidang perniagaan yang amat menggalakkan dan banyak syarikat-syarikat insurans dan juga syarikat-syarikat ajen kepada insurans-insurans tumbuh di dalam negara kita. Tetapi pertumbuhan ini perlulah diawasi supaya tidak pada akhirnya nanti timbul berbagai perkara ataupun masalah khasnya berkenaan dengan tindak-laku yang dijalankan oleh beberapa syarikat-syarikat insurans dan juga agen-agen insurans yang menimbulkan keraguan di kalangan pemegang-pemegang polisi, terutamanya cara-cara mereka memberikan perlindungan, perkara yang berkenaan dengan perjanjian-perjanjian di dalam insurans yang diberi kepada pemegang-pemegang polisi dan sebagainya.

Berhubung dengan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kita menyedari sekarang ini sekiranya seseorang itu ingin mengambil satu polisi insurans, maka mereka itu akan dibentangkan dengan satu bentuk perjanjian ataupun dokumen yang perlu ditandatangani oleh pihak bakal pemegang-pemegang polisi. Saya yakin tidak banyak orang membacanya walaupun itu adalah satu yang perlu dan terdapat juga di antara beberapa syarikat-syarikat insurans ataupun agen-agen yang menjalankan usaha ini perbezaan berlaku di antara satu-satu syarikat dengan syarikat yang lain di dalam undang-undang, di dalam agreement ataupun perjanjian yang dibentangkan kepada pemegang

polisi. Kita tidak tahu adakah ini satu cara yang boleh dilakukan dengan sewenang-wenangnya oleh syarikat-syarikat insurans tetapi apa yang perlu diambil perhatian oleh pihak Kerajaan ialah supaya segala peraturan-peraturan dan perjanjian-perjanjian yang dibuat di antara penginsurans dan pemegang-pemegang polisi perlulah diselaraskan. Di dalam hal ini adalah menjadi tugas dan tanggungjawab sesebuah syarikat insurans itu untuk memberi seluas-luas penerangan kepada pemegang-pemegang polisi supaya mereka ini tidak menjadi mangsa ataupun kerana kurang arif tentang apa yang terkandung di dalam perjanjian yang mereka tandatangani.

Tuan Yang di-Pertua, kita banyak dengar malahan sekarang ini juga aduan-aduan daripada beberapa pemegang-pemegang polisi itu sama ada di dalam bidang insurans kenderaan, insurans nyawa dan sebagainya tentang perkara-perkara yang dilakukan oleh agen-agen insurans yang telahpun diberi kuasa oleh syarikat-syarikat insurans memungut bayaran-bayaran premium. Tetapi sebahagian daripada mereka ini tidak menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka bahkan tidak menyerahkan bayaran premium ini kepada syarikat-syarikat insurans. Oleh yang demikian, timbullah pertelingkahan dan juga perselisihan di antara agen-agen insurans dengan pemegang-pemegang polisi insurans. Ini kerap berlaku dan adalah perlu sekali sebagaimana yang telahpun dibentangkan di sini diperketatkan undang-undang ini dengan menentukan adalah menjadi tanggungjawab sesebuah syarikat insurans itu bersama-sama dengan agennya dalam soal-soal yang berkenaan dengan pemungutan wang bagi bayaran premium dan sebagainya.

Sebagaimana yang biasa berlaku dahulu sekiranya sesebuah agensi insurans itu tidak membayar wang premium kepada syarikat-syarikat insurans atau principal companynya maka syarikat tersebut boleh menyatakan mereka tidak menerima bayaran dan dengan sebab itu terlepas daripada tanggungjawab. Jadi saya amat mengalu-alukan dengan peruntukan yang baru di dalam Akta ini khasnya berhubung dengan Perenggan 5 yang berkait dengan Seksyen 44A yang menyebut bahawa adalah menjadi tanggungjawab bersama sesebuah syarikat insurans itu

sekiranya agen itu telahpun menerima bayaran mereka hendaklah menyempurnakan bayaran itu, dan sekiranya ada berlaku di mana wang tersebut tidak dijelaskan ataupun tidak dibayar kepada syarikat principal tadi maka syarikat tersebut juga adalah bersama-sama bertanggungjawab.

Satu lagi berhubung dengan aspek insurans ini saya ingin menyentuh satu perkara yang mungkin tidak banyak diketahui umum tentang perkara yang pernah dilakukan ataupun mungkin masih dilakukan oleh sebahagian daripada syarikat-syarikat pengangkutan. Saya sebutkan di sini oleh sebab sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menerangkan tadi bahawa dengan pindaan ini maka cash before cover ini akan hanya dikenakan buat permulaan kepada syarikat-syarikat insurans motor sahaja dan tidak melibatkan insurans-insurans lain seperti insurans nyawa, insurans harta dan sebagainya. Jadi di dalam hal ini kerap berlaku di mana sesebuah syarikat pengangkutan itu menggunakan kesempatan dan menggunakan kemudahan cover note untuk mendaftarkan sesebuah kenderaan mereka, umpamanya sebuah bas pelancung dan sebagainya dan selepas bas-bas tersebut didaftarkan dan apabila tarikh kuat kuasa cover note itu mati dan tidak diperbaharui maka bas tersebut masih lagi berjalan walaupun tidak disedari bahawa kenderaan tersebut tidak dicover ataupun tidak dilindungi dengan insurans sebagaimana yang dikehendaki oleh Kerajaan.

Hal ini saya percaya dilakukan oleh sebab sebagaimana yang kita ketahui kadar premium yang dikenakan oleh syarikat-syarikat insurans khasnya kepada syarikat-syarikat pengangkutan adalah amat tinggi dan ini menyebabkan banyak syarikat-syarikat pengangkutan ini menghadapi masalah wang tunai (cash) dan sebagainya dan mereka memikirkan satu cara lain untuk mengelakkan pembayaran ini dengan hanya membeli ataupun membayar wang permulaan bagi cover note dan selepas itu sekiranya cover note ini luput, tidak dibaharui maka kenderaan-kenderaan mereka masih berjalan lagi walaupun tidak dilindungi oleh insurans. Saya berharap apa yang telah dimaklumkan kepada kita pada hari ini di mana cash before cover ini dilaksanakan pada syarikat-syarikat insurans

motor sahaja, maka perkara berkaitan dengan insurans-insurans yang diambil oleh syarikat-syarikat pengangkutan terutama bas-bas pelancung dan sebagainya perlulah diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam bidang insurans ini, baru-baru ini timbul kurang faham di kalangan rakyat Malaysia khususnya orang-orang yang beragama Islam tentang perkara yang berkait dengan soal insurans nyawa. Perkara ini telah menimbulkan, kalau tidak perbalahan adalah satu perkara yang perlu disegerakan oleh sebab dengan tidak adanya satu fatwa yang tertentu walaupun ini bukan dalam bidangkuasa Kementerian Kewangan tetapi berkait dengan soal insurans sekiranya tidak ada satu ketentuan yang tetap khususnya dari segi sikap Kerajaan dan khususnya lebih khusus lagi di atas bidangkuasa Majlis Raja-raja dan juga Majlis Fatwa. Sekiranya tidak diberikan keputusan yang segera mungkin akan menimbulkan perbalahan dan juga akan menimbulkan syak wasangka di kalangan orang-orang Islam kita khususnya di dalam negara ini tentang sama ada insurans nyawa itu haram ataupun sebaliknya. Apa yang saya ketahui di peringkat negeri Johor mengikut fatwa yang dikeluarkan oleh bekas Mufti Kerajaan Johor dahulu telahpun dicatitkan sebagai fatwa yang diterima oleh Kerajaan Johor bahawa insurans nyawa ini haram melainkan insurans lain adalah diharuskan. Tetapi sehingga ini dan sebagaimana kita ketahui banyak pengumuman dan kenyataan yang dibuat yang masih lagi belum menentukan sikap yang tegas dari segi Kerajaan sendiri berhubung dengan insurans nyawa. Saya amat berharap khususnya melalui jasa baik Kementerian yang berkenaan untuk merujuk kepada mana-mana pihak supaya masalah fatwa tertentu berhubung dengan insurans nyawa ini hendaklah diberikan kenyataan yang sebenar-benarnya supaya rakyat Malaysia khususnya orang-orang Islam di dalam negara ini dapat menjalankan ataupun dapat mengambil satu panduan berhubung dengan soal pengambilan insurans nyawa ini.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sahaja pandangan saya berhubung dengan Rang Undang-undang yang dibentangkan pada hari ini.

Akhirnya saya sekali lagi menyokong di atas pindaan-pindaan yang telahpun dibentangkan tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

*6.05 ptg.*

**Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong di atas Rang Undang-undang Insurans (Pindaan) ini dan saya berpendapat perniagaan ini amat hebat di Malaysia kita. Kalaulah kita kata alang-alang kempen parti politik, kadang-kadang saya dapati kempen insurans inipun amatlah hebat, maka dengan ini saya yakin ini adalah satu perniagaan yang amat untung yang dijalankan dalam Malaysia kita.

Tuan Yang di-Pertua, kerana memandang dengan keuntungan inilah saya dapat banyak daripada insurans-insurans luar negeri kalau tidak silap saya A.I.A. dan beberapa lagi membuka cawangannya di Malaysia dengan melantik berbagai-bagai wakil. Tetapi walau macamanapun saya bersetuju dengan Rang Undang-undang ini yang mengatakan tadi mestilah ditaruh sejuta ringgit kalaulah insurans-insurans ini daripada luar negeri. Tetapi saya berpendapat tidaklah begitu cukup dan patutlah ditambahkan lagi cagarannya sehabis-habis banyak yang boleh kerana pada pendapat saya kalaulah satu-satu berlaku ataupun kalau ditipu oleh insurans-insurans ini tentulah yang kena aniaya pengambil-pengambil insurans yang ada dalam Malaysia kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sama-sama tahu sekarang boleh dikatakan banyak badan-badan walaupun sebentar tadi dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, kapal terbang, kapal laut dan sebagainya mesti ambil daripada insurans yang ada dalam Malaysia kita. Saya berpendapat bukan itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, bahkan badan-badan Kerajaan atau binaan-binaan Kerajaan yang akan dibuat atau swasta-swasta yang akan dibuat dalam Malaysia dimestikan insurans-insurans itu diambil daripada yang ada dalam Malaysia kita misalnya MNI. Oleh kerana perniagaan ini menguntungkan, dengan sebab itulah negara-negara luar sanggup menanam modal ataupun membuat

cawangan yang begitu banyak di Malaysia kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap juga kalau boleh Kerajaan kita patutlah mengawasi sungguh-sungguh di segi ini dan kadang-kadang saya hendak menyalahkan pun saya tidak tahu. Biasa saya katakan dalam Dewan ini juga Kerajaan ini dimestikan, kalau seseorang itu yang akan membayar lesen motokar dan sebagainya maka dia dimestikan mengambil insuran motor ataupun motokar, tetapi kalaulah di segi insurans ini Kerajaan tidak menitikberatkan, tidak menjaga, tentulah pihak penginsurans ini banyak yang kena tipu

Sebagaimana saya katakan tadi dengan memberi cover note sahaja seperti yang dikatakan oleh rakan saya dari Pagoh saya amat setuju dan yang sedihnya kadang-kadang penginsuran ini di masa ia berkempen untuk mendapatkan wang dengan berbagai-bagai janji dan sebagainya, baik insurans nyawa, insurans kenderaan, apa insurans sekalipun berbagai-bagai kempen tetapi bila seorang itu mendapat kemalangan sebagaimana yang dijanjikan tadi tidak sebegitu mudah sebagai yang dijanjikan tadi, terpaksa mengambil lawyer dan sebagainya, kadang-kadang sampai 4-5-6 tahun akhirnya tidak dapat juga. Ini kerap kali berlaku khasnya kepada penginsurans luar bandar yang tidak tahu, tetapi macammanapun kita sama-sama manusia sebagai sifat baru, ada kala sihat, ada kala sakit, ada kala baik daripada kemalangan, dia juga berhajat hendak menyediakan wang di masa mendapat kemalangan dan sebagainya. Dengan janji itu maka diapun turutlah sebagaimana yang dikehendaki oleh syarikat insurans tadi. Tetapi bila dia mendapat kemalangan hendak tuntutan dia mengatakan alasan itu, alasan ini dan berbagai-bagai alasan, yang sedihnya terpaksa cari lawyer dan sebagainya.

Kalau boleh saya berharap kepada Menteri yang berkenaan sikap atau alasan ini patutlah diubah.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga sebagaimana saya kata tadi tentang segi kenderaan terpaksa mengambil insurans dan sebagainya tetapi malangnya bila kenderaan khasnya di setengah tempat yang berhampiran

dengan sempadan dan sebagainya kadang-kadang kena kecurian, bayarannya boleh dikatakan hampir hendak habis, insuransnya dituntut kepada pihak insurans itu. Saya dapat tahu perkara ini banyak berlaku, hire purchase yang berkenaan dapat wang insurans yang diberikan itu tetapi kepada yang membayar insurans tak dapat apa-apa, ini kerap kali berlaku. Inilah tipu helah yang selalu berlaku yang dijalankan oleh badan-badan insurans sebagaimana saya katakan tadi kerap kali yang kena tipu ini orang yang pandai-pandai tak kena tetapi macam orang-orang luar bandar, boleh jadi saya sekalipun, saya tak pakar dalam insurans ini khasnya orang kampung kerap kali sangat berlaku tetapi macam mana saya katakan tadi kerana dia hendak jamin masa dia kena kemalangan, baik motor, nyawa dan segala-galanya dia tentulah bersedia menaruhkan wang pada kadar yang patut untuk menjamin masa dia kena kemalangan tetapi bila sudah terjadi perkara itu tidak akan dibayar, ini kerap kali berlaku. Saya berharap sangatlah kepada Timbalan Menteri yang berkenaan diawasi betul-betul perkara yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara ialah penilaian satu-satu kecederaan, misalnya, motosikal, motokar dan sebagainya, pihak yang memegang insurans ataupun kompeni insurans yang menjual itu dia menilai mengikut harga yang difikirkan patut. Kadang-kadang kalaulah kita kata kerosakan kemalangan itu sampai \$3,000 tetapi dia nilaikan tak sampai sebanyak itu dan ada juga boleh kita nilai lebih daripada itu terpaksa pula kita hendak beri sugu hati kepada foreman itu supaya dia tulis lebih, kalau tidak payah dia hendak beri macam itu, ini kerap kali biasa berlaku. Saya berharap kalau boleh patutlah kita adakan satu badan penilai khas, bukannya pemegang insurans dan bukan kerana insurans. Perkara ini saya fikir dapatlah jadi keadilan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap sangat juga sebagaimana berlaku ada setengah motokar yang diambil dalam masa setahun misalnya, dia tidak mendapat apa-apa kemalangan tiba-tiba dia hendak beli motokar baru, dia patutlah dapat non-claim bonus yang mana dalam masa setahun itu dia tidak ada mendapat kemalangan apa-apa sesudah dia hendak beli kereta baru. Dengan

sebab itu kerap kali perkara inipun tidak diambil tindakan dan sebagainya. Jadi saya berpendapat dan berharap kalau boleh satu-satu perkara yang hendak diambil insurans patut ditetapkan harga, sekian harga sekian insurans supaya tidak dapat ditipu oleh segenap pihak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Pantl.

6.14 ptg.

**Tuan Yusof bin Malim Kuning (Panti):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain menyokong Akta Insurans (Pindaan) 1963 yang dibentangkan dalam Dewan pada hari ini dan saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah dapat membentangkan pada hari ini yang mana dengan adanya pindaan-pindaan ini nanti akan dapat memberikan faedah yang lebih lagi kepada pemegang-pemegang polisi insurans di negara kita ini.

Sebagaimana yang kita tahu pada hari ini memang banyak sekali syarikat-syarikat insurans sama ada yang beribu pejabat di luar negeri atau yang ditubuhkan dalam negeri kita sendiri dan begitu juga termasuk banyak agen-agen insurans ini dan saya harap semua agen-agen ini akan dapat dikawal dengan rapi oleh pihak Kerajaan kerana banyak terdapat penipuan di mana pemegang-pemegang polisi insurans ini dipermainkan sama ada oleh syarikat insurans sendiri ataupun oleh para agen-agen syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap oleh kerana banyaknya rakyat kita hari ini yang boleh dikatakan buta huruf tentang membaca isi kandungan polisi-polisi insurans dan juga segala surat-surat perjanjian, saya bersetuju dengan rakan saya memang boleh dikatakan kebanyakan siapa sahaja yang membeli sama ada life insurance atau insurans kenderaan dan sebagainya memang jarang sangat terdapat mereka yang membaca polisinya dan membaca segala syarat-syarat yang terkandung di dalam surat perjanjian tersebut. Salah satu daripada sebabnya yang kita dapati hari ini bahawa kebanyakan polisi-polisi ini dan segala surat-surat perjanjiannya masih ditulis di dalam bahasa Inggeris dan tidak banyak yang

memahami bahasa Inggeris ini. Jadi inilah salah satu daripada sebab mengapa pemegang-pemegang polisi ini tidak membaca dan terus menandatangani. Saya harap melalui Dewan yang mulia ini melalui Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan supaya pihak Kementerian dan pihak Kerajaan dapat mengadakan surat-surat perjanjian yang selaras, yang standard di antara semua agen-agen insurans yang wujud dalam negara kita ini. Ini bagi memudahkan rakyat kita memahami supaya tidak dapati kekeliruan dan tidak ditipu oleh agen-agen insurans sebagaimana yang selalu berlaku hanya dengan membayar wang premium dan diberinya cover note dan kita tidak tahu sama ada premium itu terus dibayar kepada insurans asal ataupun diambil sahaja oleh pihak agen.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap melalui Kerajaan supaya mengawasi agen-agen ini kerana pada hari ini terdapat banyak kes-kes atau kemalangan-kemalangan yang melibatkan insurans tetapi kadangkala memakan masa bertahun-tahun baru si kemalangan itu mendapat ganjaran atau gantirugi dan hingga hari ini saya boleh terangkan banyak lagi yang sepatutnya mereka mendapat bayaran daripada polisi insurans yang mereka ambil. Saya harap kepada Kementerian yang berkenaan dan kepada Kerajaan juga mengambil berat dalam perkara ini kerana yang terlibat dalam perkara ini kebanyakannya ialah orang-orang kampung, peneroka-peneroka FELDA yang tidak tahu polisi insurans, tetapi sebab mereka diwajibkan mengambil insurans kerana mereka membeli motor hendaklah membeli insurans, membeli kereta hendaklah dengan insurans, kalau tidak ada insurans mereka tidak boleh memandu kereta. Dengan sebab itu, mahu tak mahu, sedar tak sedar sama ada mereka faham atau tidak dengan isi kandungannya polisi dan perjanjian itu mereka terpaksa membeli. Saya harap Kementerian dengan kerjasama Kementerian Penerangan umpamanya supaya dapat memberikan penerangan dengan sejelas-jelasnya kepada rakyat, sama ada mengadakan kursus-kursus sivik untuk memberitahu rakyat berkenaan dengan polisi insurans bagaimana caranya, bagaimana sepatutnya dibuat supaya dapat menolong dan membantu rakyat kita yang saya katakan tadi yang tidak faham berkenaan

dengan insurans ini dapat memahaminya dan tidaklah mereka itu terpedaya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah disentuh oleh rakan saya dari Pagoh, saya juga berasa bimbang dan kebanyakan orang-orang Islam kita hari ini masih tertanyanya kepada Kerajaan kerana pada satu masa dahulu memang telah ditimbulkan dan menjadi issue ugama berhubung dengan sama ada life insurance ini halal atau haram di sisi ugama, tetapi issue itu telah timbul bagaimana sebelumnya bagaimana sebelumnya hilang sebelumnya hilang begitu sahaja dengan tidak ada sebarang panduan daripada Majlis Ugama Islam Malaysia umpamanya ataupun Mufti-mufti Negeri masing-masing. Kalau yang adapun bagaimana yang dikatakan oleh rakan saya Ahli Yang Berhormat tadi terdapat dalam negeri Johor sahaja tetapi kita tidak membaca dalam suratkhobar, laporan atau petua yang menentukan sama ada benar, sama ada dibolehkan bagi orang-orang Islam atau tidak. Jadi untuk menghilangkan keraguan ini terutama sekali kepada orang-orang Islam, saya harap Kerajaan supaya dapat memberikan penjelasan tentang hukuman ini dan sebagaimana yang saya difahamkan bahawa life insurance ini memanglah salah di sisi ugama Islam. Walau bagaimanapun terpujanglah kepada kebijaksanaan Kerajaan supaya mendapatkan satu pandangan atau satu petua yang khusus daripada mana-mana pihak, khususnya dari pihak Majlis Hal Ehwat Ugama Islam Malaysia umpamanya supaya orang-orang Islam dalam negara kita ini tidak lagi ragu-ragu dalam soal ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja pandangan saya dan saya sekali lagi menyokong Akta ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada lagi Ahli-ahli yang hendak bangun bercakap? Kalau tidak ada, saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.21 ptg.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun menyokong Rang Undang-undang ini dan juga yang telah memberi beberapa pandangan-pandangan dan

juga memohon beberapa penjelasan-penjelasan dari pihak Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani dan juga Ahli Yang Berhormat yang lain telah membangkitkan soal tindak-tanduk agen-agen Syarikat-syarikat Insuran di masa-masa yang lepas seperti tidak membayar refund-refund kepada pihak-pihak yang berhak menerimanya ataupun yang lewat membayar premium kepada Syarikat-syarikat Insuran dan menyebabkan masalah kepada orang-orang yang membeli insuran tadi.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, inilah tujuannya diadakan pindaan kepada Akta Insuran ini oleh kerana dengan pindaan-pindaan yang ternyata itu maka dapatlah pihak industri insuran menentukan dengan tepat agen-agen yang sah diberi kuasa untuk bertindak bagi pihak mereka. Maknanya tidaklah lagi seperti masa yang lepas sesiapa juga boleh sewenang-wenangnya tanpa diketahui oleh mana-mana Syarikat Insuran menggelar diri dia sebagai agen insuran dan menjual insuran orang-orang yang tidak dapat maklumat yang penuh tentang polisi-polisi yang dibeli dan dengan itu mendatangkan berbagai-bagai kesulitan. Seiring dengan pindaan ini telah ada satu arahan kepada industri insuran supaya dengan seberapa segera merangkakan satu struktur kaitan antara Syarikat dengan agen di mana industri insuran diminta dengan seberapa segera menyediakan dengan lengkap syarat-syarat kelayakan dan lain-lain perkara yang berkaitan mengenai apakah yang ditakrifkan sebagai agen yang sah seperti yang dikenali di dalam Rang Undang-undang baru ini. Jika telah dapat diketahui oleh orang-orang awam siapakah agen yang sah kepada Syarikat Insuran maka ia tidak akan timbul kekeliruan. Dan adalah tanggungjawab Syarikat-syarikat Insuran sekarang ini menentukan sahnyanya seseorang agen itu dan syarat-syaratnya menjadi agen.

Juga Ahli Yang Berhormat dari Pagoh dan Panti telah membangkitkan perkara mengenai orang-orang yang tidak membaca dokumen-dokumen ataupun yang tidak erti membaca dokumen kerana dokumen ini di dalam bahasa Inggeris ataupun dalam bentuk-bentuk yang sukar difaham. Memanglah ini diakui, bahkan dalam Akta Insuran yang ada sekarang iaitu

Seksyen 16 (1) Ketua Pengarah Insuran adalah mempunyai kuasa untuk meneliti segala dokumen-dokumen yang berkaitan yang dikeluarkan oleh Syarikat-syarikat Insuran di Malaysia dan termasuklah juga meneliti dokumen-dokumen yang terlibat dengan agen insuran.

Sebenarnya sukacita saya memaklumkan pihak Kementerian melalui Ketua Pengarah Insuran dan Jabatannya sedang dalam proses untuk menyelaraskan atau standardise dokumen-dokumen yang digunakan oleh industri insuran dengan tujuan supaya pihak-pihak orang awam tidaklah terkeliru. Tetapi perlulah saya tegaskan kalau sudah ini dijalankan, orang-orang awam yang membeli insuran mempunyai tanggungjawab sebagai pengguna untuk membaca apa yang ditan-datangannya. Tidaklah boleh kita anggap bahawa kerana tidak mengetahui sesuatu itu maka kita akan lepas daripada apa-apa tanggungjawab yang ada terlibat. Ini adalah merupakan tanggungjawab kepada kedua-dua pihak.

Juga saya katakan tadi dalam Seksyen 16(1) ini juga di mana dokumen-dokumen itu dalam bahasa Inggeris, Ketua Pengarah berhak meminta dokumen itu diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia dan ini sekarang sedang dalam proses melaksanakannya.

Ahli Yang Berhormat dari Pagoh juga Ahli Yang Berhormat yang lain telah membangkitkan tentang soal Syarikat-syarikat Insuran Pengangkutan. Beliau mengatakan ada Syarikat-syarikat Insuran Pengangkutan oleh kerana tidak mahu ataupun mengelakkan untuk membayar tarif premium yang dikenakan ke atas kenderaan-kenderaan mereka hanya dengan menggunakan cover note yang mungkin coveragennya sebulan sahaja, ataupun tiga bulan sahaja, ataupun enam bulan sahaja dan dengan itu didaftarkan pengangkutannya, bila luput cover note tadi atau sah cover notenya tidak mahu mem-baharui bahkan menggunakan yang lama itu juga dan kenderaannya masih berjalan.

Di sini perlulah saya tegaskan praktis ini salah dari segi undang-undang kerana kereta yang tidak diinsurankan tidak boleh dijalankan di atas jalanraya kita sama ada kereta ataupun lori. Jadi bukan sahaja ia salah dari segi undang-undang bahkan ianya

mudarat kepada syarikat-syarikat ini, kerana kita tahu cover notenya telah luput dan kalau satu-satu kemalangan berlaku berkaitan dengan kenderaannya dengan orang awam ataupun harta benda awam, maka syarikat pengangkutan seumpama ini tidak ada mendapat perlindungan apa-apa dan adalah risiko yang besar yang dihadapinya jikalau kematian berlaku akibat kenderaannya melanggar orang. Ia boleh didakwa di mahkamah dan diminta compensation ataupun pampasan yang agak besar. Jadi tidak ada Syarikat Insuran yang akan melindunginya.

Inginlah saya menyeru kepada pihak-pihak yang berbuat begini, silalah berhentikan dengan segera, kerana salah dari sisi undang-undang dan juga adalah mudarat pada diri dan syarikat itu sendiri. Pihak Kerajaan telah-pun mengambil perhatian tentang adanya praktik ini, kerana dia terpaksa membayar \$5,000 misalnya untuk insuran maka tidak mampu membayar semuanya. Jadi dia ambil cover note sebulan, dua bulan sahaja. Jadi selari dengan pindaan Akta ini Kerajaan akan mengeluarkan peraturan-peraturan ataupun regulations, satu-satu set peraturan atau regulation, di mana akan dinyatakan beberapa kelonggaran untuk syarikat-syarikat pengangkutan yang mempunyai lebih daripada satu kenderaan, iaitu misalnya syarikat-syarikat teksi yang ada berpuluh-puluh teksi, syarikat-syarikat lori yang ada berbelas-belas lori, bas dan sebagainya dan sebagaimana kita maklum bahawa orang-orang ini jika dikehendaki membayar insuran itu sekali gus mungkin menghadapi kesulitan. Jadi flexibility ataupun ubahsuai ini atau kelonggaran ini akan dibuat seiring dengan Akta ini dalam bentuk regulations yang sedang pun disediakan sekarang dengan rundingan juga dibuat kepada pihak industri untuk menentukan jenis mana dan setakat masa kelonggaran ini perlu diberikan. Ini telahpun diambil ingatan oleh pihak Kerajaan.

Mengenai dengan Ahli Yang Berhormat dari Kangar mengesyorkan supaya harta-harta dan binaan-binaan badan-badan Kerajaan di-insurankan dalam negeri, memanglah takrif harta benda seperti yang telah sedia ada dalam undang-undang ini terlibatlah harta benda kapal, kapal terbang bukan sahaja syarikat-syarikat swasta tetapi juga syarikat-syarikat Kerajaan, ini sudahpun meliputi.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar dan juga dari Panti dan Pagoh ada membangkitkan soal agen-agen yang berkempen untuk mendapatkan orang membeli insuran selepas itu mereka tidak menjalankan perkhidmatannya. Sebabnya ialah agen-agen ini di masa-masa yang lepas tidak dipilih dengan cermatnya oleh syarikat. Jadi bermakna tanpa pindaan baru ini sesiapa boleh jadi agen, dia memujuk sahaja dengan tidak ada memberi service. Dengan pindaan ini adalah diharapkan masalah ini akan dapat diselesaikan.

Tentang penilaian, ini memang ada dilesenkan oleh Kementerian Kewangan, penilai-penilai ataupun penyelaras-penyelaras atau adjusters yang independent yang boleh memberi penilaian bebas mengenai accident-accident.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh menyambung jawapannya esok.

## PENANGGUHAN MESYUARAT

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Setiausaha:** Ucapan Penangguhan. Yang Berhormat Tuan Fung Ket Wing.

**Tuan Yusof bin Malim Kuning:** Tuan Yang di-Pertua, koram tidak cukup.

*(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, kurang daripada 26 Ahli hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan ditangguhkan sehingga hari esok jam 2.30 petang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.32 petang.*